

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
2019

HARI ISNIN : 1 JULAI 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 1 JULAI 2019 | ISNIN

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PORT DICKSON]**

SOALAN :

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesan dan peningkatan yang telah dihadapi oleh Tabung Haji (**TH**) setelah perubahan tampuk pengurusan tertinggi dan langkah penjimatan yang telah diambil sejak Mei 2018.

JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurusan tertinggi Lembaga Tabung Haji (**TH**) telah mengambil langkah sewajarnya melalui pelaksanaan Pelan Pemulihan dan Penstrukturan **TH**. Pelan ini melibatkan pemindahan aset-aset yang mengalami kejatuhan nilai dan memberi pulangan rendah kepada sebuah Syarikat Tujuan Khas (SPV) milik penuh Kerajaan Malaysia. Transaksi ini adalah bertujuan untuk memulihkan kedudukan kewangan **TH** supaya nilai aset melebihi nilai liabiliti. Langkah dan inisiatif yang diambil ini menyebabkan hibah telah diagihkan kepada pendeposit pada 5 April 2019 berlandaskan kepada Akta Tabung Haji.

NO. SOALAN : 1

TH mempunyai Hak Keutamaan (*First Right of Refusal*) terhadap aset-aset yang telah dipindahkan sekiranya SPV ingin melupuskan aset-aset tersebut. Pada masa yang sama untuk membantu fleksibiliti kewangan Kerajaan, sukuk mempunyai terma yang membenarkan Kerajaan untuk menebus semula sukuk bukan sahaja melalui tunai tetapi juga dengan melalui aset-aset yang telah dipindahkan tersebut atau aset-aset lain milik Kerajaan.

Kedudukan kewangan **TH** mencatatkan prestasi yang mampan pada suku pertama 2019, hasil daripada kejayaan proses penstrukturan dan pemulihan yang dilaksanakan pada akhir Disember 2018.

Antara langkah-langkah penjimatan yang telah dan sedang diambil oleh **TH** adalah seperti berikut :

- Untuk suku pertama tahun 2019, perbelanjaan operasi haji **TH** adalah lebih rendah iaitu sebanyak RM58 juta, dimana kos sebenar operasi Haji pada suku pertama 2019 adalah berjumlah RM204 juta berbanding RM262 juta pada suku pertama 2018;
- Membatalkan inisiatif yang kurang memberi manfaat dan berpotensi rendah seperti pelaburan di dalam mesin ATM. **TH** mengambil langkah dengan usahasama dengan Bank Islam Malaysia Berhad serta membuat pelaburan di dalam perbankan internet dan digital bagi kemudahan pendeposit;
- Merunding semula kontrak-kontrak terdahulu supaya dapat memberi penjimatan yang optimum kepada **TH** terutamanya di dalam bidang pembekalan infrastruktur teknologi maklumat. Penjimatan sebanyak RM 9.3 juta setahun daripada perundingan semula kontrak ini;
- Mengurangkan perbelanjaan mengurus seperti menguruskan kos pentadbiran dan perolehan di ibu pejabat **TH** dan semua cawangan **TH** seluruh Malaysia melalui pembelian secara pukal dibandingkan perolehan terus dari cawangan-cawangan **TH**. Penjimatan sebanyak RM2 juta setahun daripada inisiatif ini;

NO. SOALAN : 1

- Penjimatan dalam penganjuran sesuatu majlis dengan mengecilkan skala penganjurannya berjumlah RM1.5 juta setahun;
- Mengadakan usahasama strategik dengan anak-anak syarikat **TH** serta rakan perniagaan **TH** yang baharu dan sedia ada;
- Membuat pembiayaan semula (*refinancing*) kepada projek tertentu supaya dapat mengurangkan kadar kos kewangan kepada **TH** dari 3.7 peratus kepada 1.9 peratus dan ia memberikan penjimatan sebanyak RM600 ribu setahun; dan
- Meningkatkan dan menambahbaik program latihan kakitangan **TH**.

Sekian Terima Kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN
[SIK]
TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 2

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk menyelesaikan masalah pendaftaran pelarian Rohingya yang diselia oleh UNHCR ketika ini dan berapakah jumlah pelarian terkini yang didaftarkan di bawah agensi ini.

**JAWAPAN : YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL
TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh *United Nations High Commissioner For Refugees* (UNHCR), sehingga 31 Mei 2019, jumlah pelarian dan pemohon suaka yang berdaftar ialah 173,731 orang merangkumi 124,753 orang pelarian dan 48,978 pemohon suaka. Proses penentuan status pelarian ini dijalankan oleh pihak UNHCR berdasarkan Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol 1967.

SOALAN NO. 2

2. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, seramai 93,198 (53.6 peratus) adalah etnik Rohingya yang merangkumi 80,435 pelarian dan 12,763 pemohon suaka.

3. Berhubung dengan perancangan Kerajaan untuk menyelesaikan masalah pendaftaran pelarian Rohingya di Negara ini, Kerajaan telah berunding dengan pihak UNHCR untuk menempatkan pegawai Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen (JIM) dalam proses '*Refugee Status Determination*' yang dijalankan oleh pihak UNHCR. Namun rundingan tersebut masih belum dapat dimuktamadkan, tetapi Kerajaan komited untuk memastikan penempatan pegawai PDRM dan JIM tersebut dapat direalisasikan. Ini untuk memastikan ketelusan proses penentuan status pelarian. Pada ketika ini, penentuan status pelarian ditentukan secara unilateral oleh UNHCR. Justeru, penempatan pegawai PDRM dan JIM adalah penting untuk membantu mengenalpasti pelarian sebenar dan dalam masa yang sama menjaga kedaulatan negara.

4. Dalam pada itu, proses pembaharuan kad-kad UNHCR yang mempunyai ciri-ciri keselamatan yang lebih baik juga sedang giat dilaksanakan oleh UNHCR.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. : 3

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED [JELI]

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. : 3

DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED [Jeli] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan keluasan tanah yang telah diteroka untuk pembalakan bagi tahun 2017 dan 2018 secara berlesen dan haram. Sejauh manakah pembalakan yang berlesen dan haram telah menjejaskan keadaan alam sekitar.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara umumnya terdapat dua (2) kategori pelesenan pembalakan di negara ini iaitu pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan pembalakan di luar HSK iaitu di Tanah Kerajaan (TK) dan Tanah Bermilik (TM). Bagi aktiviti pembalakan dalam HSK, ianya hanya dilaksanakan dalam kawasan yang dikelaskan sebagai Hutan Pengeluaran dan tebangan dilakukan secara terkawal melalui amalan Sistem Pengurusan Memilih (*Selective Management System*). Bagi Tanah Kerajaan (TK) dan Tanah Bermilik (TM), pelesenan pembalakan dilakukan untuk tujuan pembangunan tanah dan lazimnya dilakukan secara tebang habis.

Kawasan yang telah dilesenkan dalam HSK oleh Jabatan Perhutanan Negeri pada tahun 2017 dan 2018 masing-masing adalah seluas 35,264 ha dan 34,833 ha. Bagi kawasan luar HSK iaitu di TK dan TM, Jabatan Perhutanan Negeri juga telah melesenkan kawasan seluas 10,627 ha pada tahun 2017 dan 36,720 ha kawasan bagi tahun 2018.

Aktiviti pembalakan haram dalam HSK bagi tahun 2017 dan 2018 adalah masing-masing seluas 269 hektar dan 110 hektar telah direkodkan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPMS) di mana jumlah ini adalah kurang daripada satu (1) peratus daripada keluasan HSK di Semenanjung Malaysia.

Lazimnya, aktiviti pembalakan haram yang dikesan melibatkan tebangan pokok-pokok yang terpilih yang berpasaran tinggi dan

bilangan yang sedikit dalam satu-satu kawasan. Oleh yang demikian, kesan kepada alam sekitar secara amnya juga adalah minimum.

Keadaan ini berbeza dengan pembalakan di TK dan TM samada berlesen atau tidak berlesen apabila melibatkan tebangan habis. Walaubagaimanapun, pelesenan pembalakan secara sah di TK dan TM adalah tertakluk kepada keperluan Penilaian Impak Alam Sekitar (*Environmental Impact Assesment - EIA*) sebelum aktiviti pembalakan dilakukan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI
ANNUAR BIN HAJI MUSA
[KETEREH - BN]**

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 4

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan status Program Pembangunan Bola Sepak Negara (NFDP) yang telah masuk tahun ke-5 dan apakah aspek penambahbaikan yang telah dibuat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program NFDP yang dilancarkan oleh Kerajaan yang lama sebelum ini akan terus diperbaiki dan dikekalkan di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Pada hari ini, Kementerian Belia dan Sukan telah menggariskan tujuh (7) penambahbaikan yang sedang dan telah dilaksanakan iaitu seperti berikut:

1. Pertama, sebaik sahaja saya memulakan tugas di Kementerian Belia dan Sukan, saya telah mengadakan sesi dialog dengan ibu dan bapa anak-anak yang berlatih di bawah Kem Akademi Mokhtar Dahari (AMD). Setelah tamat sesi dialog tersebut, saya telah melakukan lawatan mengejut di AMD dan telah menemui beberapa *major defects* di bangunan yang dilawati. Antara *defects* yang ditemui ialah sistem perparitan yang lemah dan mengakibatkan berlakunya banjir di dalam

NO. SOALAN : 4

kelas-kelas dan juga padang bola sepak apabila berlakunya hujan. Sistem *hydrotherapy* tidak berfungsi dan gimnasium pula tidak mempunyai peralatan serta makanan pula tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Institut Sukan Negara (ISN). Dalam tempoh terdekat ini, masalah-masalah tersebut berjaya diselesaikan, kecuali peralatan gimnasium yang hanya sampai dalam tempoh dua (2) bulan. Selain itu, pihak Kementerian telah menempatkan tujuh (7) orang pegawai ISN secara sepenuh masa di AMD yang mana pegawai-pegawai ini ditugaskan bagi memberikan nasihat berkenaan sistem sains sukan.

2. Kedua, bagi menyelaraskan isu pembayaran gaji, Kementerian telah memperkenalkan skim gaji yang lebih berstruktur selaras dengan Skim Kejurulatihan Kebangsaan yang dilaksanakan oleh Akademi Kejurulatihan Kebangsaan, Institut Sukan Negara (ISN). Skim gaji yang baru ini adalah mengikut kelayakan Skim Persijilan Kejurulatihan Kebangsaan (SPKK) dan setiap jurulatih perlu memenuhi keperluan persijilan Sukan Spesifik dan Sains Sukan.

3. Ketiga, Kementerian juga telah pun melibatkan *Football Asssocation of Malaysia* (FAM) dengan lebih banyak perkara berkaitan pembangunan bola sepak iaitu antaranya dengan melibatkan FAM untuk mengepalai jawatankuasa teknikal dan pada masa yang sama, terlibat dengan Kementerian dalam mencari pemain naturalisasi. Pencarian pemain naturalisasi ini adalah sama dengan model yang dilaksanakan oleh negara Qatar melalui *Aspire Academy* di mana negara tersebut tidak bergantung kepada pemain naturalisasi semata-mata tetapi mewujudkan *diversification in training* agar Malaysia boleh melahirkan pelatih yang terbaik.

4. Keempat, Kementerian telah menambah peruntukan kepada AMD dan juga kepada sistem NFDP secara menyeluruh. Pada tahun 2018, sejumlah RM3.5 juta telah diperuntukkan tetapi pada tahun ini jumlahnya telah ditingkatkan kepada RM15 juta.

5. Kelima, pada minggu yang lalu, Kementerian telah menandatangani perjanjian bersama *Regent International School* dan

NO. SOALAN : 4

melalui perjanjian tersebut, anak-anak AMD telah mendapat tajaan berjumlah RM5 juta selama 5 tahun dan berpeluang mendapat pensijilan peringkat antarabangsa.

6. Keenam, Kementerian telah mengadakan inisiatif untuk menempatkan anak-anak AMD untuk bertanding di Piala Belia-Belia dan Piala Presiden. Melalui pertandingan ini, Kementerian memastikan anak-anak AMD di bawah usia 16 tahun dapat bermain di bawah kategori 19 tahun, manakala anak-anak di bawah 17 tahun dapat bermain di bawah kategori 21 tahun. Berdasarkan pemerhatian, didapati prestasi mereka adalah sangat baik walaupun mempunyai jurang umur antara 3 – 4 tahun dengan pasukan yang lebih senior dan mampu menduduki tempat ketiga teratas, malah mampu menewaskan pasukan-pasukan terbaik seperti Johor, Selangor dan Kedah.

7. Ketujuh ialah pemeraksanaan sistem *thinking athletes*. Melalui kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia, atlet-atlet muda akan diberikan keutamaan untuk menyambung pengajian ke universiti dan politeknik tempatan. Dengan inisiatif yang dilaksanakan ini, kehidupan atlet-atlet muda akan lebih terjamin dan mampu menempatkan diri ke kelab-kelab bola sepak yang terbaik di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 1 JULAI 2019 [ISNIN]

SOALAN NO. 5

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan Kertas Putih Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) telah pun dibentangkan di Parlimen:-

- (a) Adakah Kerajaan merasakan tindakan undang-undang terhadap mereka yang melakukan penyelewengan agak terlalu lambat; dan
- (b) Jika tindakan telah diambil, berapa yang telah dibawa ke mahkamah.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

1. Objektif Kertas Putih FELDA adalah untuk memberi maklumat mengenai situasi sebenar dan isu yang dihadapi oleh FELDA. Kertas Putih ini juga menganalisis prestasi kewangan serta menggariskan hala tuju baharu untuk kelestarian FELDA. Tumpuan telah diberikan kepada penambahbaikan tadbir urus, penstrukturan semula dan pengukuhan kewangan serta operasi FELDA.
2. Antara komponen utama Kertas Putih ini adalah kajian audit forensik yang telah dilaksanakan oleh firma profesional bebas terhadap pembelian dan pelaburan yang meragukan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji secara mendalam proses perolehan dan pelaburan serta mengenal pasti sekiranya terdapat salah laku oleh pihak yang terlibat. Kajian ini turut bertujuan untuk mengenal pasti corak dan trend kelemahan tadbir urus FELDA bagi membolehkan langkah pengukuhan dibuat.

3. Tumpuan telah diberikan kepada lapan kes pembelian dan pelaburan yang signifikan dalam kumpulan FELDA. Hasil kajian audit forensik ini telah dilaporkan di dalam Bab 3 Kertas Putih FELDA.
4. Susulan daripada kajian audit forensik, FELDA, pada 8 April 2019 telah melaporkan kepada pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dua daripada lapan urusan tersebut iaitu, pembelian saham syarikat perladangan Indonesia, Eagle High Plantations Tbk (EHP) dan projek pembangunan Kuala Lumpur Vertical City (KLVC).
5. Lanjutan daripada itu, PDRM sedang melakukan siasatan terperinci terhadap EHP dan KLVC. FELDA memberi kerjasama penuh kepada pihak PDRM dalam siasatan kes-kes ini. FELDA komited membantu PDRM daripada pelbagai aspek supaya proses penyiasatan berjalan dengan lancar.
6. Sebagai sebuah Kerajaan yang menekankan kepada pemerintahan mengikut undang-undang, adalah wajar pihak berkuasa diberi ruang bagi melengkapkan siasatan untuk memastikan proses perundangan berjalan berdasarkan *rule of law*.

7. Untuk baki enam kes pembelian dan pelaburan yang dibentangkan dalam Kertas Putih, FELDA akan mengambil tindakan susulan dalam masa yang terdekat.

8. Walaupun hanya lapan urusanniaga diberikan fokus di dalam Kertas Putih, ianya tidak bermakna FELDA mengabaikan mana-mana pembelian atau pelaburan lain yang meragukan.

9. FELDA akan memastikan tadbir urus korporat yang berasaskan ketelusan dan akauntabiliti terus diperkasakan untuk mengembalikan keyakinan dan kepercayaan pemegang taruh, khususnya peneroka FELDA.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

1 Julai 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI
[TUMPAT]**

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

RUJUKAN : L1 [PR-1422-L05412]

SOALAN :

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah status terkini 97 transaksi lot tanah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang disiasat oleh Jawatankuasa Khas di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan serta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tumpat, pada 31 Julai 2018 Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) telah menubuhkan satu Jawatankuasa Transaksi Tanah Milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (JTTMDBKL) bagi meneliti semula 97 transaksi penjualan tanah DBKL dengan diketuai oleh KWP dan dianggotai bersama Pejabat Menteri Wilayah Persekutuan, DBKL dan wakil Jabatan Peguam Negara sebagai ahli jemputan.

Terma rujukan JTTMDBKL adalah ke atas:

- (i) Urusan Jual beli iaitu semakan ke atas proses mendapatkan persetujuan dan kelulusan penetapan harga serta penelitian ke atas urusan nilai tanah dan dokumen perjanjian jual beli;
- (ii) Kelulusan teknikal iaitu semakan ke atas proses untuk mendapatkan kelulusan perintah pembangunan, pelan bangunan densiti & kebenaran mendirikan bangunan; dan
- (iii) Pematuhan peraturan semasa, penelitian ke atas peraturan, dasar dan garis panduan yang sedang di kuatkuasakan.

JTTMDBKL telah pun selesai membuat semakan semula ke atas 97 transaksi penjualan tanah DBKL pada November 2018 di mana status semasa adalah seperti berikut:

- (i) 14 transaksi telah dibatalkan secara '*mutual agreement*' antara pihak DBKL dan syarikat;

NO. SOALAN : 6

- (ii) 81 transaksi di teruskan walaupun bagaimanapun terdapat 1 daripada transaksi berkenaan di mana pihak ketiga telah membawa transaksi tersebut ke mahkamah;
- (iii) 2 transaksi gagal mencapai persetujuan yang mana 1 transaksi di peringkat mediasi di Mahkamah Tinggi ekoran pemaju tidak berpuas hati dengan pembatalan projek; dan
- (iv) 1 transaksi lagi masih menunggu tindakan/maklumbalas daripada pihak syarikat yang berkemungkinan akan mengambil tindakan mahkamah ekoran pihak DBKL memutuskan untuk tidak meneruskan transaksi berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam masa yang sama 64 transaksi daripada 97 transaksi tersebut telah berada dalam siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mulai dari Jun 2018. Pada 7 Ogos 2018, pihak SPRM memaklumkan hasil siasatan kepada DBKL bahawa kesemua 64 transaksi penjualan tanah berkenaan telah mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh DBKL dan kesemua transaksi tersebut boleh diteruskan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [BAGAN SERAI]

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN : 7

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status permohonan mesyuarat membabitkan tiga pihak iaitu Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri Kedah dan Kementerian berhubung pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP). Apakah perkembangan terkini membabitkan cadangan pembinaan KXP dan juga dua proposal lapangan terbang baru yang telah dibentangkan kepada Pejabat Perdana Menteri pada awal tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

1. Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian Pengangkutan yang telah dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian pada 24 Januari 2019 telah memutuskan supaya kertas cadangan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) dibentangkan oleh Kerajaan Negeri Kedah kepada Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk pertimbangan Kerajaan. MPFN akan meneliti cadangan pembinaan KXP ini dan akan mengemukakan nasihat berkaitan seperti mana yang dikehendaki di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan 2017). Kementerian Pengangkutan seterusnya akan mempertimbangkan permohonan pembinaan KXP setelah mengambil kira nasihat daripada MPFN tersebut.

NO. SOALAN : 7

2. Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri ke-133 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 26 Februari 2019 seterusnya telah bersetuju supaya Kementerian Pengangkutan mengadakan perbincangan bersama-sama Kerajaan Negeri Kedah dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhubung cadangan pembangunan KXP tersebut. Mesyuarat membabitkan tiga pihak iaitu Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri Kedah dan Kementerian berhubung pembinaan telah diadakan di Kementerian Pengangkutan pada 28 Mei 2019. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan. Mesyuarat ini telah membincangkan cadangan pembinaan KXP untuk makluman lanjut Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

3. Berhubung cadangan pembinaan lapangan terbang baharu di Pulau Pinang seperti yang telah disiarkan di akhbar The Star pada 10 Jun 2019 lalu, Kementerian Pengangkutan tidak pernah dimaklumkan mengenai cadangan-cadangan ini dan tidak pernah dilibatkan dalam sebarang perbincangan mengenainya. Kementerian juga tidak pernah menerima sebarang kertas cadangan berkaitan dengannya.

NO. SOALAN : 7

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT
1 HINGGA 18 JULAI 2019

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. NORAINI AHMAD [PARIT SULONG]

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan pendirian Kerajaan dalam penerapan pensijilan *Malaysia Sustainable Palm Oil* (MSPO) yang akan diwajibkan pelaksanaannya Disember ini, dan bagaimana falsafah tersebut dapat memberi kebaikan dari aspek ekonomi kepada pekebun-pekebun kecil yang semakin terkesan dengan penurunan harga minyak sawit.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini **bersekali dengan soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit pada 1 Julai 2019, Yang Berhormat Jelebu pada 4 Julai 2019, Yang Berhormat Padang Terap dan Yang Berhormat Kemaman pada 10 Julai 2019** yang juga menyentuh mengenai Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) dari aspek bentuk bantuan kepada pekebun kecil, statistik terkini pencapaian dan juga peranan MSPO terhadap menjawab tohmahan Kesatuan Eropah (EU).

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tetap dengan pendirian untuk terus melaksanakan pensijilan MSPO bagi industri sawit negara dan memandatorikannya bermula 1 Januari 2020. Ini selaras dengan

SOALAN NO : 8

kenyataan oleh YAB Perdana Menteri semasa ucapan beliau dalam Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 29 September 2018 iaitu Malaysia akan pastikan semua minyak sawitnya mematuhi standard MSPO menjelang 2020.

Pelaksanaan MSPO ini merupakan langkah utama Kerajaan ke arah mewujudkan sistem kemampunan bagi menjenamakan minyak sawit Malaysia di peringkat antarabangsa. Usaha juga dilakukan untuk memastikan penerimaan dan pengiktirafan pensijilan MSPO secara global. Kerajaan yakin, dari segi ekonomi, MSPO akan membuka akses pasaran lebih luas untuk pasaran minyak sawit mampan Malaysia di negara-negara pengimport. Ini kerana kebanyakan negara-negara pengimport di dunia pada masa ini amat mementingkan aspek kemampunan dalam proses pengeluaran produk.

Oleh itu, pensijilan MSPO ini akan secara langsung membantu pekebun kecil mendapatkan pengiktirafan minyak sawit yang mampan terutamanya oleh negara-negara pengimport utama minyak sawit Malaysia. Ini seterusnya akan meningkatkan pendapatan pekebun kecil melalui akses pasaran yang lebih luas dengan hasil yang lebih berkualiti, mesra alam dan mampan. Disamping itu, pensijilan MSPO ini juga membantu dalam penjagaan alam sekitar yang turut memberi manfaat kepada pekebun kecil dari segi keselamatan dan kesihatan dalam pengurusan kebun sawit.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian akan meneruskan usaha untuk memastikan para pekebun kecil mematuhi dan mendapat pensijilan MSPO serta menyediakan bantuan kepada mereka. Kementerian melalui agensi seperti Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC) sedang menyediakan latihan secara percuma kepada mereka bagi memahami dan mematuhi keperluan piawai pensijilan. Selain itu, pegawai TUNAS MPOB juga bersedia memberi khidmat nasihat teknikal mengenai Amalan Pertanian Baik (GAP) kepada para pekebun kecil. Program Jelajah MSPO ke seluruh negara telah diadakan sebagai usaha turun padang untuk memberi penerangan dan bantuan teknikal

SOALAN NO : 8

kepada para pekebun kecil ke arah pensijilan. Program ini juga dirangka mengikut kesesuaian penduduk setempat bagi memudahkan komunikasi dalam memastikan pemahaman tentang MSPO dan seterusnya diterima pakai oleh pekebun kecil.

Untuk makluman, Kerajaan telah menyediakan dana bagi membantu pekebun kecil mendapatkan pensijilan MSPO yang merangkumi kos yuran pensijilan, pembelian peralatan perlindungan diri (PPE) dan pembinaan rak bahan kimia. Selain itu, Kerajaan juga turut menanggung kos latihan dan taklimat yang diberikan kepada pekebun kecil sawit di seluruh negara. Pengumuman geran MSPO untuk pengusaha sawit oleh Kementerian Kewangan baru-baru ini juga merangkumi bantuan kepada pekebun kecil tersusun bagi menggalakkan lebih ramai penanam sawit mendapat pensijilan MSPO.

Tuan Yang Di-Pertua,

Masih terlalu awal bagi pihak Kerajaan untuk mengukur sejauh mana MSPO dapat membantu menjawab tohmahan yang dilemparkan EU memandangkan usaha kita ke arah pensijilan masih belum selesai sehingga ke penghujung tahun ini. Walau bagaimanapun, data eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit ke negara Kesatuan Eropah telah meningkat 3.3% dari 971,670 tan (Januari-Mac 2018) kepada 1,004,140 tan (Januari - Mac 2019).

Statistik juga menunjukkan 104,354 pekebun kecil telah mendapat persijilan MSPO sehingga Mei 2019.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM B. ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH - PH]**

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 9

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian menggunakan khidmat legenda badminton negara, Dato' Lee Chong Wei bagi melahirkan lebih ramai pemain badminton berprestasi tinggi.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada 13 Jun 2019 yang lalu, Dato' Lee Chong Wei telah mengumumkan persaraan beliau daripada sukan badminton dan secara langsung menyebabkan Malaysia kehilangan sebuah permata yang menyinari landskap badminton negara.

2. Rentetan daripada pengumuman tersebut, pihak Kementerian telah berbincang dan berdialog bersama Majlis Olimpik Malaysia (MOM) dan bersetuju untuk melantik Dato' Lee Chong Wei sebagai *Chef-De-Mission* (CDF) bagi Temasya Sukan Olimpik Tokyo 2020. Walaupun beliau tidak akan hadir sebagai seorang atlet yang berbakti kepada negara, tetapi sebagai *Chef-De-Mission* (CDF) saya yakin nasihat beliau dan bimbingan beliau bakal memberikan inspirasi kepada atlet-atlet muda yang lain untuk terus berkhidmat bakti kepada

NO. SOALAN : 9

negara tercinta dan menyumbangkan pingat emas yang pertama kepada Malaysia dalam sukan olimpik.

3. Pada masa yang sama, Kementerian akan berusaha memastikan Dato' Lee Chong Wei terus bersama dengan Persatuan Badminton Malaysia (BAM) yang ketika ini di bawah kelolaan Dato' Sri Mohamad Norza Zakaria dan terus mengadakan sesi *sparring* bersama dengan atlet-atlet muda.

4. Kementerian juga dimaklumkan bahawa Dato' Lee Chong Wei turut berniat mengadakan kolaborasi untuk membina satu akademi Lee Chong Wei di negeri Kedah. Pada masa yang sama, bagi memastikan khidmat beliau dapat dipanjangkan, rundingan bagi menggunakan bakat beliau akan diteruskan selepas Dato' Lee Chong Wei telah bersedia nanti.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD
YUSOFF [RANTAU PANJANG]

TARIKH : 01 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 10

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik bilangan pekerja yang diberhentikan kerja bagi tempoh Mei 2018 sehingga Mei 2019 mengikut pecahan sektor awam dan swasta.

PR-1422-L05069

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mengikut rekod Jabatan Tenaga Kerja (JTK), seramai 33,402 orang pekerja diberhentikan kerja dalam sektor swasta dari tempoh Mei 2018 hingga Mei 2019 yang melibatkan seramai 25,810 pekerja diberhentikan secara pemberhentian biasa dan 7,119 pekerja diberhentikan melalui pemberhentian secara sukarela (VSS).

2. Di samping itu, Pegawai awam lantikan kontrak yang telah ditamatkan perkhidmatan dalam tempoh Mei 2018 sehingga Mei 2019 ialah seramai 1,691 orang daripada jumlah keseluruhan seramai 14,689 orang pegawai awam lantikan kontrak. Sehingga kini, tidak terdapat perubahan pada data kerana pelaksanaan urusan penamatan telah pun berakhir.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Tindakan pemberhentian pekerja swasta dilaksanakan berpunca daripada beberapa sebab seperti berikut:

- i. ketidakstabilan pasaran ekonomi global;
- ii. tiada permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan;
- iii. pemaksimaan teknologi maklumat dan komunikasi;
- iv. penutupan perniagaan sepenuhnya/sebahagian;

SOALAN NO: 10

- v. pengecilan tenaga kerja;
- vi. pengambilalihan syarikat; dan
- vii. penstrukturan semula organisasi;

4. Perbandingan mengikut sektor menunjukkan pemberhentian pekerja tertinggi berlaku dalam sektor Pembuatan bagi tempoh Mei 2018 hingga Mei 2019 iaitu sebanyak 13,619 (41.4%) pekerja terlibat. Diikuti dengan sektor Aktiviti Pentadbiran dan Khidmat Sokongan iaitu sebanyak 6,447 (19.6%) pekerja terlibat dan sektor Maklumat dan Komunikasi sebanyak 2,138 (6.5%) pekerja terlibat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT
1 HINGGA 18 JULAI 2019

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 1 Julai 2019

SOALAN :

Datuk Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan

- (a) Jumlah dana yang telah disediakan oleh Kerajaan sebagai pinjaman untuk mengalakkan tanaman pokok getah jenis balak (*latex timber clone rubber tree*) sehingga hari ini.
- (b) Berapakah baki dana ini yang masih boleh dipinjamkan dan adakah Kementerian merancang untuk menambah dana ini untuk mengalakkan penanaman pokok getah jenis balak.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

- (a) Sebagai makluman, sehingga 31 Mei 2019. jumlah dana yang telah diluluskan di bawah Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) oleh Kementerian bagi tanaman pokok getah jenis balak (*latex timber clone rubber tree*) adalah sebanyak RM737,250,985.01.

- (b) Baki dana yang masih boleh digunakan di bawah Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) adalah sebanyak RM107,154,022.38. Buat masa ini, Kementerian sedang meneliti kesesuaian dan hala tuju program berkenaan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kayu getah merupakan bahan mentah utama yang digunakan di dalam industri perabot kayu Malaysia. Dianggarkan sebanyak 80 peratus perabot yang dihasilkan adalah diperbuat daripada kayu getah. Sifat kayu getah yang mesra alam dan tahan lasak menjadikan ia sebagai pilihan utama oleh pihak industri perabot. Berdasarkan kepada trend ini, Kerajaan akan terus memberi perhatian kepada penggunaan kayu getah daripada pokok getah jenis balak berbanding spesies yang lain. Buat masa ini, Kerajaan merancang untuk menggalakkan penggunaan kayu getah di pasaran tempatan berbanding untuk tujuan eksport. Walau bagaimanapun, ini adalah bergantung kepada trend permintaan dan penawaran kayu getah di pasaran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
[BATANG SADONG]**

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 12

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan status kemajuan melaksanakan janji manifesto Kerajaan PH berhubung pertambahan bayaran royalti atau bayaran tunai (cash payment) sehingga 20% dari Petronas kepada negeri Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, persoalan yang dibangkitkan ini merupakan antara perkara yang dibincangkan dalam **Jawatankuasa Khas Kabinet (Pemandu) bagi Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63)** yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.
2. Keahlian Jawatankuasa Khas Kabinet ini merangkumi pelbagai pihak berkepentingan di peringkat Persekutuan dan Negeri termasuk YAB Ketua Menteri Sarawak dan YAB Ketua Menteri Sabah. Sehingga kini, jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak tiga (3) kali iaitu pada 17 Disember 2018, 5 Mac 2019 dan 17 Mei 2019.
3. Mesyuarat pada 17 Disember 2018 antara lain bersetuju supaya isu petroleum dibincangkan dalam forum berasingan memandangkan isu ini amat kompleks dan melibatkan banyak pihak berkepentingan yang perlu diberi pertimbangan.

4. Mesyuarat Pertama Forum Berasingan untuk negeri Sarawak yang dipengerusikan secara bersama oleh YB Menteri Hal Ehwal Ekonomi dan YAB Ketua Menteri Sarawak telah diadakan pada 16 Mei 2019.

5. Mesyuarat dihadiri oleh pegawai daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA); Kementerian Kewangan Malaysia (MOF); Jabatan Peguam Negara (AGC); dan Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS), mewakili Kerajaan Persekutan. Manakala Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) merupakan urus setia untuk Forum ini.

6. Terma Rujukan (*Term of Reference* – TOR) Forum Berasingan telah dimuktamad dan dipersetujui tanpa sebarang pindaan antara kedua belah pihak. Skop forum berasingan ini menumpukan kepada tiga (3) perkara iaitu:-
 - (i) Penyelesaian komersial bersama PETRONAS;
 - (ii) Royalti atau bayaran tunai; dan
 - (iii) Cukai termasuk duti eksport dan cukai jualan.

7. Hasil perbincangan dan syor daripada forum berasingan ini termasuklah yang berkaitan dengan royalti atau bayaran tunai, akan diangkat kepada Jawatankuasa Khas Kabinet (Pemandu) MA63 untuk pertimbangan dan persetujuan.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

01 Julai 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN
[BATU]**

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

RUJUKAN : L2 [PR-1422-L05680]

SOALAN :

Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian bagi mengatasi masalah banjir kilat di Kuala Lumpur disebabkan oleh infra yang kurang baik daripada projek-projek pembangunan.

Tuan, Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Batu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah membentuk satu Task Force bagi merangka strategi menangani isu banjir kilat di Kuala Lumpur. Antara tindakan yang dilakukan termasuk pengumpulan data maklumat lokasi banjir kilat yang diperolehi dari Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar, DBKL dan Jabatan Penguatkuasaan, DBKL.

Dari maklumat yang diperolehi ini, pasukan Task Force bertanggungjawab mengenalpasti punca banjir kilat berlaku sama ada :

- i. Longkang atau Saluran Air Tersumbat ;
- ii. Kelancaran Air Larian Hujan ke Parit Induk dan seterusnya ke Sungai;
- iii. Kapasiti Longkang dan Parit Induk; dan
- iv. Kawasan Rendah.

Hasil daripada kajian yang dilaksanakan secara terperinci, DBKL akan mengambil tindakan susulan seperti berikut :,

- i. **Longkang atau Saluran Air Tersumbat ;**
DBKL melalui Alam Flora akan melaksanakan kerja-kerja pembersihan agar aliran Air Larian Hujan dapat mengalir dengan lancar.
- ii. **Kelancaran Air Larian Hujan ke Parit Induk dan seterusnya ke Sungai ;**
DBKL akan melaksanakan kerja pembaikan kecil termasuk pembaikan Scupper Drain / Outlet Drain, pembersihan akibat saluran yang tersumbat oleh bahan binaan dan simen. Bagi kerja yang berskala besar DBKL akan melaksanakan kerja pembaikan melalui Kontraktor Berpenggal.

iii. **Kapasiti Longkang dan Parit Induk ;**

DBKL akan melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf longkang dan parit induk sedia ada selaras dengan panduan Pelan Induk Sistem Saliran Bandar Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Drainage Master Plan).

iv. **Kawasan Rendah ;**

Bagi kawasan rendah, pihak DBKL akan mengkaji dan melaksanakan tindakan dan kaedah yang sesuai untuk mengatasi masalah ini. Di antaranya, pembinaan rumah pam dan menaikkan aras tebing sungai.

Untuk makluman Yang Berhormat Batu, Kejadian banjir kilat juga berlaku akibat pembangunan. Pemaju projek-projek pembangunan adalah disyaratkan di dalam Perintah Pembangunan untuk mengemukakan pelan kerja tanah kepada DBKL untuk kelulusan sebelum sebarang kerja tanah dimulakan di tapak. Pihak pemaju akan melantik perunding untuk menyediakan satu pelan mengawal hakisan tanah (*Erosion Soil Control Plan, ESCP*) semasa memohon kepada DBKL bagi mendapatkan kelulusan kerja tanah.

Erosion Soil Control Plan (ESCP) memperincikan cara-cara mengawal hakisan tanah di tapak dan keperluan menyediakan kolam perangkap kelodak (*silt trap*) semasa kerja tanah dijalankan di tapak. *Silt trap* yang berfungsi dengan baik akan memastikan kelodak daripada tapak pembinaan tidak mengalir keluar dan memasuki sistem perparitan sedia ada. Keadaan banjir kilat akan berlaku sekiranya infrastruktur perparitan sedia ada dipenuhi dengan kelodak daripada tapak pembinaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI
ABD. MUTTALIB [MARAN]**

TARIKH : 01 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 14

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah sebenar pekerja-pekerja yang diberhentikan mengikut sektor dan apakah kesan-kesan nyata kepada sektor yang berkaitan dan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membantu pekerja tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan notifikasi yang diterima oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK), daripada Januari hingga Mei 2019, seramai 16,569 orang pekerja yang diberhentikan. Daripada jumlah tersebut, seramai 14,316 (86.4%) pekerja terlibat dengan pemberhentian biasa. Manakala, seramai 2,253 (13.6%) pekerja pula terlibat dengan pemberhentian sukarela (VSS).

2. Perbandingan mengikut sektor bagi tahun 2019 sehingga 31 Mei, menunjukkan pemberhentian pekerja tertinggi berlaku dalam sektor Aktiviti Pentadbiran dan Khidmat Sokongan iaitu sebanyak 5,863 (35.4%) pekerja terlibat. Diikuti dengan sektor Pembuatan iaitu sebanyak 5,611 (33.9%) pekerja terlibat dan sektor Perdagangan

SOALAN NO : 14

Borong dan Runcit, Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal sebanyak 1,017 (6.1%) pekerja terlibat.

3. Antara sebab-sebab tindakan pemberhentian pekerja dilaksanakan berpunca daripada perkara berikut:

- i. ketidakstabilan pasaran ekonomi nasional dan global;
- ii. tiada permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan;
- iii. pemaksimaan teknologi maklumat dan komunikasi;
- iv. penutupan perniagaan sepenuhnya/sebahagian;
- v. pengecilan tenaga kerja;
- vi. pengambilalihan syarikat; dan
- vii. penstrukturan semula organisasi;

Tuan Yang di-Pertua,

4. Isu pembuangan pekerja terbabit juga boleh menjadi masalah besar bagi mereka yang berusia yang selalunya menghadapi kesukaran untuk mencari pekerjaan baru berdasarkan keadaan ekonomi semasa serta persaingan yang dihadapi dengan pekerja muda tempatan serta pekerja luar. Oleh itu, sebelum proses pemberhentian pekerjaan dibuat, pihak majikan perlu mengambil kira beberapa langkah seperti dengan melakukan usaha perbincangan dengan pihak kesatuan pekerja atau individu pekerja yang bakal diberhentikan. Pihak majikan hendaklah terlebih dahulu mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi mengelakkan pemberhentian pekerja.

5. Penstrukturan semula atau pengurangan pekerja adalah di antara strategi yang dibenarkan agar organisasi dapat bergerak dengan cepat, lebih efektif serta agresif agar dapat bersaing dengan keadaan semasa ekonomi. Organisasi mengurangkan kakitangan dalam usaha untuk meningkatkan kecekapan serta keberkesannya. Tindakan pengurangan pekerja terutamanya disebabkan faktor perubahan teknologi serta kejatuhan pasaran global. Tindakan tersebut memberi kesan kepada setiap peringkat

SOALAN NO : 14

iaitu, organisasi, kumpulan dan pekerja yang terlibat akan terjejas pendapatan serta peningkatan kadar pengangguran.

6. Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia telah melaksanakan tindakan pemantauan secara rapi dan proaktif bagi memastikan hak-hak pekerja terjamin dan kebajikan tidak diabaikan. Bagi tujuan tersebut, majikan diwajibkan untuk melengkapkan dan mengemukakan Borang Pemberhentian (PK) dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum tindakan pemberhentian dilakukan sebagaimana Seksyen 63 Akta Kerja 1955. Ini adalah bertujuan untuk:

- i) memastikan hak-hak pekerja dibayar mengikut undang-undang;
- ii) memastikan majikan mengikuti Garis Panduan Pemberhentian Pekerja yang dikeluarkan oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) dalam melaksanakan pemberhentian pekerja; dan
- iii) membantu penempatan semula pekerja-pekerja yang telah diberhentikan berdaftar dengan portal JobsMalaysia atau meningkatkan kemahiran baru melalui jabatan dan agensi di bawah kementerian.

7. Kementerian juga sentiasa menjalankan pemantauan secara terperinci terhadap syarikat-syarikat yang terlibat agar mematuhi peruntukan undang-undang dari segi pembayaran faedah penamatan kerja, notis penamatan dan lain-lain faedah kewangan. Majikan yang bercadang untuk menjalankan pemberhentian pekerja diwajibkan memberikan tempoh notis yang mencukupi kepada pekerja mereka mengikut kontrak perkhidmatan tetapi tidak boleh kurang daripada yang ditetapkan di bawah Seksyen 12 (2), Akta 265 serta diwajibkan membayar faedah pemberhentian kerja mengikut kontrak perkhidmatan tetapi tidak boleh kurang daripada kadar yang telah

SOALAN NO : 14

ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Kerja (Faedah-faedah Penamatan dan Rentikerja Sentara) 1980. Kegagalan majikan untuk mematuhi peruntukan undang-undang yang ada melakukan satu kesalahan atau melanggar peruntukkan akta, apabila disabitkan, denda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap kesalahan.

8. Selain itu, Kementerian telah mewujudkan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) yang diuruskan oleh PERKESO bagi membantu pekerja yang diberhentikan. Sistem ini merupakan jaringan keselamatan sosial yang bertujuan membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan. Objektif SIP adalah seperti berikut:-

- i) Menyediakan bantuan kewangan segera (7 hari selepas pengesahan hilang kerja) kepada pencarum yang hilang pekerjaan;
- ii) Membantu pencarum yang hilang pekerjaan mendapat pekerjaan baharu melalui program penempatan semula pekerjaan termasuk *mobility assistance*; dan
- iii) Meningkatkan kebolehpekerjaan (*employability*) pencarum yang hilang pekerjaan melalui program latihan dan latihan semula (*training and re-training*).

9. Kementerian turut menubuhkan *Outplacement Centre* (OC) melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) bagi membantu pekerja yang dihentikan kerja, khususnya pekerja majikan yang diliputi di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia. Perkhidmatan yang ditawarkan adalah perkhidmatan maklumat portal dan aplikasi suai padan pekerjaan, kaunseling, latihan dan penempatan pekerjaan. OC turut dibuka kepada pekerja yang telah diberhentikan daripada syarikat yang tidak berdaftar dengan PSMB. Walau bagaimanapun, hanya pekerja daripada syarikat yang berdaftar dengan PSMB sahaja yang boleh menggunakan perkhidmatan latihan semula yang ditawarkan oleh OC.

SOALAN NO : 14

10. Pemadanan pekerjaan melalui Portal *JobsMalaysia* dengan memastikan setiap pencari kerja berpeluang mendapatkan pekerjaan dan majikan pula berpeluang untuk mendapatkan calon yang sesuai. Melalui proses padanan ini, pencari kerja secara dalam talian akan menikmati kemudahan secara interaktif dan memaparkan pilihan jawatan yang ditawarkan oleh majikan. Penggunaan sistem *web based* ini mampu menarik minat pencari kerja dan majikan untuk menggunakan Portal *JobsMalaysia* serta mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang sentiasa dimanfaatkan oleh rakyat di negara ini.

11. Kementerian melalui JTK menganjurkan Karnival Kerjaya di Pusat *JobsMalaysia* seluruh negara. Program ini akan menawarkan kekosongan jawatan daripada pelbagai latar belakang majikan. Pelbagai aktiviti telah dan akan diadakan di Pusat *JobsMalaysia* bagi menarik minat majikan untuk menawarkan kekosongan jawatan kepada pencari kerja dengan menyediakan kemudahan bilik temu duga secara percuma. Program temu duga terbuka ini dilaksanakan pada setiap minggu di Pusat *JobsMalaysia* seluruh negara. Hingga 30 April 2019, sebanyak 46 Karnival Kerjaya telah diadakan dan 332 sesi temu duga terbuka telah dijalankan di seluruh negara bagi meningkatkan pemadanan dan penempatan pencari kerja ke dalam pasaran buruh negara. Hingga 31 Mei 2019, seramai 389 pekerja yang terlibat dengan pemberhentian dan berminat telah mendapatkan pekerjaan baru. Daripada jumlah tersebut seramai 131 adalah lelaki dan 258 adalah perempuan.

SOALAN NO.: 15

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN/BUKAN LISAN DEWAN
RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (M2P2PAR14)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU
YOON [TEBRAU]**

TARIKH JAWAPAN : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO.: 15

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan sama ada terdapat empangan air yang mengalami penyusutan air sehingga paras air rendah dan kesan kekurangan takungan air kepada bekalan air dan tindakan yang telah diambil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sentiasa menjalankan pemantauan harian terhadap empangan-empangan utama di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan, terutamanya yang berfungsi bagi pembekalan air terawat kepada pengguna.

Secara keseluruhannya bagi tahun 2019, kebanyakan empangan utama di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan berada pada paras yang terkawal. Walau bagaimanapun, terdapat dua negeri yang mempunyai empangan yang berada di paras kritikal iaitu Melaka dan Johor. Empangan yang mencatatkan di bawah paras kritikal adalah Empangan Durian Tunggal bagi negeri Melaka, dan Empangan Lebam, Upper Layang dan Pulau 2 bagi negeri Johor.

Penyusutan air di empangan memberi kesan kepada kecukupan air mentah bagi disalurkan kepada kepada loji rawatan air untuk rawatan. Keadaan ini akan menyebabkan pihak operator air negeri perlu melaksanakan catuan air atau operasi Bekalan Air Berjadual kepada pihak pengguna.

Antara tindakan utama yang diambil bagi mengelakkan operasi Bekalan Air Berjadual adalah seperti berikut:

- (i) tindakan pengepaman dari sumber air mentah lain seperti dari empangan atau sungai bagi meningkatkan paras air empangan yang kritikal;
- (ii) operasi pembenihan awan (OPA) secara berfasa; dan
- (iii) pemantauan secara berterusan akan dilakukan oleh SPAN, pihak Badan Kawal Selia dan operator air negeri;

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID
[PADANG TERAP]**

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 16

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah usaha yang sedang direncana oleh pihak Kerajaan bagi mengatasi masalah pertumbuhan ekonomi yang perlahan kesan daripada perang perdagangan Amerika Syarikat dan China agar ianya tidak memberikan impak yang besar terhadap ekonomi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keluaran dalam negeri kasar (KDNK) Malaysia berkembang pada kadar 4.7% pada tahun 2018 dan menyederhana sedikit kepada 4.5% pada suku pertama 2019. Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhan ini masih dalam lingkungan sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2019, iaitu antara 4.3% hingga 4.8%.
2. Penyederhanaan ekonomi Malaysia antara lain disebabkan oleh faktor luaran yang semakin mencabar. Antara cabaran tersebut ialah pertumbuhan ekonomi dan perdagangan global yang rendah berikutan ketegangan perdagangan antara Amerika Syarikat dan China yang masih berterusan, ketidakpastian dasar monetari negara maju, jangkaan pertumbuhan ekonomi China dan negara Asia lain yang lebih perlahan serta harga komoditi yang tidak menentu.
3. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan ekonomi terbuka dengan jumlah dagangan sebanyak 130% kepada KDNK pada 2018, Kerajaan sentiasa peka dan mengambil langkah proaktif bagi memastikan momentum pertumbuhan ekonomi sentiasa meningkat.

Ini termasuk langkah untuk meneroka produk baharu, khususnya produk yang dikenakan tarif oleh Amerika Syarikat kepada China. Malaysia akan memperoleh faedah perdagangan sekiranya Amerika Syarikat mengalihkan permintaan barangan import berkaitan kepada Malaysia. Impak peralihan perdagangan ke Malaysia akan memberikan peningkatan KDNK sebanyak 0.1 mata peratusan.

4. Selain itu, ketegangan perdagangan ini juga membuka ruang kepada Malaysia untuk meningkatkan eksport komoditi ke China terutamanya minyak sawit yang merupakan barangan pengganti kepada minyak soya dan jagung. Pada bulan Mac 2019, syarikat Malaysia telah berjaya menandatangani perjanjian bernilai hampir AS\$900 juta bagi membekal 1.62 juta tan minyak sawit ke China. Dalam tempoh Januari hingga April 2019, eksport minyak sawit Malaysia ke China telah meningkat hampir 255,000 tan dengan nilai eksport sebanyak RM1.4 bilion.
5. Kerajaan juga akan mengambil peluang untuk mengembangkan pasaran minyak sawit di India berikutan langkah Kerajaan India mengurangkan duti import minyak sawit daripada 44% kepada 40% serta pengurangan duti import minyak sawit proses daripada 54% kepada 45%. Langkah ini telah memberi kesan positif kepada eksport sawit Malaysia yang telah meningkat hampir 480,000 tan

dengan nilai eksport sebanyak RM2.7 bilion pada Januari hingga April 2019.

6. Di samping itu, Kerajaan telah mengenalpasti beberapa strategi ekonomi makro di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas untuk menghadapi cabaran ekonomi luaran mahupun domestik. Antaranya termasuk usaha untuk:

- (i) memacu produktiviti pada peringkat nasional, sektor dan perusahaan bagi memastikan pertumbuhan yang mampan dan inklusif;
- (ii) menggalakkan pelaburan berkualiti bagi menerajui pertumbuhan ekonomi;
- (iii) mempergiatkan inisiatif untuk memanfaatkan sumber pertumbuhan baharu termasuk Revolusi Perindustrian Keempat; dan
- (iv) memperkukuh eksport dan menggalakkan peralihan sektor pembuatan ke arah pengeluaran produk yang bernilai tambah tinggi, pelbagai dan kompleks.

7. Di samping itu, seperti yang ditekankan oleh YAB Perdana Menteri, Malaysia juga komited untuk meningkatkan inisiatif perdagangan dan

NO SOALAN : 16

mengambil peluang daripada ekonomi negara ASEAN yang mempunyai hampir 650 juta penduduk.

8. Usaha bersepadu ini akan meningkatkan produktiviti dan daya saing serta memastikan Malaysia kekal di landasan pertumbuhan ekonomi ke arah mencapai sasaran sebagai sebuah negara maju dan inklusif.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
1Julai 2019

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI
JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)
MENJAWAB

SOALAN : 17

YB Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bahawa beliau telah membuat pemilihan yang tepat dan sesuai ke atas kredibiliti Puan Latheefa Koya untuk menjawat jawatan Ketua Pesuruhjaya SPRM yang baru menerima kritikan dan bantahan umum, apakah alasan sebenar pemilihan tersebut.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Jawapan ini akan dijawab bersekali untuk soalan-soalan berikut:

- (a) Pertanyaan lisan nombor 27 oleh YB Machang pada 1 Julai 2019;

NO. SOALAN : 17

- (b) Pertanyaan lisan nombor 42 oleh YB Ayer Hitam pada 1 Julai 2019;
- (c) Pertanyaan lisan nombor 68 oleh YB Kubang Kerian pada 1 Julai 2019;
- (d) Pertanyaan lisan nombor 81 oleh YB Pengerang pada 1 Julai 2019;
- (e) Pertanyaan lisan nombor 72 oleh YB Bukit Gantang pada 4 Julai 2019;
- (f) Pertanyaan lisan nombor 79 oleh YB Subang pada 4 Julai 2019;
dan
- (g) Pertanyaan lisan nombor 78 oleh YB Kuala Krau pada 10 Julai 2019.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 5 Akta SPRM 2009 yang menyatakan secara jelas bahawa Yang di-Pertuan Agong hendaklah melantik Ketua Pesuruhjaya SPRM di atas nasihat Perdana Menteri. Tiada klausa dalam akta tersebut yang menyatakan bahawa Ketua Pesuruhjaya haruslah dilantik daripada kalangan penjawat awam.

NO. SOALAN : 17

Di samping itu, subseksyen 5(1) Akta 694 memperuntukkan secara am berhubung dengan kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk melantik mana-mana orang sebagai Ketua Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Dalam hal ini peruntukan subseksyen 5(1) Akta 694 boleh ditafsirkan sebagai termasuk pelantikan daripada kalangan mana-mana anggota perkhidmatan awam dan mana-mana orang yang bukan daripada anggota perkhidmatan awam. Sebagaimana yang dinyatakan dalam Penyata Rasmi Dewan Rakyat ("*Hansard*") semasa pembentangan Rang Undang-Undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia pada tahun 2008, rasional perkara ini adalah bagi membolehkan jawatan tersebut diisi oleh individu yang diyakini terbaik, berkelayakan, bersesuaian dan mampu menerajui Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia untuk menjadi tanda aras (*benchmark*) atau model kepada agensi pencegahan rasuah yang lain. Justeru, pelantikan Puan Latheefa Koya sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM adalah selaras dengan undang-undang sedia ada.

Untuk makluman Yang Berhormat, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustaffa Billah Shah telah memperkenankan pelantikan Puan Latheefa Koya sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM bagi tempoh dua tahun iaitu mulai 1 Jun 2019

NO. SOALAN : 17

sehingga 31 Mei 2021. Majlis mengangkat sumpah pelantikan tersebut juga telah diadakan di Istana Negara pada 25 Jun 2019.

Kerajaan yakin segala tindakan dan keputusan yang dibuat oleh beliau sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM adalah berdasarkan kepada merit dan keterangan-keterangan yang diperolehi SPRM, bukan atas arahan mana-mana pihak. Tugas beliau jelas iaitu untuk membanteras rasuah di mana-mana saja. Dengan sokongan dan dokongan pegawai-pegawainya, Kerajaan percaya Ketua Pesuruhjaya yang baharu bersama SPRM dapat mengubah Malaysia menjadi negara yang bersih dan bebas dari rasuah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

TARIKH : **01 JULAI 2019 (ISNIN)**

SOALAN NO.18

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang akan mengkaji semula kelulusan cermin gelap belakang kenderaan dengan Peratus Ketelusan Cahaya (VLT) sebanyak 0% yang mana ianya terlalu gelap sehinggakan kenderaan yang berada di belakang kenderaan yang menggunakan cermin gelap belakang dengan VLT 0% tidak dapat melihat kenderaan di hadapan kenderaan tersebut dan ini amat membahayakan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian Pengangkutan telah mengumumkan peraturan baru *Visible Light Transmitted* (VLT) pada cermin kenderaan motor melalui Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Penggunaan Kaca atau Lutsinar yang lain) (Pindaan) 2019. Melalui pindaan kaedah 2019, kadar VLT cermin depan 70%, cermin sisi kiri dan kanan pemandu 50%, manakala cermin sisi kiri dan kanan belakang dan cermin belakang boleh kurang daripada 70% (sehingga 0%) dengan syarat kenderaan motor itu dilengkapi dengan cermin pemantul. Kadar VLT ini terpakai kepada kenderaan motor persendirian sahaja.

Pindaan ke atas peraturan berkaitan penggunaan cermin gelap ini adalah bertujuan memastikan peraturan dalam negara adalah selaras dengan

NO. SOALAN : 18

peraturan di peringkat United Nation (United Nation Regulation No. 43) berkaitan dengan pemasangan lapisan filem dan penggunaan cermin pada kenderaan motor. Malaysia sebagai negara penjanji kepada perjanjian di peringkat UN ini mempunyai obligasi untuk menggunapakai semua peraturan yang berkaitan ke dalam peraturan jalan dan peraturan kenderaan negara. Selaras dengan piawaian antarabangsa ini, pihak Kementerian pada masa ini tidak merancang untuk meminda semula peraturan terbabit.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI
JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA]

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)
MENJAWAB

SOALAN : 19

YB TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah lain yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menyiasat salah laku bekas Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) ketika PRU-14 memandangkan tribunal khas untuk tujuan tersebut telah dibubarkan.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Ahli Yang Berhormat,

1. Tribunal ditubuhkan untuk menyiasat sama ada terdapat apa-apa tindakan oleh anggota Suruhanjaya Pilihan Raya semasa persiapan dan pelaksanaan Pilihan Raya Umum ke-14 dan pada hari mengundi pada 9 Mei 2018 yang terjumlah kepada suatu salah laku atau tidak.
2. Tribunal hendaklah menjalankan siasatan sama ada wujud salah laku sebagaimana yang dinyatakan dalam pertuduhan terhadap anggota Suruhanjaya Pilihan Raya itu dan salah laku itu dilakukan oleh anggota Suruhanjaya Pilihan Raya itu ketika anggota Suruhanjaya Pilihan Raya itu masih memegang jawatan dalam Suruhanjaya Pilihan Raya.
3. Tribunal telah mempersembahkan laporannya kepada Yang di-Pertuan Agong (“YDPA”) yang mengandungi dapatan dan syornya.
4. Tribunal juga telah membuat keputusan untuk tidak meneruskan penyiasatan penuh bagi pertuduhan terhadap anggota Suruhanjaya Pilihan Raya itu dan salah laku itu dilakukan oleh anggota Suruhanjaya Pilihan Raya itu semasa persiapan dan pelaksanaan Pilihan Raya Umum ke-14 dan pada hari mengundi pada 9 Mei 2018.
5. Walau bagaimanapun, memandangkan Tribunal telah mempersembahkan dapatan dan syornya kepada YDPA, keputusan akan dibuat selepas itu.

6. Pada masa yang sama, bekas Hakim Mahkamah Persekutuan Tan Sri Amar Steve Shim yang mempengerusikan tribunal ini telah menyatakan bahawa perkara ini adalah bersifat akademik kerana enam anggota Suruhanjaya tersebut telahpun meletak jawatan. Justeru, ia tidak boleh didengar kecuali ada alasan yang benar-benar munasabah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI
NASARAH**

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 18

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan mengapakah pihak Kerajaan sehingga kini masih lagi gagal untuk membuat pembayaran dividen interim kepada peserta FELCRA sehingga menjejaskan kehidupan mereka ditambah pula dengan ketidakstabilan harga komoditi sawit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengagihan lebihan keuntungan (juga disebut sebagai dividen dalam konteks FELCRA) adalah dilaksanakan kepada projek-projek yang berhasil dan mempunyai lebihan keuntungan. Lebihan keuntungan ini merupakan lebihan pendapatan bersih yang diperolehi oleh sesebuah projek (ladang) setelah pendapatan kasar projek ditolak kos operasi. Kaedah pengagihan lebihan keuntungan kepada peserta adalah berdasarkan saiz pemilikan lot tanah masing-masing di dalam projek (ladang) berkenaan.
2. FELCRA Berhad mengamalkan kaedah pembayaran agihan lebihan keuntungan sebanyak 3 kali setahun. Bayaran keuntungan Interim 1 adalah berdasarkan prestasi akaun ladang dari bulan Januari hingga April (yang diambil 70% daripada jumlah keuntungan itu) yang lazimnya dibayar pada bulan Jun. Bayaran Interim 2 juga diambil 70% daripada keuntungan daripada Januari sehingga September yang kebiasaannya dibayar pada bulan Disember. Manakala bayaran akhir iaitu selepas penutupan akaun, lazimnya dibayar pada bulan April

NO SOALAN : 20

tahun berikutnya. Bagi bayaran akhir ini, apa jua jumlah lebih keuntungan yang tercatat setelah ditolak kos operasi dan bayaran agihan Interim 1 dan 2 bagi tahun berkenaan akan dibayar sepenuhnya kepada peserta.

3. Bagi tahun 2018, FELCRA Berhad telah membuat pembayaran agihan keuntungan sebanyak RM112.53 juta kepada 37,866 orang peserta dari 404 buah ladang yang telah berhasil di seluruh negara. Manakala bagi tahun 2019, FELCRA Berhad telah membuat pembayaran keuntungan Interim 1 sebanyak RM27.92 juta kepada 46,922 orang peserta dari 513 buah ladang di seluruh negara pada 15 Mei 2019. Ini adalah selari dengan amalan FELCRA mengagih lebih keuntungan Interim 1 pada bulan Jun.
4. Oleh yang demikian, sehingga kini, FELCRA telah menunaikan tanggungjawabnya mengagihkan lebih keuntungan kepada pesertanya pada setiap tahun.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
01 Julai 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

SOALAN : 21

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perancangan jangka masa panjang Kementerian dalam menangani krisis penumpang keluar dan masuk Labuan musim perayaan dan bilakah *ramp* pendaratan feri kedua di Menumbok diadakan dan digunakan sepenuhnya.

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Laut Wilayah Persekutuan Labuan telah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi menangani kesesakan penumpang semasa musim perayaan. Di antara langkah-langkah yang telah diambil adalah adalah seperti berikut:

(a) Kerajaan telah melantik 4 buah syarikat pengusaha feri untuk mengendalikan perkhidmatan feri di antara Labuan dan Menumbok. Walaubagaimanapun, pada masa ini hanya 2 syarikat pengusaha feri yang mengusahakan perkhidmatan feri iaitu Syarikat Labuan Mainland Link Sdn. Bhd. dan Syarikat Juta Bonus Development Sdn. Bhd. dengan mengendalikan 7 slot pelayaran sehari. Dalam hal ini, 2 syarikat yang lain iaitu Syarikat Labuan Ferry Corporation Sdn. Bhd dan Syarikat ISRO Shipping Sdn. Bhd tidak lagi beroperasi. Ini kerana Syarikat Labuan Ferry Corporation Sdn. Bhd telah diisytiharkan bankrap oleh mahkamah pada tahun 2017 dan Syarikat ISRO Shipping Sdn. Bhd pula tidak mempunyai kapal disebabkan kapal yang dimilikinya telah mengalami kerosakan enjin pada tahun 2012. Sebagai langkah proaktif, semasa musim perayaan syarikat pengusaha feri

NO. SOALAN : 21

dibenarkan meningkatkan slot pelayaran bagi memenuhi permintaan penumpang selepas mendapat kelulusan daripada pihak Jabatan Laut Malaysia. Sebagai contoh, pada musim perayaan yang lepas jumlah slot pelayaran telah ditingkatkan kepada 10 slot pelayaran sehari berbanding 7 slot pelayaran pada hari biasa.

(b) Kerajaan juga telah menaiktaraf fasiliti di Terminal Feri Labuan dengan membina ramp kedua di terminal feri tersebut dengan perbelanjaan sebanyak RM3.85 juta. Projek berkenaan telah siap pada bulan Mei 2018 dan mula beroperasi sepenuhnya sejurus selepas itu.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini juga, pembangunan infrastruktur maritim di Sabah termasuk terminal dan fasiliti pelabuhan adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah. Berdasarkan maklumat yang diterima daripada Jabatan Pelabuhan dan Dermaga, Negeri Sabah (JPDS), projek pembinaan ramp kedua di Terminal Feri Menumbok akan dilaksanakan pada tahun 2020. Namun, ianya tertakluk kepada keupayaan kewangan Kerajaan Negeri tersebut.

Statistik pelayaran kapal RORO laluan Labuan – Menumbok – Labuan adalah seperti berikut:

Tahun	Sektor Labuan – Menumbok			
	Bilangan Penumpang (masuk)	Bilangan Penumpang (keluar)	Bilangan Kenderaan (masuk)	Bilangan Kenderaan (keluar)
2016	148,688	115,314	81,145	69,534
2017	261,141	287,540	132,140	133,499
2018	290,702	285,577	138,681	134,054
JUMLAH	700,531	688,431	351,966	337,087

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]

TARIKH : 01 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pihak Kerajaan mempunyai perancangan meminda akta Mahkamah Syariah untuk mengangkat kedudukan Mahkamah Syariah setanding Mahkamah Sivil khususnya Akta 355 Mahkamah Syariah.

JAWAPAN : **(YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kerajaan komited dalam mempergiat langkah untuk mengangkat kedudukan Mahkamah Syariah agar setanding dengan Mahkamah Sivil secara menyeluruh dan komprehensif. Kerajaan akur bahawa bidangkuasa Mahkamah Syariah adalah terbatas dengan peruntukan di bawah Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [*Akta 355*].

NO. SOALAN : 22

Kerajaan berhasrat untuk meminda Akta 355. Walau bagaimanapun, ia tidak boleh dilaksanakan secara berasingan kerana aspek pemerksaan Mahkamah Syariah bukan sahaja tertumpu terhadap isu bidangkuasa di bawah Akta 355 semata-mata, akan tetapi ia meliputi pelbagai aspek yang lebih penting seperti peningkatan tahap kompetensi Hakim, Pendakwa Syarie dan Pegawai Penguatkuasa Agama, penambahbaikan aspek tadbir urus dan prasarana pihak-pihak yang terlibat, penggubalan dan pindaan undang-undang syariah sedia ada dan penyeragaman dan penyelarasan undang-undang syariah.

Dalam memastikan pemerksaan Mahkamah Syariah dilaksanakan secara konsisten, Kerajaan komited dalam usaha untuk menyeragamkan dan menyelaraskan undang-undang syariah. Sehingga hari ini, terdapat lima (5) undang-undang syariah utama yang telah diseragamkan oleh negeri-negeri di seluruh Malaysia iaitu:

- a) undang-undang pentadbiran agama Islam;
- b) undang-undang keluarga Islam;
- c) undang-undang keterangan mahkamah syariah;
- d) undang-undang tatacara mal mahkamah syariah; dan
- e) undang-undang tatacara jenayah syariah.

Kerajaan juga sentiasa berusaha untuk menggubal draf model undang-undang syariah bagi tujuan penyelarasan dan penyeragaman undang-undang negeri-negeri di seluruh Malaysia. Antaranya, Kerajaan sedang dalam proses untuk menyeragamkan undang-undang kesalahan jenayah

syariah negeri-negeri di seluruh Malaysia dari segi jenis kesalahan, jenis hukuman dan kadar hukuman.

Kerajaan juga sentiasa komited untuk mereformasikan Mahkamah Syariah melalui pemerksaan pentadbiran Kehakiman Syariah dengan cadangan untuk mewujudkan hierarki baru Mahkamah Syariah daripada tiga (3) peringkat sehingga kepada lima (5) peringkat. Selain itu, untuk meningkatkan kemahiran dan kompetensi Hakim Syarie, Kerajaan juga telah melaksanakan langkah-langkah seperti yang berikut :

1. Penambahbaikan berterusan Modul Utama Latihan Undang-undang seperti latihan wajib pemantapan undang-undang keterangan dan pemantauan prestasi hakim-hakim melalui alasan penghakiman oleh Mentor.
2. Kolaborasi Strategik Bersama Agensi Akademik dan Undang-undang untuk membangunkan modul latihan yang lebih efisien, kajian undang-undang dan hukum syarak yang memberi impak tinggi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING]

TARIKH : 01 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 23

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bagaimanakah Kementerian membantu kebajikan golongan masyarakat yang bekerja sendiri, tidak mempunyai majikan atau kerja yang tetap serta bekerja sendiri, tidak mempunyai majikan atau kerja yang tetap serta berpendapatan rendah.

PR-1422-L05285

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, bagi melindungi kebajikan golongan masyarakat yang bekerja sendiri, PERKESO telah menguatkuasakan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789) mulai 1 Jun 2017. Buat permulaan akta ini memberi perlindungan kepada semua pemandu teksi yang bekerja sendiri atau perkhidmatan seumpamanya sebelum diperluaskan kepada sektor informal yang lain. Pada 1 Februari 2019, skim ini telah diperluas dan dikuatkuasakan ke atas Pemandu Bas.

2. Kerajaan sememangnya bercadang untuk meluaskan liputan kepada semua sektor informal yang lain seperti perikanan, penggiat seni, perniagaan milikan tunggal dan perkongsian serta pertanian secara berperingkat pada masa hadapan.

3. Di samping itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah melaksanakan Program Peningkatan Kapasiti Wanita berkonsep *Community Based Enterprise* (PACBE) bagi memperkasa wanita terutama kumpulan B40 dengan sasaran 30% penyertaan ibu tunggal yang berdaftar dalam Sistem iWanita. PACBE mempunyai empat (4) fokus utama:

SOALAN NO: 23

- (i) inisiatif pembangunan kemahiran (bidang kemahiran yang ditawarkan seperti jahitan dan sulaman, *mobile spa*, solekan pengantin, kraf kreatif, pembuatan kuih dan kek, urutan *post natal* dan tanaman);
- (ii) kemahiran keusahawanan (pembungkusan, pemasaran, *digital marketing*);
- (iii) komuniti harmoni (lay kaunselor, sukarelawan); dan
- (iv) advokasi (Program *Legal Clinic*, *D'stress Clinic*, Program Wanita Anti Jenayah (WAJA), dan Kempen Hentikan Keganasan Terhadap Wanita).

4. PACBE adalah satu bentuk pendekatan keusahawanan berkonsepkan kerjasama antara usahawan-usahawan JPW ataupun individu berkemahiran yang telah berjaya dalam bidang masing-masing, untuk memberikan latihan serta berkongsi ilmu bagi membantu peserta wanita termasuk ibu tunggal menjana pendapatan. Program dilaksanakan secara meluas ke seluruh negara melalui Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN).

5. Pada tahun 2018, sebanyak 648 PACBE telah dilaksanakan dengan penglibatan seramai 10,201 orang peserta dengan 2,500 orang daripadanya adalah ibu tunggal.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN
(KUALA KRAI)**

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah manfaat yang diambil oleh pihak Kerajaan terhadap Johan Qari dan Qariah Majlis Tilawah al-Quran Antarabangsa (warganegara Malaysia) yang dianjurkan oleh Kerajaan. Adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk membuat rakaman penuh bacaan al-Quran daripada qari dan qariah tersebut.

JAWAPAN :

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Malaysia telah menganjurkan Majlis Tilawah dan Menghafaz al-Quran Peringkat Antarabangsa (MTHQA) bermula pada tahun 1961. Berdasarkan rekod sejak penganjuran tersebut, Qari dan Qariah Malaysia telah merangkul Johan sebanyak 35 kali manakala Qariah pula sebanyak 39 kali.

Penganjuran program ini telah memberikan pelbagai manfaat sama ada secara langsung atau tidak langsung, antaranya ialah:

- (i) penganjuran program ini juga telah menaikkan imej negara dimana Majlis Tilawah dan Menghafaz al-Quran Peringkat Antarabangsa

NO. SOALAN : 24

telah mendapat pengiktirafan sebagai Program al-Quran Terbaik oleh negara Kuwait pada tahun 2016;

- (ii) melahirkan minat yang mendalam terhadap al-Quran dalam kalangan masyarakat sehingga membawa kepada kewujudan pusat-pusat tahfiz dan pengajian al-Quran di seluruh negara;
- (iii) melahirkan ramai Qari dan Qariah terbaik serta tokoh-tokoh ahli al-Quran yang berkaliber dan mampu menyumbang kepada masyarakat melalui program-program tadarus al-Quran, slot-slot interaktif tarannum dan tajwid yang disiarkan di tv dan radio tempatan;
- (iv) menyediakan calon-calon yang mampu diketengahkan sebagai pelapis Hakim Tilawah di peringkat Kebangsaan dan antarabangsa; dan
- (v) menyumbang khidmat sebagai tenaga pengajar di masjid-masjid, surau-surau, kelas-kelas pengajian al-Quran secara langsung atau tidak langsung, disamping sebagai Qari dan Qariah dalam majlis-majlis rasmi Kerajaan sama ada di peringkat Kebangsaan ataupun antarabangsa.

Mengenai rakaman penuh bacaan al-Quran Qari dan Qariah yang telah menjadi johan, ia merupakan satu cadangan yang sangat baik dan pihak Jakim akan melaksanakannya pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 01 JULAI 2019 (ISNIN)

**DARIPADA : Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan
[Pontian]**

SOALAN : 25

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai nama pemegang sijil kelulusan akademik yang palsu atau dipertikaikan di kalangan anggota pentadbiran PH di pusat dan negeri. Apakah tindakan kepada lebih 6 orang itu sudah diambil seperti yang tersebar di kalangan rakyat.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pelantikan ahli Jemaah Menteri atau Anggota Pentadbiran Kerajaan dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri, daripada kalangan ahli mana-mana satu Majlis Parlimen. Perundangan tiada menyatakan berkenaan kelayakan akademik menjadi syarat bagi seseorang dipilih menjadi ahli Majlis Parlimen. Sehubungan itu, isu berkenaan kelayakan atau kelulusan akademik tidak timbul.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 26

Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan pencapaian dan sambutan orang awam terhadap usaha-usaha Kementerian dalam menambah baik perkhidmatan pengangkutan awam dan pada masa yang sama mengurangkan beban kos sara hidup rakyat.

JAWAPAN:

Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah melaksanakan beberapa inisiatif merangkumi aspek perluasan kawasan liputan rangkaian bas, pengawalseliaan perkhidmatan teksi dan e-hailing, pemantauan berterusan terhadap projek dalam pelaksanaan dalam masa yang sama menawarkan penjimatan kos kepada pengguna.
2. Bagi memastikan kesalinghubungan pengangkutan awam di kawasan bandar dan petempatan penduduk, Kerajaan telah menambahbaik liputan kawasan perkhidmatan pengangkutan awam. Sebagai contoh, Kerajaan melalui Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) telah memperkenalkan 2 laluan baru perkhidmatan bas percuma GoKL di Kuala Lumpur iaitu Laluan Jingga (Titiwangsa-MINDEF) mulai 28 Februari 2019 dan Laluan Merah Jambu (LRT Universiti-PPR Seri Pantai) mulai 1 April 2019.
3. Bagi industri teksi dan industri *e-hailing*, Kerajaan telah merancang dan sedang melaksanakan penambahbaikan seperti (i) membuka semua jenama kenderaan dan pilihan model bagi kegunaan teksi, (ii) lanjutan tempoh pemeriksaan berkala PUSPAKOM dan pengurangan kos kepada pemandu, (iii) penggunaan tambang dinamik bagi perkhidmatan teksi yang mengambil penumpang melalui tempahan aplikasi *e-hailing* selain tambang meter secara "*street hail*", (iv) penetapan kadar komisen maksima 10 peratus oleh syarikat *e-hailing* kepada pemandu teksi bagi setiap trip, (v) memperkenalkan modul latihan baru kepada pemandu teksi yang ingin memohon lesen vokasional, dan (vi) menggalakkan pemandu

teksi mencarum di dalam Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri di bawah PERKESO. Bagi pendaftaran Lesen Perniagaan Pengantaraan (LPP), sebanyak 50 permohonan diterima sehingga 18 Jun 2019, dengan 25 permohonan diluluskan. Jumlah tersebut merangkumi 213,265 permit kenderaan e-hailing (eVP) yang diluluskan, termasuk 47,695 eVP mewakili teksi.

4. Kerajaan juga komited dalam memastikan pembangunan projek-projek pengangkutan awam berjalan lancar. Sebagai contoh, MRT Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) yang sedang dalam pembinaan dijangka siap pada tahun 2022 manakala projek LRT3 (Bandar Utama-Klang) dijangka siap pada tahun 2024. Pada 15 April 2019, Kerajaan telah mengumumkan untuk meneruskan projek Landasan Keretapi Pantai Timur (*East Coast Rail Link, ECRL*) dengan kos RM44 bilion, dijangka siap pada Disember 2026.
5. Sambutan orang awam terhadap pengangkutan awam lebih positif apabila Kerajaan telah memperkenalkan inisiatif langganan Pas Bulanan Tanpa Had iaitu MY100 dan MY50 bagi semua perkhidmatan rel dan bas di bawah kendalian syarikat Prasarana Malaysia Berhad. Sehingga 15 Jun 2019, rekod langganan pas MY100 telah mencapai 520,494 langganan sejak dilancarkan pada Disember 2018 manakala langganan MY50 mencapai 14,910 pengguna unik. Selain itu, Kerajaan juga memperkenalkan diskaun tambang perjalanan sebanyak 20 peratus melalui program Kad XTRA20 bagi perkhidmatan KTM Komuter di sektor Lembah Klang, Selatan dan Utara kendalian Keretapi Tanah Melayu Berhad mulai 1 April 2019. Pengguna XTRA20 hanya perlu membayar RM5 bagi pembelian kad XTRA20 untuk mendapat manfaat penjimatan

NO. SOALAN : 26

diskaun tersebut. Sejak dilancarkan hingga 20 Jun 2019, sebanyak 89,129 kad XTRA20 telah dikeluarkan termasuk 40,000 kad yang diberi percuma.

6. Dengan pelaksanaan inisiatif-inisiatif tersebut, statistik pengguna pengangkutan awam khususnya di Lembah Klang bagi tempoh Januari sehingga Mei 2019 telah meningkat sebanyak 1.1%, iaitu 1,303,161 penumpang harian tahun ini berbanding 1,288,970 penumpang harian bagi tempoh sama pada tahun 2018. Ini membuktikan langkah Kerajaan dalam mentransformasi sektor pengangkutan awam terus membuahkan hasil positif kepada negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

SOALAN : 28

Dr. Azman Bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat meneruskan perkhidmatan feri di Pulau Pinang.

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan tidak mempunyai sebarang cadangan untuk menamatkan perkhidmatan feri Pulau Pinang yang menghubungkan antara Pengkalan Sultan Abdul Halim di Butterworth dan Pengkalan Raja Tun Uda di Georgetown. Pada masa ini, syarikat Rapid Ferry yang dimiliki oleh syarikat Prasarana yang mana Prasarana merupakan syarikat milik penuh Kerajaan mengendalikan perkhidmatan feri tersebut bermula pada 1 Mei 2018 setelah mengambil alih perkhidmatan berkenaan dari Penang Port Sdn. Bhd.

Jumlah pejalan kaki yang menggunakan perkhidmatan feri ini bagi tempoh 2016 hingga 2018 adalah seramai 4,029,541 orang. Pada masa sama, jumlah kenderaan yang menggunakan perkhidmatan feri adalah sebanyak 4,252,194.

NO. SOALAN : 28

Statistik penumpang, kendaraan, motor dan basikal yang menggunakan perkhidmatan feri di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

Jenis Pengguna	2018	2017	2016
Kereta	475,933	435,105	528,758
Lori	19,351	24,482	29,310
Motosikal	835,322	847,042	1,010,535
Basikal	12,263	14,985	19,108
Pejalan Kaki	1,383,581	1,274,862	1,371,098
JUMLAH	2,726,450	2,596,476	2,958,809

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG]

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN : 29

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) untuk meningkatkan kualiti kesejahteraan hidup Orang Asli dalam konteks sosiekonomi, kesihatan, pendidikan khususnya di Gua Musang, Kelantan.

JAWAPAN : [YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L PONNUSAMY], MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) berperanan dalam melaksanakan pembangunan secara inklusif melibatkan pembangunan sosioekonomi, pendidikan, kesihatan dan pembangunan modal insan bagi meningkatkan tahap kesejahteraan dan kualiti hidup masyarakat Orang Asli ke arah kemajuan seiring dengan pembangunan negara pada masa kini.

Tumpuan utama JAKOA adalah dengan memperluaskan kemudahan asas seperti jalan perhubungan, bekalan air dan bekalan elektrik di **118 buah** perkampungan Orang Asli Gua Musang supaya masyarakat Orang Asli mendapat kemudahan asas yang diperlukan untuk peningkatan kualiti hidup.

NO. SOALAN : 29

JAKOA menyasarkan kemudahan asas di perkampungan Orang Asli Gua Musang dapat disediakan dengan lengkap menjelang tahun 2023 di bawah Program Pembangunan Bersepadu Gua Musang, Negeri Kelantan dengan anggaran kos keseluruhan sebanyak **RM479 juta** melibatkan 68 buah kampung manakala baki 49 buah kampung menggunakan peruntukan di bawah Program Pembangunan Infrastruktur dan Ameniti Sosial di perkampungan Orang Asli. Antara komponen program ini adalah pembinaan jalan perhubungan, bekalan elektrik, bantuan rumah, Orang Asli One Stop Centre (OAOSC), ameniti sosial dan lain-lain. Pelaksanaan program ini memerlukan kerjasama semua agensi berkaitan agar ianya mencapai objektif yang diharapkan.

Sekian. Terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN
AMAN RAZALI [KUALA NERUS]
TARIKH : 01 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO.30

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada berhasrat meminda Seksyen 44 Akta Pengangkutan Jalan 1987 bagi kesalahan yang menyebabkan kematian dan kecederaan kepada pemandu di bawah pengaruh alkohol supaya dikenakan hukuman yang lebih setimpal.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Di bawah peruntukkan Seksyen 44 Akta Pengangkutan Jalan 1987, mana-mana orang yang menyebabkan kematian atau kecederaan akibat memandu di bawah pengaruh **minuman yang memabukkan atau dadah**, apabila disabitkan, hendaklah dihukum penjara selama tempoh tidak kurang daripada tiga (3) tahun dan tidak lebih daripada sepuluh (10) tahun dan didenda tidak kurang daripada lapan ribu ringgit (RM 8,000.00) dan tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit (RM 20,000.00). Pesalah yang memegang lesen percubaan juga apabila disabitkan akan dibatalkan lesen tersebut.

2. Seseorang yang disabitkan di bawah seksyen 44 juga akan hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu selama tempoh tidak kurang daripada lima (5) tahun dari tarikh sabitan

dan dalam hal sabitan kali kedua atau kali kemudian, hilang kelayakan selama tempoh sepuluh (10) tahun dari tarikh sabitan.

3. Selain dari itu, lesen memandu orang yang melakukan kesalahan yang sedang dalam proses pertuduhan juga akan digantung bermula dan berkuat kuasa dari tarikh pertuduhan itu dibacakan pertama kalinya kepada orang itu sehingga mahkamah membuat keputusan muktamad terhadap pertuduhan itu.

4. Pihak Kementerian akan meneliti dan menjalankan kajian secara mendalam sebelum sebarang keputusan untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 sedia ada. Ia perlu dilakukan disamping mendapat pandangan dan persetujuan daripada pelbagai agensi lain seperti PDRM kerana penguatkuasaan terhadap kesalahan jalan raya berhubungan dengan kematian terutamanya yang menyebabkan kematian memandu di bawah pengaruh alkohol adalah di bawah bidang kuasa PDRM disamping pandangan daripada Jabatan Peguam Negara dan MIROS. Pada masa yang sama pandangan semua pihak termasuk pihak industri pengangkutan juga perlu diperolehi dan dipertimbangkan sebelum sebarang keputusan dibuat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN
HAJI SALLEH [PASIR PUTEH]

TARIKH : 01 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 31

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pendirian pihak Kementerian terhadap hasil kajian kes yang dilakukan oleh Penyelidik Kanan Pusat Pentadbiran dan Pengajian Politik (Cent-GPS) mendapati bahawa pekerja berbangsa Melayu dan India banyak berhadapan dengan cabaran diskriminasi dalam mencari pekerjaan berbanding pekerja berbangsa Cina.

PR-1422-L05399

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Isu yang dibangkitkan adalah berkaitan dakwaan diskriminasi yang berlaku dalam pra-pekerjaan. Dalam hal ini pengambilan pekerja mengikut kelayakan yang ditetapkan oleh majikan adalah budi bicara majikan, yang mana perkara ini kurang sesuai untuk dikawal selia melalui perundangan. Ini bermakna majikan boleh menapis dan mengambil pekerja mengikut keperluan bagi jawatan yang ditawarkan.

2. Walau bagaimanapun, bagi pekerja yang sedang dalam perkhidmatan, Kerajaan sedang meneliti beberapa peruntukan sesuai bagi menangani isu diskriminasi dalam pekerjaan melalui pindaan Akta Kerja 1955.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI
JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR**
[TANJONG KARANG]

TARIKH : **1 JULAI 2019**
MENJAWAB

SOALAN : **32**

YB TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR [TANJONG KARANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah peguam Syazlin Mansor yang dilantik oleh KPKT tidak dibenarkan untuk meneruskan tugas sebagai peguam di dalam inkues Mohd Adib.

JAWAPAN: **YB DATUK LIEW VUI KEONG**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

1. Jabatan Peguam Negara telah bertindak mengikut undang-undang apabila tidak membenarkan peguam terdahulu untuk meneruskan mewakili Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

NO. SOALAN : 32

Keputusan Jabatan Peguam Negara juga mengambil kira kepentingan semua pihak yang terlibat dalam inkues dan juga kepentingan orang ramai.

2. Peguam terdahulu yang mewakili Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia tidak pernah dihalang oleh Jabatan Peguam Negara untuk meneruskan peranannya sebagai peguam dalam inkues kematian Muhammad Adib bin Mohd Kassim. Keputusan peguam tersebut untuk menarik diri daripada mewakili keluarga si mati dalam prosiding inkues itu telah dibuat atas kehendak beliau sendiri.
3. Jabatan Peguam Negara tidak mempunyai apa-apa masalah berkenaan pelantikan peguam tersebut sebagai peguam mewakili keluarga si mati. Jabatan Peguam Negara meminta YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan hanya untuk membatalkan pelantikan peguam tersebut sebagai peguam yang mewakili Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Permintaan ini dibuat atas sebab-sebab yang berikut yang kesemuanya berasaskan undang-undang:
 - (a) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sebagaimana kementerian dan jabatan kerajaan lain, hendaklah mendapatkan nasihat undang-undang daripada Jabatan Peguam Negara, dan peguam luar mestilah dilantik oleh

NO. SOALAN : 32

Peguam Negara atau Pendakwa Raya di bawah subseksyen 24(3) Akta Prosiding Kerajaan 1956 dan seksyen 376 Kanun Tatacara Jenayah yang masing-masing memberi Peguam Negara dan Pendakwa Raya kuasa untuk melantik. Ini tidak dipatuhi.

- (b) Berlaku percanggahan kepentingan apabila peguam tersebut bersetuju untuk mewakili Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia kerana beliau juga turut mewakili keluarga si mati yang mempunyai kepentingan secara langsung dalam inkues itu. Kepentingan pihak-pihak ini mungkin bertentangan, dan adalah suatu perkara yang tidak boleh diterima apabila peguam tersebut mewakili ketiga-tiga pihak tersebut. Percanggahan kepentingan ialah suatu prinsip undang-undang yang sudah mantap di Malaysia dan digunakan di semua Mahkamah dalam pelbagai keadaan. Dalam kes ini, terdapat banyak alasan yang menunjukkan percanggahan kepentingan di pihak peguam tersebut.
- (c) Peguam tersebut telah mengambil peranan yang aktif dalam inkues itu. Beliau sering mengambil kedudukan yang bercanggah dengan kedudukan yang diambil oleh pegawai pengendali inkues. Justeru, beliau tidak wajar dan tidak sesuai sebagai peguam yang mewakili Kementerian dan suatu jabatan Kerajaan.

NO. SOALAN : 32

4. Tindakan Jabatan Peguam Negara bukan bertujuan untuk mengganggu atau menggendalakan prosiding dan sebagaimana yang telah dijelaskan, Jabatan Peguam Negara tidak mempunyai apa-apa masalah dengan peguam tersebut terus mewakili kepentingan keluarga si mati. Perkara ini telah disampaikan kepada peguam tersebut oleh pegawai pengendali inkues sebelum prosiding pada 27 Mei 2019.
5. Pegawai pengendali inkues telah meminta peguam tersebut untuk terus mewakili kepentingan keluarga si mati supaya inkues boleh diteruskan. Namun peguam tersebut berkeras dengan keputusannya untuk menarik diri.
6. Berdasarkan rantaian peristiwa di atas, jelas bahawa tiada percubaan di pihak Jabatan Peguam Negara untuk mengganggu prosiding ini. Peguam-peguam yang mewakili keluarga si mati yang membuat keputusan sendiri untuk tidak meneruskan inkues dan tidak memanggil semula saksi mereka sendiri.
7. Walau bagaimanapun, Puan Syazlin Mansor telah memaklumkan Mahkamah yang beliau akan meneruskan untuk mewakili keluarga si mati semasa beliau hadir ke mahkamah bagi prosiding Pengurusan Kes pada 26 Jun 2019.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG]

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 33

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan di bawah Program Peningkatan Kapasiti dan Kapabiliti Kumpulan Khusus untuk meningkatkan keupayaan pendidikan dan latihan isi rumah B40.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11), sejumlah RM 343.3 juta telah diperuntukkan di bawah Program Peningkatan Kapasiti dan Kapabiliti Kumpulan Khusus dan memberi manfaat kepada 114,220 orang peserta. Jumlah peruntukan yang telah disalurkan mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Peruntukan (RM)	Penerima manfaat
2016	65,000,000.00	25,300
2017	95,490,158.50	30,520
2018	82,855,279.32	28,400
2019	100,000,000.00*	30,000**
Jumlah Keseluruhan	343,345,438.32	114,220

* Sehingga 20 Jun 2019, RM 70,318,500.00 (70.3%) telah disalurkan kepada agensi.

** Anggaran bilangan penerima manfaat.

2. Dalam Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP, RMKe-11), tumpuan terus diberikan dalam usaha membina kapasiti dan keupayaan melalui pendidikan, latihan kemahiran dan program keusahawanan kepada isi rumah B40.

3. Sehubungan dengan itu, Program Peningkatan Kapasiti dan Kapabiliti Kumpulan Khusus diteruskan pelaksanaannya bagi membantu isi rumah B40 yang berkelayakan untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan mereka melalui latihan kemahiran, program sokongan pendidikan dan latihan keusahawanan.

4. Program ini telah mendapat kerjasama daripada pelbagai agensi seperti Unit/Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (UPEN/BPEN), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK), Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB) dan badan bukan kerajaan (NGO).

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
1 Julai 2019

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD
RAMLI
[DUNGUN]

TARIKH : 01 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO.34

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai garis panduan atau SOP kepada pihak JPJ, Polis dan lain – lain pihak berkuasa mengadakan sekatan jalan raya untuk mengelak daripada berlakunya sekatan di kawasan berbahaya.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan undang-undang di bawah seksyen 78 Akta Pengangkutan Jalan 1987 menerangkan dengan jelas kuasa untuk mengadakan sekatan jalan raya melalui arahan bertulis daripada Pengarah untuk menguatkuasakan Akta ini. Walaubagaimana pun, pihak Kementerian sentiasa mengambil berat untuk mengkaji dan menyediakan SOP sebagai panduan kepada anggota penguatkuasa di dalam melaksanakan tugas sekatan di jalan raya bagi mengelakkan berlakunya sebarang jenis kemalangan yang boleh mengakibatkan kesan buruk kepada pengguna jalan raya, anggota penguatkuasa yang melaksanakan tugas dan juga kepada kepentingan awam.

2. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah mengeluarkan SOP sekatan jalan raya pada 22 Februari 2009 sebagai panduan kepada anggota di dalam melaksanakan amanah yang diberikan. Lokasi yang ditetapkan untuk mengadakan sekatan jalan raya adalah perlu diberi perhatian khusus dan JPJ tidak akan melaksanakan sebarang penugasan sekatan jalan raya di kawasan-kawasan yang berbahaya atau berpotensi menimbulkan bahaya kepada orang awam, anggota dan pengguna jalan raya yang lain.

3. SOP pihak polis hendaklah merujuk kepada pihak KDN dan juga PDRM.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED
ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah langkah-langkah drastik yang diambil oleh Kerajaan dalam usaha mengukuhkan kembali harga jualan kelapa sawit bagi suku tahun kedua 2019. Ini memandangkan masyarakat luar bandar terutamanya di Parlimen Bukit Gantang, Tanah Rancangan FELDA dan pengusaha tanaman kelapa sawit cukup terkesan dengan keadaan sebegini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini **bersekali** dengan soalan yang telah dibangkitkan oleh **Yang Berhormat Jasin pada 4 Julai 2019** dan **Yang Berhormat Beaufort pada 10 Julai 2019** yang juga menyentuh tentang isu yang sama.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian menyedari bahawa isu harga pada ketika ini bukan saja terkesan kepada pekebun kecil sawit di Parlimen Bukit Gantang dan Tanah Rancangan FELDA sahaja malahan ianya terkesan kepada seluruh pekebun kecil sawit di negara ini.

SOALAN NO : 35

Kerajaan sedang berusaha mengambil beberapa langkah drastik untuk membantu menstabilkan harga minyak sawit mentah tersebut. Antara usaha yang telah mula menampakkan hasil adalah dengan langkah peningkatan adunan biobahan api sawit dengan diesel petroleum Program Biodiesel B10 (adunan 10% biodiesel sawit dan 90% diesel petroleum) yang telah dilaksanakan secara mandatori pada 1 Februari 2019 yang lalu bagi sektor pengangkutan. Implementasi program ini telah benar-benar membantu meningkatkan penggunaan minyak sawit domestik dalam negara dengan anggaran peningkatan jumlah sebanyak 767,000 tan. Perlaksanaan program B7 bagi sektor industri pula akan bermula pada 1 Julai 2019. Ini akan meneruskan lagi impak positif tersebut terhadap industri sawit negara.

Selain itu, Kerajaan akan terus menjalankan misi-misi ekonomi dan lawatan teknikal bagi mengukuhkan hubungan dengan negara-negara pengimport utama produk-produk sawit Malaysia. Kerajaan berkeyakinan melalui pendekatan hubungan mesra dan akrab dengan negara-negara luar, ianya akan memudahkan produk-produk sawit mendapat akses pasaran yang lebih meluas di negara-negara tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia pada tahun ini juga sedang mengetuai satu gabungan kerjasama bersama Indonesia menerusi Majlis Negara-Negara Pengeluar Minyak Sawit (*Council of Palm Oil Producing Countries* atau CPOPC). Kerjasama ini adalah untuk memantapkan lagi amalan persekitaran mampan, pengurusan bekalan, aktiviti promosi dan pembangunan pekebun-pekebun kecil. Dalam hal ini, Kerajaan telah merangka beberapa strategi bersama dengan Indonesia untuk mencari kaedah-kaedah yang bersesuaian untuk isu-isu semasa mengenai industri sawit.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga akan meneruskan strategi-strategi jangka masa panjang bagi mengukuhkan harga sawit yang merangkumi tindakan-tindakan berikut:

- i. memperkukuhkan pasaran eksport utama sedia ada terutamanya negara China, India, Pakistan, dan Amerika Syarikat serta mempromosi produk-produk sawit dengan lebih

SOALAN NO : 35

agresif bagi menembusi pasaran-pasaran baharu seperti di benua Afrika ;

- ii. meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam penghasilan produk-produk baharu serta memberi nilai tambah kepada produk hiliran komoditi;
- iii. meningkatkan akses pasaran yang lebih baik melalui perundingan perjanjian perdagangan bebas (FTA) dua hala dan perundingan pelbagai hala atau serantau.

Namun demikian, harga minyak sawit mentah (CPO) bergantung kepada pertumbuhan ekonomi, permintaan dan penawaran serta jumlah stok minyak sawit oleh negara-negara pengeluar terutamanya Indonesia yang merupakan pengeluar terbesar minyak sawit dunia.

Kejatuhan harga CPO di Malaysia adalah disebabkan oleh lebihan bekalan CPO di pasaran tempatan. Paras stok CPO pada April 2019 berjumlah 2.73 juta tan berbanding 2.19 juta tan pada April 2018. Faktor lain yang juga menyumbang kepada penurunan harga CPO adalah kejatuhan harga minyak kacang soya (SBO) di pasaran antarabangsa. Ini kerana minyak kacang soya merupakan barang pengganti kepada minyak sawit. Selain itu, pergerakan nilai matawang Ringgit Malaysia berbanding Dolar Amerika turut menyumbang kepada turun naik harga CPO di pasaran tempatan.

Dalam hal ini, Kerajaan menjangkakan impak positif terhadap harga minyak sawit melalui usaha dan strategi yang telah dinyatakan.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI
ABDUL KARIM (BATANG LUPAR)**

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah prasyarat yang diperlukan supaya pembukaan sekolah tahfiz tidak melanggar dasar dan dapat mengelakkan musibah kepada pelajar.

**JAWAPAN: (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF, MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Dipertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, semua sekolah tahfiz atau sekolah agama yang ditubuhkan perlu mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh undang-undang dan peraturan yang sedang berkuatkuasa di negeri berkenaan. Antara prasyarat yang perlu dipatuhi dalam pembukaan institusi tersebut ialah :

NO. SOALAN : 36

- i. Institusi tersebut perlu berdaftar dengan pihak berkuasa agama negeri
- ii. Bangunan mesti mendapat kelulusan daripada pihak-pihak berkaitan seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Jabatan Kesihatan.
- iii. Menggunakan kurikulum yang diluluskan oleh pihak berkuasa agama negeri untuk memastikan para pelajar dapat menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi pada masa hadapan.
- iv. Pemohon atau penaja hendaklah mempunyai kewangan yang mencukupi untuk menjalankan operasi institusi tersebut.
- v. Mempunyai tauliah atau kebenaran mengajar agama Islam dari pihak berkuasa agama negeri bagi pengajaran agama Islam.

Pihak berkuasa agama negeri-negeri mempunyai kuasa untuk memeriksa, mengambi alih pebntadbiran dan menamatkan operasi sekolah agama Islam yang melanggar peraturan yang telah ditetapkan.

Dalam masa yang sama, di bawah inisiatif Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama pihak berkuasa agama negeri sedang membangunkan Garis Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Institusi Tahfiz bagi memastikan penubuhan sekolah-sekolah tahfiz di negeri-negeri mengikut peraturan dan piawaian yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 37

Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan cadangan menaik taraf Sungai Chior, Mukim Pulau Kamiri, Sungai Siput (U) di bawah projek tebatan banjir bagi menyelesaikan masalah banjir di kawasan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, tiada projek yang diluluskan bagi cadangan menaik taraf Sungai Chior, Mukim Pulau Kamiri, Sungai Siput. Walaubagaimanapun, pihak Kementerian Air, Tanah Dan Sumber Asli (KATS) melalui Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) perlu melaksanakan kajian terlebih dahulu bagi mengenalpasti punca sebenar kejadian banjir serta kaedah yang berkesan untuk mengatasinya.

Selain daripada itu, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu melaksanakan kawalan pembangunan bagi mengurangkan pertambahan kadar alir kesan daripada pembangunan yang telah dilaksanakan di sekitar kawasan tersebut untuk mengurangkan kejadian banjir.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR
[CAMERON HIGHLANDS]**

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN : 38

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands] minta PERDANA MENTERI menyatakan jika benar, kenapakah tanah kawasan perkampungan Orang Asli Pos Trisu Cameron Highlands yang telah diwartakan sebagai Perkampungan Orang Asli disewakan kepada pengusaha kebun sayur oleh Ketua Pengarah JAKOA tanpa menetapkan tempoh luput sewaan. Industri pertanian tersebut telah menimbulkan banyak isu kerosakan alam sekitar dan jalanraya selain mengimport masalah social di kalangan penduduk Orang Asli apabila ada pekerja pendatang asing sama ada berpermit atau tidak hadir dan menetap di dalam kawasan perkampungan Orang Asli tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kawasan Rancangan Penempatan Semula (RPS) Terisu terdiri daripada empat (4) buah kampung iaitu Kampung Sungai Getan, Kampung Sungai Telimau, Kampung Terisu dan Kampung Sungai Jarik. Untuk makluman, kesemua kawasan ini berstatus tanah Kerajaan Negeri dan masih belum diwartakan.

Bagi penyewaan tanah Kerajaan Negeri, prosedur dan syarat daripada Kerajaan Negeri hendaklah dipatuhi dan kelulusan bagi sewaan adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri dan bukannya di bawah kuasa Ketua Pengarah JAKOA. Malah, bagi permohonan yang melibatkan tanah di Cameron Highlands, perlu melalui Jawatankuasa Teknikal Negeri terlebih dahulu sebelum dipertimbangkan oleh pihak MMK. JAKOA akan menyediakan ulasan kepada Kerajaan Negeri sekiranya menerima permohonan sewaan tersebut.

JAKOA akan meneliti semula isu-isu yang dibangkitkan oleh YB dan akan menyusul perkara ini kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk ulasan dan pandangan.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ [BACHOK]**

TARIKH : **1 JULAI 2019 (ISNIN)**

SOALAN NO. 39

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah pihak Kementerian berhasrat untuk mengkaji semula dasar tiada diskaun saman JPJ.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan Malaysia melalui Jabatan Pengangkutan Jalan telah menetapkan dasar bahawa semua notis saman yang dikeluarkan oleh JPJ terhadap mana-mana kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang boleh dikompaun adalah tidak boleh dikurangkan atau diberi diskaun.
2. Justifikasi dasar tiada tawaran diskaun terhadap notis saman yang dikeluarkan oleh JPJ adalah:
 - a. Setiap orang kena saman (OKS) yang melakukan kesalahan lalu lintas atau yang melanggar Akta Pengangkutan Jalan 1987 hendaklah bertanggungjawab terhadap kesalahan yang dilakukan;
 - b. Mendidik pengguna jalan raya supaya tidak melakukan kesalahan lalu lintas berulang dan mematuhi terhadap setiap undang-undang yang sedang berkuatkuasa untuk mengurangkan kemalangan jalan raya; dan

NO. SOALAN : 39

- c. Memberi tawaran diskaun terhadap setiap notis saman yang dikeluarkan akan melahirkan pengguna jalan raya yang tidak takut untuk melakukan kesalahan jalan raya dan negara kita akan gagal membentuk pengguna jalan raya yang menghormati undang-undang.
3. Pada masa ini, pihak Kementerian tidak berhasrat untuk mengkaji semula dasar tiada diskaun saman yang dikeluarkan oleh JPJ.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]
TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 40

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada nombor plat “TMJ” dan “RZ” telah didaftarkan dengan pihak Jabatan Pengangkutan Jalan sebagai pendaftaran kenderaan yang sah oleh mana-mana pihak dan sekiranya ianya tidak, sama ada kenderaan-kenderaan yang mempunyai nombor plat itu dibenarkan di atas jalan raya.

JAWAPAN

1. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 [Akta 333] telah memperuntukkan kuasa untuk mewujudkan, menetapkan, menguntuk dan mengenakan fi (bayaran) ke atas nombor pendaftaran sesuatu kenderaan kepada Menteri atau Pengarah bagi Pengangkutan Jalan yang dilantik di bawah Seksyen 3 akta tersebut. Seksyen 11 APJ 1987 telah menetapkan bahawa semua kenderaan yang telah didaftarkan perlu diuntukkan satu (1) tanda indeks (yang disebut sebagai “nombor pendaftaran”) bagi menunjukkan kawasan kenderaan didaftarkan. Pengarah pula boleh menetapkan kadar bayaran (fi) bagi nombor pendaftaran yang telah diuntukkan kepada kenderaan tersebut.

2. Selaras dengan APJ 1987, Kaedah 5 dalam Kaedah-kaedah Kenderaan Bermotor (Pendaftaran dan Pelesenan) 1959 telah menetapkan peraturan/prosedur mengenai penguntukkan nombor pendaftaran. Dalam hubungan ini, nombor pendaftaran hendaklah dibuat mengikut kepada kawasan sesuatu kenderaan didaftarkan sama ada di Semenanjung atau negeri dan bahagian di Sabah dan Sarawak.

3. Selain daripada nombor pendaftaran yang mengikut kawasan pendaftaran, nombor pendaftaran istimewa telah turut diperkenalkan selaras dengan Kaedah 5A, Kaedah-kaedah Kenderaan Bermotor (Pendaftaran dan Pelesenan) 1959. Pemberian nombor pendaftaran istimewa ini adalah berdasarkan kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Menteri.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SRI HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD [LIPIS]

TARIKH : 01 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 41

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan usaha Kementerian untuk mengatasi masalah diskriminasi yang agak teruk dalam pengambilan pekerjaan di sektor swasta terutamanya dalam kalangan orang-orang Melayu dan India walaupun mereka ini mempunyai ijazah dan kelulusan yang tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Isu yang dibangkitkan adalah berkaitan dakwaan diskriminasi yang berlaku dalam pra-pekerjaan. Dalam hal ini pengambilan pekerja mengikut kelayakan yang ditetapkan oleh majikan adalah budi bicara majikan, yang mana perkara ini kurang sesuai untuk dikawal selia melalui perundangan. Ini bermakna majikan boleh menapis dan mengambil pekerja mengikut keperluan bagi jawatan yang ditawarkan.

2. Walau bagaimanapun, bagi pekerja yang sedang dalam perkhidmatan, Kerajaan sedang meneliti beberapa peruntukan sesuai bagi menangani isu diskriminasi dalam pekerjaan melalui pindaan Akta Kerja 1955.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN:

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat manakah fungsi Majlis Tahfiz Negara yang diwujudkan oleh Kerajaan dan adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan Institut Latihan Guru Tahfiz khususnya bagi memperkasakan pembelajaran tahfiz di sekolah-sekolah yang dimiliki oleh Kerajaan.

**JAWAPAN: (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF, MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Majlis Tahfiz Negara (MTN) merupakan sebuah badan pengiktirafan tahfiz yang diletakkan di bawah Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) bagi mewujudkan dan menyelaras mekanisme pengiktirafan, memberi pengiktirafan kepada huffaz dan juga institusi serta memantau pematuhan standard pengiktirafan. Fungsi majlis ini adalah seperti berikut:

- i. Menyedia Terma Rujukan (T.O.R) dan Tatacara Operasi Standard (S.O.P).

NO. SOALAN : 43

- ii. Membangunkan satu standard pengiktirafan yang mengambil kira elemen-elemen tertentu yang menjadi asas pengukuran bagi tujuan menaraf dan mengiktiraf individu atau institusi.
- iii. Melantik panel penilai (institusi) dan panel pemeriksa (individu) yang terdiri daripada mereka yang pakar dalam bidang yang berkaitan.
- iv. Memperaku dan memberi pengiktirafan kepada institusi tahfiz atau insitusi yang menawarkan subjek tahfiz tertakluk kepada dasar, keperluan semasa dan permohonan.
- v. Memperaku dan memberi pengiktirafan kepada mana-mana individu yang terlibat secara langsung bagi mengekalkan al-Quran pada bentuk bacaan, hafazan dan amalan; dan
- vi. Memastikan pematuhan standard pengiktirafan dapat dilaksanakan.

Bagi memperkasakan pembelajaran tahfiz di sekolah-sekolah yang dimiliki oleh Kerajaan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga telah melaksanakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) yang diiktiraf sebagai Kurikulum Kebangsaan di sekolah-sekolah agama KPM secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2014. KBT dibangunkan dengan mengambil kira semua keperluan Kurikulum Kebangsaan sedia ada melalui penambahan subjek yang berkaitan dengan ilmu-ilmu al-Quran dan syariah Islam.

Sebagai usaha menyediakan tenaga pengajar yang terlatih dan memperkasakan pembelajaran tahfiz di sekolah, KPM menyediakan kursus ikhtisas keguruan sebagai kursus praperkhidmatan kepada guru tahfiz yang belum terlatih dan telah diambil berkhidmat oleh KPM. Bagi guru-guru tahfiz sedia ada yang telah mempunyai ikhtisas keguruan, mereka turut menghadiri latihan dalam perkhidmatan bagi meningkatkan profesionalisme dan kompetensi mereka dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) tahfiz.

NO. SOALAN : 43

Untuk makluman, pada masa ini Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) di bawah KPM juga menawarkan Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (Tahfiz) dan sedang melatih seramai 286 orang guru tahfiz yang dijangka tamat pengajian pada tahun Jun 2020.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI
ALIAS
[JELEBU]**

TARIKH : 1 JULAI 2019 [ISNIN]

SOALAN NO. 44

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan berapa jumlah bantuan yang diberikan kepada peneroka FELDA bagi proses tanam semula ketika ini, dan adakah terdapat sebarang kemungkinan jumlah bantuan tersebut akan ditingkatkan pada masa akan datang.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program pembangunan tanam semula adalah untuk meningkatkan daya pengeluaran agar warga peneroka mendapat hasil optimum daripada program tanam semula. Inisiatif ini melibatkan penanaman semula tanaman sawit atau getah bagi menggantikan tanaman asal yang tidak lagi produktif.
2. Pada masa ini, FELDA mendahulukan kos pembangunan tanam semula dalam bentuk pinjaman kepada peneroka mengikut dasar dan mekanisma yang telah ditetapkan. Kos pembangunan ini merangkumi kos pembangunan tanam semula sehingga pokok mula mengeluarkan hasil. Purata kos semasa bagi pembangunan tanam semula sawit adalah RM14,000 sehektar dengan jumlah keseluruhan RM56,000 (4 hektar) bagi setiap peneroka.
3. Selain itu, FELDA juga memberi bantuan pinjaman Sara Hidup (SH) kepada peneroka yang membuat tanam semula bersama FELDA. Pinjaman ini bertujuan untuk menampung perbelanjaan peneroka semasa tempoh tanaman semula belum berhasil. Pinjaman ini diberikan kepada peneroka atas pilihan mereka sendiri (*optional*).
4. Pinjaman Sara Hidup bagi pembangunan tanam semula sawit adalah berjumlah RM42,000 untuk tempoh 36 bulan. Manakala bagi

SOALAN 44

pembangunan tanam semula getah adalah berjumlah RM88,800 untuk tempoh 72 bulan.

5. Jumlah keseluruhan pinjaman maksimum yang didahulukan oleh FELDA kepada peneroka bagi tanam semula ialah RM98,000 per peneroka bagi tanaman sawit dan RM144,800 bagi tanaman getah. FELDA akan terus menggunakan kadar baharu ini dan dikaji dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan. Buat masa ini FELDA menggunakan kadar ini yang akan dikaji dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan baru atau peningkatan kepada kos tanam semula di masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

1 Julai 2019

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT
1 HINGGA 18 JULAI 2019

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN
[PASIR SALAK]**

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN :

PR-1422-L04484

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan laporan kejayaan Program Sayangi Sawitku dengan memperincikan peningkatan harga dan jumlah eksport sawit.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian telah melancarkan kempen Sayangi Sawitku yang telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri pada 24 Mac 2019 yang lalu. Kempen Sayangi Sawitku ini yang akan diadakan sepanjang tahun 2019 adalah bertujuan untuk memberi kesedaran kepada rakyat Malaysia mengenai kebaikan dan khasiat minyak sawit dan juga cabaran yang dihadapi oleh komoditi sawit. Disamping itu, kempen ini juga adalah untuk menggalakkan rakyat Malaysia mempertahankan komoditi sawit dan menjadi jurucakap sawit melalui pendekatan dengan izin '*From Malaysia, we speak to the world*'.

Pelbagai aktiviti dan program di peringkat domestik dan antarabangsa telah dijalankan seperti publisiti video dan poster Kempen Sayangi Sawitku di

SOALAN NO : 45

KLIA, publisiti melalui *in-flight magazine* oleh MAS, Air Asia dan Malindo, program tanam semula pokok hutan dan konservasi Orang Utan dan Gajah Pygmy di Sabah, sesi taklimat dan pameran produk sawit di Parlimen, *Student Ambassador Programme*, pertandingan memasak menggunakan minyak sawit, sesi kunjungan dan penerangan kepada Menteri Kabinet dan Ketua Menteri yang berkaitan, pertandingan atas talian dan lain-lain. Bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti Kempen Sayangi Sawitku yang telah dirangka, Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM6 juta pada tahun ini.

Sebenarnya, masih terlalu awal untuk mengukur prestasi pelaksanaan kempen ini memandangkan ianya masih berjalan sehingga ke akhir tahun ini. Walau bagaimanapun, Kementerian sedang menjalankan pemerhatian dan bancian bagi mengukur keberkesanan kempen ini dalam membantu meningkatkan industri sawit negara. Didapati pada masa ini, lebih ramai rakyat Malaysia daripada pelbagai lapisan masyarakat telah tampil untuk menyuarakan sokongan terhadap industri sawit negara termasuk pemimpin utama negara, tokoh korporat, personaliti media, ketua masyarakat, pelajar dan lain-lain. Manakala industri lain seperti penerbangan, pelancongan dan hiburan juga turut bekerjasama menjayakan kempen ini melalui penajaan dan publisiti.

Selain itu, data eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit ke negara-negara luar telah menunjukkan peningkatan sebanyak 5.9% daripada 6.36 juta tan (Januari – Mac 2018) kepada 6.74 juta tan (Januari - Mac 2019). Dari segi harga pula, harga purata minyak sawit mentah bagi bulan Mac 2019 iaitu bulan pelancaran kempen adalah RM1,903.50 telah meningkat kepada RM1,946.50 pada bulan Mei 2019. Ini secara tidak langsung disebabkan peningkatan penerimaan dan kesedaran mengenai minyak sawit hasil daripada kempen yang dijalankan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS
[JELEBU, NEGERI SEMBILAN]**

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 46

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah program-program baru yang dirangka oleh pihak Kementerian bagi melahirkan atlet-atlet bertaraf dunia seperti Datuk Lee Chong Wei, Datuk Nicol David dan Azizulhasni Awang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Majlis Sukan Negara (MSN) dengan kerjasama Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) dan Institut Sukan Negara (ISN) telah melaksanakan program Podium, program latihan senior, program pelapis, program bakat dan program pembangunan sukan pilihan bagi memastikan kesinambungan prestasi atlet dapat digilap dari peringkat akar umbi sehinggalah ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

2. Program Podium yang diwujudkan sebagai persediaan untuk menghadapi temasya Sukan Olimpik Tokyo 2020 telah distruktur semula pada bulan November 2018 dan diberi tumpuan kepada sasaran pingat di Temasya Sukan SEA 2019/2021, Sukan Olimpik

2020, Sukan Asia 2022 dan Sukan Komanwel 2022. Program latihan atlet ini telah melibatkan penambahan jenis sukan iaitu daripada 15 kepada 25 jenis sukan, dan penambahan atlet daripada 79 atlet kepada 522 orang atlet.

3. Bagi sukan-sukan yang tidak tersenarai dalam Temasya Sukan Olimpik, Sukan Asia atau Sukan Komanwel tetapi mempamerkan prestasi yang cemerlang di peringkat antarabangsa turut diberikan perhatian dan sokongan oleh Kerajaan. Kementerian sentiasa bekerjasama dengan Persatuan Sukan Kebangsaan tersebut bagi memastikan prestasi mereka berada di tahap yang membanggakan.

5. Usaha bagi melahirkan lebih ramai atlet berbakat daripada peringkat akar umbi sehinggalah ke peringkat antarabangsa masih diteruskan. Malah, ianya akan diperhebatkan lagi melalui program-program latihan yang lebih berstruktur dan bersistematik bagi melahirkan lebih ramai jaguh sukan negara seperti Dato' Lee Chong Wei (Badminton) dan Dato' Nicol David (Skuasy).

6. MSN telah melaksanakan Program Pelapis yang memberi tumpuan kepada 16 jenis sukan teras. Program ini bertujuan memperluaskan tapak penyertaan serta peluang latihan atlet kepada satu sistem latihan yang lebih efisien dan sistematik dengan bimbingan jurulatih-jurulatih yang bertauliah di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan. Di samping itu, Program Bakat turut diperkenalkan pada tahun 2016 bagi mengembangkan latihan di peringkat daerah untuk mencungkil lebih ramai bakat-bakat muda. Atlet-atlet berumur seawal 12 tahun dipilih melalui program ini dengan penglibatan sekolah ataupun kelab sukan di peringkat daerah.

7. Kerjasama daripada pemegang taruh utama seperti Persatuan Sukan Kebangsaan, Institut Sukan Negara, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Majlis Sukan Negeri adalah diharapkan untuk merealisasikan hasrat melahirkan jaguh-jaguh dunia seperti Dato' Lee Chong Wei, Dato' Nicol David dan Mohd Azizulhasni Awang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI
JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG
[KOTA MELAKA]

TARIKH : 1 JULAI 2019

SOALAN : 47

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pengundi-pengundi baru yang telah didaftarkan pada setiap suku untuk tahun 2018 dan 2019 mengikut pecahan negeri, dan adakah Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan membenarkan semula pelantikan wakil-wakil parti politik sebagai penolong pegawai pendaftar (ARO).

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya jumlah pendaftaran baharu bagi tahun 2018 adalah sebanyak **216,705 orang**

pemilih manakala jumlah pendaftaran baharu bagi tahun 2019 iaitu dari 1 Januari 2019 hingga 31 Mac 2019 adalah sebanyak **26,136 orang pemilih**.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) diperuntukkan kuasa di bawah Seksyen 8(1)(e) Akta Pilihan Raya 1958 (Akta 19) untuk melantik apa-apa bilangan Penolong Pendaftar Pemilih (PPP) yang difikirkan perlu untuk membantu SPR dalam melaksanakan urusan pendaftaran pemilih. Pada masa kini, terdapat **5 kategori PPP** yang ditetapkan oleh SPR iaitu **wakil jabatan, wakil pertubuhan bukan Kerajaan, wakil universiti, wakil pelajar dan wakil swasta**.

Selain itu, SPR juga telah **bersetuju untuk membenarkan semula pelantikan PPP (Wakil Parti Politik)** bagi melaksanakan urusan pendaftaran pemilih. Berhubung dengan perkara ini, SPR sedang **mengemas kini dan memperkemaskan *Standard Operating Procedures*** sedia ada sebelum pelantikan tersebut dapat dilaksanakan kelak. Pemakluman mengenai keputusan pelantikan ini akan dibuat kepada semua parti politik yang berdaftar secara bertulis dalam tempoh terdekat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF
[JEMPOL]
TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 48

Minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan pendirian terhadap **isu persaingan** antara pemandu teksi dan pemandu e-panggilan (Grab) yang semakin membimbangkan dan **jaminan bagi mewujudkan persaingan adil** terhadap kedua-dua kumpulan pemandu tersebut.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

A) Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) amat komited dalam usaha menangani isu-isu di dalam industri pengangkutan awam darat. Salah satu inisiatif yang terkandung dalam Program Transformasi Industri Teksi (TITP) adalah untuk mengawal selia perkhidmatan *e-hailing* seperti Grab dan syarikat e-hailing yang lain melalui dasar dan syarat operasi yang telah ditetapkan.

Melalui TITP juga, terdapat empat (4) komponen asas turut dicadangkan seperti berikut:

- 1) Memanfaatkan penggunaan teknologi iaitu aplikasi *e-hailing*;
- 2) Meningkatkan pendapatan dan kebajikan pemandu teksi sedia ada;

- 3) Meningkatkan kualiti perkhidmatan pemandu teksi, dan;
- 4) Menyelaraskan kadar tambang dengan pembayaran secara kadar bermeter atau elektronik dengan menggunakan kadar tambang dinamik (menggunakan kadar tetap atas talian).

Selain itu, beberapa langkah lain juga akan dilaksanakan secara berperingkat dalam memberi peluang dan ruang kepada pemandu teksi untuk bersaing secara adil dengan pengusaha perkhidmatan *e-hailing* seperti berikut:

1. Pemberian lesen pengendali individu kepada pemandu teksi sedia ada yang telah tamat kontrak sewa beli;
2. Membuka lebih banyak pilihan model kenderaan bagi kegunaan teksi;
 - a. Semua jenama dan model kenderaan yang mencapai penarafan keselamatan tiga (3) bintang dan ke atas di bawah Program Penilaian Kereta Baharu Rantau Asia Tenggara (ASEAN NCAP) atau yang setaraf dengannya.
3. Memperkenalkan penggunaan kadar tambang dinamik
 - a. Pemandu teksi mempunyai pilihan untuk menggunakan tambang bermeter atau tambang aplikasi *e-hailing* berdasarkan kaedah pengoperasian. Sekiranya beroperasi secara 'street hail' pemandu perlu menggunakan meter dan sekiranya beroperasi secara *e-hailing*, pemandu boleh menggunakan tambang yang ditetapkan oleh penyedia perkhidmatan *e-hailing*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

**DARIPADA : Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib
[Maran]**

SOALAN : 49

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Wawasan 2020 adalah wawasan YAB Perdana Menteri sendiri, apakah hasrat tersebut akan menjadi kenyataan bahawa Malaysia menjadi negara maju. Apakah langkah-langkah segera yang telah diambil oleh Kerajaan bagi memastikan wawasan ini dapat membantu rakyat terutama masyarakat di luar bandar.

JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Pakatan Harapan yang mengambil alih pentadbiran Putrajaya selepas memenangi Pilihan Raya Ke-14 pada Mei 2018, yakin dengan keupayaannya untuk membina semula negara ke arah Malaysia Baharu berteraskan prinsip keadilan, tadbir urus yang baik, integriti dan kedaulatan undang-undang.

Dalam konteks ini, Kerajaan akan terus melakukan beberapa perubahan dasar, strategi dan cara pelaksanaan untuk memenuhi harapan rakyat,

SOALAN NO. 49

membina semula serta mengembalikan kegemilangan negara. Kerajaan menjangkakan hasrat mencapai status negara maju menjelang tahun 2020 seperti yang digariskan dalam Wawasan 2020 hanya dapat dicapai menjelang 2025 atau lebih awal bergantung kepada pengamalan dasar yang betul. Kelewatan ini berpunca daripada pelaksanaan dasar yang tidak sesuai dengan usaha mencapai aspirasi Wawasan 2020 tersebut.

Pada 27 Jun 2019 yang lalu, Kerajaan telah melancarkan “Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB)”, di mana ia telah merumuskan wawasan “Luar Bandar Yang Sejahtera, Inklusif, Mampan dan Holistik” sebagai agenda utama dalam proses pembangunan luar bandar di Malaysia menjelang tahun 2030.

Malah, selepas satu tahun Kerajaan Pakatan Harapan memerintah, Kerajaan komited untuk menunaikan 60 janji dan 47 Iltizam khusus yang terkandung dalam Buku Harapan. Sehingga 31 Mei 2019, pencapaian keseluruhan janji kerajaan adalah sebanyak 49.35% dimana 67 inisiatif (14.44%) telah ditunaikan sepenuhnya dan 162 inisiatif (34.91%) masih dalam pelaksanaan. Manakala 235 inisiatif (50.65%) masih dalam perancangan atau belum mula.

Terdapat inisiatif-inisiatif di dalam janji kerajaan yang memfokuskan bagi membantu rakyat terutama masyarakat luar Bandar termasuk di Sabah dan Sarawak. Di antaranya, adalah inisiatif “**membela nasib orang asal di Semenanjung Malaysia**” di mana kerajaan akan memperuntukkan lebih banyak sumber untuk menaik taraf infrastruktur perkampungan Orang Asal, termasuk jalan berturap, sistem grid elektrik 24 jam, bekalan air yang dirawat dan rangkaian komunikasi yang stabil supaya tiada komuniti Orang Asal yang terpinggir.

SOALAN NO. 49

Selain daripada itu, kerajaan juga berjanji untuk “**memastikan ekonomi Sabah dan Sarawak berkembang dengan lebih pesat demi kemakmuran hidup rakyat seluruhnya**”. Demi mencapai janji ini, kerajaan akan menyegerakan pembekalan air bersih dan elektrik ke kawasan sempadan bandar dan luar bandar.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 01 JULAI 2019 (ISNIN)

**DARIPADA : Tuan Lim Lip Eng
[Kepong]**

SOALAN : 50

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia mengubah status rahsia dokumen mengenai peristiwa rusuhan 13 Mei 1969 dan menubuhkan Suruhanjaya Kebenaran dan Rekonsiliasi berkaitan tragedi 13 Mei 1969.

**JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Laporan *The May 13 Tragedy* telah pun dikeluarkan oleh Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) dan ia merupakan dokumen terbuka serta boleh diakses secara terbuka. Laporan tersebut adalah lengkap dengan semua maklumat dan fakta mengenai tragedi tersebut.
2. Sehubungan itu, tiada keperluan untuk menubuhkan Suruhanjaya Kebenaran dan Rekonsiliasi berkaitan tragedi 13 Mei 1969. Tumpuan

NO. SOALAN: 50

Kerajaan pada masa ini adalah untuk mengukuhkan perpaduan rakyat dan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN
RAZALI [KUALA NERUS]

TARIKH : 1 JULAI 2019 [ISNIN]

SOALAN NO. 51

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan perkembangan semasa 63 resolusi Kongres Masa Depan Bumiputera dan Negara.

JAWAPAN:-

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kongres Masa Depan Bumiputera dan Negara 2018 (KBN 2018) yang telah diadakan pada 1 September 2018 yang lalu merupakan platform penting kepada Kerajaan untuk memperkasa ekonomi Bumiputera.
2. KBN 2018 telah menghasilkan 63 resolusi merangkumi 4 bidang fokus iaitu nilai, moral dan etika; pendidikan dan modal insan; pemilikan dan penciptaan kekayaan; serta keusahawanan dan perniagaan. Sebahagian daripada cadangan resolusi kongres tersebut telahpun diambil kira dalam hala tuju, strategi dan inisiatif Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11) yang telah dibentangkan di Parlimen pada 18 Oktober 2018.
3. Antara cadangan resolusi yang telah diambil kira dalam KSP RMKe-11 adalah seperti berikut:
 - (i) Menjadikan kongres Bumiputera nasional sebagai platform untuk memantau pelaksanaan resolusi menepati niat serta aspirasi komuniti Bumiputera negara;
 - (ii) Menstruktur semula agensi sedia ada supaya lebih efektif dan efisien serta bebas daripada campur tangan politik;
 - (iii) Mengkaji semula undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa termasuk Akta Suruhanjaya Pencegahan

Rasuah Malaysia Tahun 2009 (Akta 694) dan lain-lain cadangan akta bagi mengekang aktiviti manipulasi bagi mengaut keuntungan ('Ali Baba'), aktiviti sabotaj ekonomi serta membendung perkara-perkara yang bertentangan dengan undang-undang;

- (iv) Memperkasa agensi sedia ada untuk mengawal selia dan melibatkan diri dalam pembangunan tanah rizab Melayu dan tanah Wakaf;
 - (v) Memberi perhatian lebih kepada kontraktor kelas F (Gred G1) dalam mengusahakan kontrak pembinaan; dan
 - (vi) Mewujudkan pangkalan data yang bersepadu (*integrated database*) dan boleh diakses daripada pelbagai agensi sedia ada, menuju ke arah inisiatif Data Raya (*Big Data*).
4. Manakala, cadangan-cadangan resolusi kongres yang lain telah diperhalusi dari masa ke masa dan akan diambil kira dalam penyediaan Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12) di mana sesi libat urus akan diadakan dengan pemegang taruh utama daripada pelbagai segmen dan latar belakang. Sesi ini melibatkan pihak seperti kementerian/agensi, dewan perniagaan, syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan badan bukan Kerajaan (NGO) bermula dengan sesi Persidangan Pelancaran Penyediaan Rancangan Malaysia Ke-12 pada 1 Julai 2019.
5. Kerajaan akan terus meningkatkan usaha demi memperkukuhkan lagi tahap sosioekonomi kaum Bumiputera melalui pendekatan pembangunan yang inklusif dan holistik berasaskan "*shared*

prosperity". Penyediaan RMKe-12 adalah fasa pertama inisiatif kemakmuran bersama. Peningkatan sosioekonomi bumiputera adalah komponen penting bagi memastikan hasil pertumbuhan ekonomi dapat dikongsi dan dinikmati oleh seluruh rakyat dan negara akan mencapai Kemakmuran Bersama

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

1 Julai 2019

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[PENGGALAN CHEPA]
TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 52

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah sudah terdapat kajian semula terhadap jumlah harga bayaran cukai jalan yang melibatkan kenderaan bahan api diesel agar lebih seimbang dengan kedudukan semasa harga bahan api di pasaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, bayaran cukai jalan atau fi Lesen Kenderaan Motor (LKM) bagi kenderaan persendirian yang menggunakan bahan bakar diesel telah diselaraskan dengan kadar bahan bakar petrol semenjak tahun 2008. Sebagai contoh kenderaan bukan salun (jenis jip) dengan kapasiti enjin 2,400cc yang didaftarkan di Semenanjung Malaysia, fi LKM yang dikenakan adalah pada kadar RM760.00 sama ada menggunakan bahan bakar petrol atau diesel.

2. Berhubung pertanyaan Yang Berhormat Pengkalan Chepa, buat masa ini tiada kajian semula terhadap fi LKM yang melibatkan kenderaan bahan api diesel agar lebih seimbang dengan kedudukan semasa harga bahan api di pasaran. Kementerian ini berpandangan bahawa kadar fi sedia ada yang seragam antara bahan bakar diesel dengan petrol adalah munasabah memandangkan perbezaan harga jualan bahan bakar antara petrol RON 95 dan diesel yang agak minimum iaitu dalam lingkungan 10 sen. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian mengambil maklum akan cadangan ini dan akan mengkaji perkara ini selanjutnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD [SETIAWANGSA]

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 53

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah status Program Pembangunan Bola Sepak Negara (NFDP):

- a) mencapai sasaran awal pada tahun 2020 melalui 500,000 pelatih, 320 Pusat Latihan dan 2000 Jurulatih; dan
- b) adakah peruntukan untuk NFDP dikekalkan atau dikurangkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Majlis Sukan Negara (MSN) telah melakukan penstrukturan semula Program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) bermula bulan November 2018 bertujuan memberi penambahbaikan bagi kelangsungan program ini.

2. Sasaran asal Program PPBN adalah sebanyak 51,125 pelatih di 320 pusat latihan dengan kendalian 2,472 jurulatih sepenuh dan separuh masa menjelang tahun 2020. Sehingga kini, program PPBN ini mempunyai sejumlah 11,992 orang pemain bola sepak yang sedang menjalani latihan sepenuh masa dan separa masa di bawah pengawasan 610 jurulatih di:

- (a) 46 Pusat Latihan Akademi Tunas;
- (b) 48 Pusat Latihan Daerah;
- (c) 14 Sekolah Sukan Negeri;
- (d) 3 Sekolah Sukan Malaysia; dan
- (e) Akademi Bola Sepak Negara Mokhtar Dahari (AMD).

3. Jumlah pusat, atlet dan jurulatih sedia ada ini dilihat tersasar daripada unjuran serta sasaran awal yang telah ditetapkan oleh pengurusan PPBN sebelum ini. Namun, pihak Kementerian akan meneruskan usaha menambah bilangan pusat-pusat latihan ini melalui cadangan daripada Ketua Jurulatih Negeri yang dilantik. Proses penambahan pusat-pusat latihan di pelbagai peringkat seperti di daerah dan negeri akan dilakukan dari masa ke semasa berdasarkan kepada prestasi serta keupayaan pusat-pusat latihan tersebut untuk beroperasi sepenuhnya.

4. Kerajaan telah pun memperuntukkan sebanyak RM15 juta kepada program ini pada tahun 2019, manakala pihak KBS melalui MSN telah membelanjakan sejumlah RM23 juta pada tahun 2018. Walaupun peruntukan kewangan tahun ini berkurangan dari tahun sebelumnya, ianya tidak akan merencatkan pembangunan sukan ini seperti yang telah dirancang. Ini kerana pihak Kementerian sedang mengadakan perbincangan dengan beberapa buah syarikat yang berminat untuk menaja sebahagian daripada program ini.

5. Penstrukturan semula Program Pembangunan Bola Sepak Negara Tahun 2019–2025 telah disediakan dengan beberapa penambahbaikan seperti memperkemaskan struktur kejurulatihan, memperkukuhkan kerjasama bersama pemegang taruh, memperkenalkan skim gaji yang lebih berstruktur dan modul pendidikan persendirian di Akademi Mokhtar Dahari (AMD). Menjelang tahun 2025, PPBN disasarkan untuk mempunyai 500 pusat latihan, 85,735 pemain dan 3,945 jurulatih.

6. PPBN merupakan satu usaha jangka masa panjang Kerajaan dalam membangunkan sukan bola sepak di Malaysia. Komitmen Kerajaan dalam melaksanakan program ini amatlah tinggi dan berhasrat untuk mengembalikan semula kegemilangan sukan bola sepak negara seperti dahulu.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN**
[ROMPIN]

TARIKH : **1 JULAI 2019 (ISNIN)**

SOALAN :

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan berapakah jumlah minyak mentah sawit (CPO) yang diimport pada tahun 2018 dan dari Januari hingga Jun 2019. Langkah Kerajaan membenarkan import minyak sawit mentah memberi kesan kepada pekebun-pekebun kecil dalam negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Mengikut rekod, jumlah import minyak sawit mentah (CPO) pada tahun 2018 adalah 1,108,830 tan manakala dari Januari hingga Mac 2019, Malaysia telah mengimport sebanyak 377,200 tan minyak sawit mentah dari negara luar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah untuk menyekat pengimportan minyak sawit mentah ke dalam negara adalah bercanggah dengan prinsip-prinsip perdagangan bebas dan bertentangan dengan peraturan Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO). Namun demikian, Kementerian melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sentiasa memantau aktiviti pengimportan minyak sawit mentah ke dalam negara. Melalui mesyuarat yang diadakan bersama Kementerian pada Disember 2018, pihak industri bersetuju untuk menanggung sementara aktiviti import minyak sawit secara sukarela untuk mengurangkan kadar stok minyak sawit yang tinggi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI
JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN [PONTIAN]

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)
MENJAWAB

SOALAN : 56

YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan susulan kepada RCI Skandal Forex dan laporan polis yang dibuat. Bila Kerajaan akan tubuhkan RCI untuk 1MDB, Tabung Haji, FELDA dan MARA. Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Petua,

NO. SOALAN : 56

1. Laporan Suruhanjaya Siasatan Bagi Menyasat Kerugian Urus Niaga Mata Wang Asing Bank Negara Malaysia Sekitar Tahun 1990-an (“Laporan RCI Skandal Forex”) telah dibentangkan di Parlimen pada 30 November 2017.
2. Susulan daripada pembentangan tersebut, Setiausaha RCI (“Pengadu”) telah membuat laporan polis iaitu THSL Rpt 35465/17 (“Laporan Polis”) pada hari yang sama berhubung dengan kemungkinan berlaku kesalahan pecah amanah. Setelah diteliti, terdapat kekurangan keterangan dokumentar (*documentary evidence*) bagi membuktikan dakwaan kerana kejadian asal melebihi dua puluh lima tahun lalu dan dokumen asal gagal diperolehi. Pada masa yang sama, Pengadu juga telah menarik balik Laporan Polis yang dibuat. Oleh itu, kes diputuskan sebagai NFA (*No Further Action*).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,

PARLIMEN KEEMPAT BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI [JELUTONG]**

TARIKH : 01.07.2019 (ISNIN)

SOALAN : 57

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) Apakah hasil siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia terhadap **Haji Mohamad bin Hassan mantan Menteri Besar Negeri Sembilan** mengenai kes penggubahan wang 10 juta melalui pengurup wang ke London, untuk pembelian sebuah pangsapuri mewah di London.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Untuk makluman Yang Berhormat Jelutong, siasatan SPRM terhadap kes ini telah selesai dan kertas siasatan telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara (JPN) pada tahun 2011. Pada tahun 2013,

JPN telah memutuskan tiada tindakan pendakwaan dalam kes ini dan siasatan telah dihentikan.

Walau bagaimanapun, pada April 2019 kertas siasatan telah dikemukakan untuk penelitian semula. Pada 2 Mei 2019 pihak JPN telah mengekalkan keputusan *No Further Action (NFA)* setelah meneliti hasil siasatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN
[ROMPIN]**

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 58

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan dalam keadaan sentimen ekonomi dunia yang lemah, KDNK menurun, pendapatan syarikat-syarikat menurun dan belum ada kestabilan politik sebenar dalam negara apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang Kerajaan lakukan untuk merencanakan pertumbuhan ekonomi dalam negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa peka mengenai keadaan ekonomi negara yang mudah terkesan dengan situasi ekonomi dunia yang tidak menentu. Ini memandangkan Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan ekonomi terbuka dengan jumlah dagangan melebihi 130% kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) pada tahun 2018. Kejayaan Malaysia dalam mempelbagaikan sumber pertumbuhan ekonomi serta tidak terlalu bergantung pada mana-mana komoditi, sektor atau pasaran eksport telah berjaya mengurangkan risiko yang dihadapi oleh negara.
2. Bagi memastikan Malaysia mampu menghadapi cabaran-cabaran ekonomi yang semakin mencabar, Kerajaan melalui Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kebelas (KSP RMKe-11), telah merangka dasar dan hala tuju bagi memacu pertumbuhan ekonomi Malaysia untuk tempoh sehingga tahun 2020. Terdapat 6 tonggak dasar dengan 19 bidang keutamaan dan 66 strategi yang

telah dikenal pasti dalam KSP RMKe-11 bagi meletakkan negara pada landasan yang betul. Dasar sosioekonomi yang diperkenalkan dalam KSP RMKe-11 ini akan mengukuhkan lagi asas ekonomi dan meningkatkan daya saing negara bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan lebih bermakna kepada rakyat.

3. Di samping itu, Kerajaan telah mengenalpasti beberapa strategi ekonomi makro di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas untuk menghadapi cabaran ekonomi luaran mahupun domestik. Antaranya termasuk usaha untuk:
- (i) memacu produktiviti pada peringkat nasional, sektor dan perusahaan bagi memastikan pertumbuhan yang mampan dan inklusif;
 - (ii) menggalakkan pelaburan berkualiti bagi menerajui pertumbuhan ekonomi;
 - (iii) mempergiatkan inisiatif untuk memanfaatkan sumber pertumbuhan baharu termasuk Revolusi Perindustrian Keempat; dan

- (iv) memperkukuh eksport dan menggalakkan peralihan sektor pembuatan ke arah pengeluaran produk yang bernilai tambah tinggi, pelbagai dan kompleks.
4. Baru-baru ini Kerajaan juga telah memperkenalkan Gagasan Kemakmuran Bersama yang mempunyai 7 teras utama iaitu penstrukturan dan penambahbaikan ekosistem perniagaan dan industri negara, sektor pertumbuhan baharu, reformasi bakat dan sumber tenaga negara, memperbaiki pasaran buruh dan pendapatan pekerja, memperkukuhkan kesejahteraan sosial, pembangunan wilayah yang inklusif, dan peningkatan modal sosial masyarakat. Gagasan ini bermatlamat untuk mengurangkan jurang ekonomi, pendapatan dan penyertaan dalam rantai bekalan bagi semua kaum di Malaysia supaya kekayaan negara benar-benar dapat dirasakan bersama. Kerajaan juga sedang dalam proses penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 yang juga akan dijayarkan dengan Gagasan Kemakmuran Bersama yang merupakan falsafah dan tulang belakang pelan pembangunan negara bagi jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Selain itu, langkah dasar struktur serta program dan projek pembangunan berimpak tinggi akan terus dilaksanakan dengan cara yang lebih telus dan mampan dari segi kewangan bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang lebih bermakna untuk rakyat. Amalan kewangan yang tidak telus dan terurus serta ketirisan pada semua peringkat perlu ditangani dengan sewajarnya. Inisiatif juga akan dirangka bagi menangani cabaran baharu dan memanfaatkan sumber pertumbuhan baharu termasuk Revolusi Perindustrian Keempat. Di samping itu, Kerajaan juga akan terus menggalakkan peralihan sektor pembuatan ke arah pengeluaran produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, pelbagai dan kompleks. Usaha bersepadu ini akan meningkatkan produktiviti dan daya saing serta memastikan Malaysia kekal di landasan pertumbuhan ekonomi ke arah mencapai sasaran sebagai sebuah negara maju dan inklusif.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
1 Julai 2019

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHANG LIH KANG
[TANJONG MALIM]**

TARIKH : 1 JULAI 2019

SOALAN : 59

YB Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status kejadian kampung Orang Asli Kuala Koh, Kelantan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Di kesempatan dewan yang mulia ini, pihak Kerajaan mengucapkan takziah di atas kematian 15 orang penduduk Orang Asli Kuala Koh dan bersimpati kepada musibah tragedi yang dihadapi oleh penduduk Kampung Orang Asli Kuala Koh, Pos Lebir, Gua Musang Kelantan kini.

Menurut pihak Kementerian Kesihatan Malaysia, status kejadian yang berlaku di Kampung Orang Asli Kuala Koh tersebut adalah dikuatkuasa sebagai kawasan larangan zon merah di mana dikawal oleh pihak anggota Pasukan Gerakan Am (PGA). Ini adalah sebagai langkah kawalan pencegahan daripada wabak penyakit *measles* (demam campak) itu berjangkit dan tersebar. Hanya individu atau kumpulan yang telah mendapat kebenaran daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sahaja yang dibenarkan sahaja untuk memasuki ke dalam kawasan tersebut dengan pemakaian khas.

NO. SOALAN : 59

Sehingga kini, pihak Kerajaan komited dan serius dalam melaksanakan bantuan pemulihan rawatan dan pemberian sokongan kebajikan kepada penduduk-penduduk Kampung Orang Asli Kuala Koh sama ada di lokasi penempatan sementara di Kuala Koh dan juga di wad-wad Hospital Kerajaan melalui Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), KKM, PDRM, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) serta beberapa jabatan / agensi Kerajaan yang lain dan pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 29 Jun 2019, jumlah keseluruhan pesakit yang masih berada di Hospital Gua Musang adalah seramai 27 orang. Manakala satu kes baru di laporkan di Hospital Kuala Krai dengan jumlah terkini pesakit yang masih berada di Hospital Kuala Krai adalah seramai 15 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 3 orang masih dirawat di ICU dan 12 orang di wad biasa.

Di Hospital Jeli, tiada kes di hospital tersebut kerana pesakit terakhir telah dibenarkan pulang.

Secara kesimpulannya,

- Jumlah keseluruhan kes sehingga 29 Jun 2019 adalah seramai 136 kes termasuk 3 kematian.
- Kes yang masih berada di dalam wad telah bertambah kepada 42 kes, di mana 39 di wad biasa dan 3 kes di wad ICU Hospital Kuala Krai.
- Jumlah kes di RIKA telah berkurang kepada 6 orang manakala di PLKN Etnobotani telah bertambah kepada 42 orang termasuk 6 kes pindah masuk pesakit baru dari RIKA.

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) telah bersetuju membina telaga (*tubewell*) dengan sistem penapisan air tanah ringkas di perkampungan Orang Asli Kuala Koh. Pembinaan dijangka akan dimulakan dalam masa terdekat dan dijangka selesai pada penghujung Julai 2019.
2. Pesakit dan Pengiring Pesakit Orang Asli di Kuala Koh masih dibekalkan makanan bermasak sebanyak 3 kali sehari bagi setiap orang yang berada di RIKA oleh pihak JAKOA sejak 2 Jun 2019 sehingga kini.
3. Setiap Pesakit dan Pengiring Pesakit Orang Asli Kuala Koh ini juga turut dibekalkan pakaian, tuala, selipar dan barang-barang asas keperluan diri.
4. Pihak JAKOA menyediakan perkhidmatan pengangkutan pesakit dan pengiring dari kampung ke hospital mulai 2 Jun 2019 sehingga kini bagi tujuan rawatan susulan dan pemulihan.
5. Kesemua penduduk kampung telah pulang ke rumah masing-masing selepas Ops Bateq ditamatkan.

Sekian terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,

PARLIMEN KEEMPAT BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE

SOALAN : 60

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Rang Undang-Undang (RUU) Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) yang sepatutnya dibentangkan pada sidang Parlimen Mac lalu dapat dibentangkan semula.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Dewan, IPCMC yang akan ditubuhkan akan memberi perhatian khusus kepada isu salah laku dan integriti anggota dan pegawai PDRM. Bagi menangani masalah rasuah dan salah guna kuasa, IPCMC akan bekerjasama dengan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Kerajaan berharap isu-isu salah laku dalam kalangan anggota PDRM dapat diberi perhatian serius sekaligus meningkatkan lagi tahap integriti anggota PDRM dalam menjadikannya sebuah badan bebas yang cekap dan efisien.

2. Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, Kerajaan dalam peringkat akhir menyediakan draf Rang Undang-undang (RUU) Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) dan draf RUU IPCMC dicadangkan untuk dibentangkan di Parlimen pada sesi ini Julai ini selepas Memorandum Jemaah Menteri diluluskan oleh Jemaah Menteri pada minggu ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM

TARIKH : 1 JULAI 2019

SOALAN :

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan julat harga pasaran (*market price range*) bagi balak pokok getah dan kayu pokok getah yang telah diproses mengikut saiz pada masa kini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Julat harga pasaran (*market price*) bagi kayu balak getah bagi tempoh Januari hingga Jun 2019 adalah daripada RM150 per tan sehingga RM180 per tan dengan purata harga RM165 per tan. Manakala julat harga kayu getah yang telah diproses atau kayu getah bergergaji (KGB) mengikut saiz per m³ bagi tempoh Januari hingga Jun 2019 adalah seperti berikut:

Saiz	Harga Minima	Harga Maksimum
1"x2"	RM1,045	RM1,109
2"x2"	RM1,174	RM1,174
3"x3"	RM1,315	RM1,335
4"x4"	RM1,529	RM1,580

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 62

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan status pembayaran royalti minyak kepada Kerajaan Negeri Kelantan seperti yang telah dijanjikan setelah Kerajaan Kelantan secara rasmi menarik balik saman yang telah difailkan ke atas PETRONAS dan Kerajaan Persekutuan pula sebagai pencelah sekaligus sebagai defendan kedua sebelum ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Negeri Kelantan telah mengemukakan saman terhadap Kerajaan Persekutuan berhubung tuntutan bayaran tunai atau royalti minyak di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 2010.
2. Merujuk kepada maklumat yang dilaporkan oleh media massa mengenai penarikan balik saman Kerajaan Negeri Kelantan, buat masa ini Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) masih menunggu keputusan secara bertulis daripada Jabatan Peguam Negara (AGC).

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
1 Julai 2019

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT
1 HINGGA 18 JULAI 2019

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan sejauh manakah kejayaan yang telah dikecapi melalui kempen Sayangi Sawitku, dan bagaimanakah kempen ini dilihat membantu dalam menstabilkan harga komoditi sawit serta membantu nasib pekebun sawit.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian telah melancarkan kempen Sayangi Sawitku yang telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri pada 24 Mac 2019 yang lalu. Kempen Sayangi Sawitku ini yang akan diadakan sepanjang tahun 2019 adalah bertujuan untuk memberi kesedaran kepada rakyat Malaysia mengenai kebaikan dan khasiat minyak sawit dan juga cabaran yang dihadapi oleh komoditi sawit. Disamping itu, kempen ini juga adalah untuk menggalakkan rakyat Malaysia mempertahankan komoditi sawit dan menjadi jurucakap sawit melalui pendekatan dengan izin '*From Malaysia, we speak to the world*'.

Pelbagai aktiviti dan program di peringkat domestik dan antarabangsa telah dijalankan seperti publisiti video dan poster Kempen Sayangi Sawitku di KLIA, publisiti melalui *in-flight magazine* oleh MAS, Air Asia dan Malindo,

program tanam semula pokok hutan dan konservasi Orang Utan dan Gajah Pygmy di Sabah, sesi taklimat dan pameran produk sawit di Parlimen, *Student Ambassador Programme*, pertandingan memasak menggunakan minyak sawit, sesi kunjungan dan penerangan kepada Menteri Kabinet dan Ketua Menteri yang berkaitan, pertandingan atas talian dan lain-lain. Bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti Kempen Sayangi Sawitku yang telah dirangka, Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM6 juta pada tahun ini.

Sebenarnya, masih terlalu awal untuk mengukur prestasi pelaksanaan kempen ini memandangkan ianya masih berjalan sehingga ke akhir tahun ini. Walau bagaimanapun, Kementerian sedang menjalankan pemerhatian dan bancian bagi mengukur keberkesanan kempen ini dalam membantu meningkatkan industri sawit negara. Didapati pada masa ini, lebih ramai rakyat Malaysia daripada pelbagai lapisan masyarakat telah tampil untuk menyuarakan sokongan terhadap industri sawit negara termasuk pemimpin utama negara, tokoh korporat, personaliti media, ketua masyarakat, pelajar dan lain-lain. Manakala industri lain seperti penerbangan, pelancongan dan hiburan juga turut bekerjasama menjayakan kempen ini melalui penajaan dan publisiti.

Selain itu, data eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit ke negara-negara luar telah menunjukkan peningkatan sebanyak 5.9% daripada 6.36 juta tan (Januari – Mac 2018) kepada 6.74 juta tan (Januari - Mac 2019). Dari segi harga pula, harga purata minyak sawit mentah bagi bulan Mac 2019 iaitu bulan pelancaran kempen adalah RM1,903.50 telah meningkat kepada RM1,946.50 pada bulan Mei 2019. Ini secara tidak langsung disebabkan peningkatan penerimaan dan kesedaran mengenai minyak sawit hasil daripada kempen yang dijalankan.

Sekian terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK DR. HASAN BIN BAHROM
[TAMPIN]**

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN :

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah dasar tahfiz negara telah dipraktikkan sejak dasar ini diperkenalkan, dan sejauh manakah kepatuhan institusi-institusi tahfiz dalam negara terhadap dasar tersebut.

**JAWAPAN : (YB DATO' SERI DR. MUJAHID BIN YUSUF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) merupakan usaha penyelarasan dan penyeragaman pengurusan pendidikan tahfiz di Malaysia. Dasar ini dijadikan panduan dalam pengurusan pendidikan tahfiz di seluruh Malaysia.

Sehingga kini, antara pencapaian DPTN yang digerakkan melalui lima (5) teras iaitu memperkasakan undang-undang, mewujudkan model tahfiz, kurikulum tahfiz, tadbir urus yang sistematik dan mewujudkan sistem pengiktirafan.

Melalui pemeraksanaan tadbir urus pusat tahfiz, JAKIM dengan kerjasama pihak berkuasa agama negeri sedang membangunkan Garis Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Institusi Tahfiz, bagi memastikan penubuhan sekolah-sekolah tahfiz di negeri-negeri mengikut peraturan

dan piawaian yang ditetapkan. Usaha-usaha menggalakkan pendaftaran sentiasa dilakukan antaranya Kerajaan telah mempertukkan insentif sebanyak RM10,000 bagi setiap pendaftaran baharu pada tahun 2019 yang melibatkan kos sebanyak RM500,000. Sejak DPTN diperkenalkan pada tahun 2017, peningkatan jumlah pendaftaran institusi tahfiz amat ketara. Hal ini membuktikan pusat-pusat tahfiz berusaha memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Berdasarkan data Sistem Maklumat Pendidikan Islam (SIMPENI), jumlah terkini sehingga Februari 2019, institusi tahfiz swasta yang berdaftar dengan pihak berkuasa agama negeri adalah sebanyak 936 buah berbanding hanya 571 buah pada tahun 2016 sebelum DPTN diperkenalkan. Jumlah ini merupakan peningkatan sebanyak 60% peratus dalam tempoh dua (2) tahun selepas DPTN.

Dari sudut model tahfiz, tiga model tahfiz menengah telah diperkenalkan iaitu:

- (a) Tahfiz Turath yang bermatlamat untuk melahirkan pelapis ulamak huffaz di negara ini;
- (b) Tahfiz Bersepadu menggunakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) KPM yang bertujuan melahirkan huffaz profesional dalam pelbagai bidang;
- (c) Tahfiz Kemahiran/TVET menggunakan modul dan kursus TVET yang ditawarkan oleh institusi kemahiran berhampiran institusi tahfiz; dan

Bagi merealisasikan model-model berkenaan, kerajaan telah membangunkan kurikulum yang berkaitan untuk digunapakai oleh institusi-institusi tahfiz. Antaranya adalah kurikulum tahfiz TVET yang akan dilaksanakan melalui tawaran kursus yang dianjurkan oleh GIATMARA dan Kolej Komuniti.

Dalam strategi bagi memperkasa tadbir urus pusat tahfiz, kerajaan juga telah menyalurkan bantuan sebanyak RM50juta bagi tujuan membaik pulih prasarana institusi-institusi tahfiz yang berdaftar sehingga tahun 2018. Peruntukan ini telah dimanfaatkan oleh 908 buah tahfiz.

NO. SOALAN : 64

Bagi mewujudkan sistem pengiktirafan dan pensijilan, penubuhan Majlis Tahfiz Negara (MTN) sedang dirangka untuk berperanan di bawah Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) dengan dianggotai oleh mereka yang berkepakaran dalam bidang tahfiz serta bidang-bidang lain yang berkaitan

Dari segi kepatuhan institusi-institusi tahfiz dalam negara terhadap dasar tersebut dapat dibuktikan dengan peningkatan jumlah institusi tahfiz yang berdaftar adalah seperti yang di para tiga (3). Institusi tahfiz berkenaan bersedia untuk memenuhi syarat-syarat penubuhan dan pendaftaran sepertimana yang ditetapkan oleh pihak berkuasa negeri. Usaha penyelarasan ini mendapat kerjasama dan disambut baik oleh pihak berkuasa agama negeri.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' HJ MOHD SALIM SHARIF [JEMPOL]

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN :

YB DATO' HJ MOHD SALIM SHARIF [JEMPOL] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini Pelan Pembangunan Orang Asli Nasional dan perkara yang menjadi intipati utama dalam usaha memperkasakan, membangunkan dan memajukan masyarakat berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan Pelan Pembangunan Orang Asli Nasional yang sedang digubal nanti memenuhi aspirasi masyarakat Orang Asli, pihak JAKOA telah menganjurkan Konvensyen Orang Asli Kebangsaan 2019 pada 22 April 2019 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) untuk mendapatkan maklumbalas dan input daripada masyarakat dan pihak-pihak berkepentingan Orang Asli. Sebanyak 137 resolusi yang dibahagikan kepada 7 isu utama Orang Asli iaitu tanah, pendidikan, kepimpinan, kesihatan, ekonomi, infrastruktur dan kebudayaan telah dicapai dengan tema "Memartabatkan Hak Orang Asli".

Resolusi daripada konvensyen ini akan dijadikan sebagai asas kepada penggubalan Pelan Pembangunan Orang Asli Nasional agar selari dengan keperluan masyarakat Orang Asli. Pelan yang dirangka ini juga adalah sejajar dengan Pendekatan Berasaskan Hak Asasi Manusia (PBHAM). Pendekatan ini bertujuan untuk memastikan setiap program pembangunan dan kebajikan yang dirancang akan

NO. SOALAN : 65

memberi faedah kepada masyarakat Orang Asli dengan tidak mengenyepikan kepentingan dan memelihara perkara-perkara asas berkaitan mereka melalui prinsip berasaskan Makluman Awal, Bebas dan Telus (IMABT).

Untuk makluman Yang Berhormat, antara intipati utama adalah pembangunan infrastruktur sebagai pemangkin kepada peningkatan taraf hidup dan sosioekonomi sesebuah masyarakat. Peningkatan taraf hidup masyarakat Orang Asli melalui penjana pendapatan yang tetap dan stabil turut diberi tumpuan dengan memperkasakan usahawan Orang Asli menerusi sektor eko atau agro pelancongan. Kerajaan juga turut menekankan peningkatan tahap pendidikan dengan menggiatkan kerjasama dengan pelbagai pihak, penambahan infrastruktur pendidikan dan kempen kesedaran.

Langkah seterusnya pada 17 Julai 2019, akan diadakan sesi konsultasi bersama NGO, SUHAKAM dan Majlis Peguam bagi mengeratkan kerjasama dalam melaksanakan program-program sedia ada dan perancangan program berdasarkan resolusi yang telah dicapai bagi penggubalan Pelan Pembangunan Orang Asli Nasional. Manakala pada 3 September 2019, JAKOA merancang untuk mengadakan sesi konsultasi kedua yang melibatkan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,

PARLIMEN KEEMPAT BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

DARIPADA : DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID

SOALAN : 66

Dato' Sri Azalina binti Othman Said [Pengerang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan masih bercadang untuk meneruskan penubuhan IPCMC dan apakah status konsultasi dengan semua pihak-pihak yang berkaitan serta sejauh mana perbezaan daripada segi fungsi dan bidang kuasa IPCMC kelak dengan SIAP yang sedia ada.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, Kerajaan masih bercadang untuk meneruskan penubuhan IPCMC yang kini dalam peringkat akhir menyediakan draf Rang Undang-undang (RUU) Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) dan draf RUU IPCMC dicadangkan untuk dibentangkan di Parlimen pada tahun ini.

NO. SOALAN: 66

2. Kerajaan juga sedang melaksanakan konsultasi dengan semua pihak yang berkepentingan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Dalam Negeri, serta turut mendapatkan pandangan pihak luar seperti Majlis Peguam Malaysia, badan-badan bukan kerajaan (NGO) serta persatuan-persatuan sekerja pegawai dan anggota PDRM.
3. Setakat ini, hasil daripada sesi perbincangan dan konsultasi yang telah diadakan ini dilihat positif dan banyak membantu Kerajaan dalam penyediaan draf RUU ini.
4. Untuk makluman semua Ahli yang Berhormat, fungsi dan bidang kuasa IPCMC akan berbeza dengan fungsi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC).
5. Pada setakat ini, pihak Jemaah Menteri telah meluluskan secara dasar penubuhan IPCMC dan Rang Undang-undang IPCMC akan dibentangkan pada sesi persidangan Parlimen kali ini apabila memoradum Jemaah Menteri berkaitan Rang Undang-undang ini diluluskan oleh Jemaah Menteri minggu ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 01 JULAI 2019 (ISNIN)

**DARIPADA : Puan Maria Chin binti Abdullah
[Petaling Jaya]**

SOALAN : 67

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah lantikan baru Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) akan dilakukan dan adakah lantikan ini akan dilakukan dengan konsultasi bersama Jawatankuasa Pilihan Khas.

**JAWAPAN: YB Datuk Liew Vui Keong
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah pun mengumumkan pelantikan Pengerusi dan Pesuruhjaya bagi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia mengikut peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597] pada 26 Jun 2019 yang lalu.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI M. SARAVANAN

KAWASAN : TAPAH

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 69

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mekanisme Kerajaan Pakatan Harapan dalam menguruskan perpaduan kaum yang dilihat semakin pincang serta menyebabkan banyak perpecahan kaum yang berlaku.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Sebagaimana kita sedia maklum, meskipun Kerajaan baharu telah pun dibentuk melebihi tempoh satu tahun selepas PRU14, masih terdapat desas-desus bahawa Malaysia di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan mendepani pelbagai isu dan insiden yang sukar dijangka rupa bentuknya terutama di dalam mengurus kerumitan masyarakat pelbagai kaum dan agama. Keadaan ini disebabkan oleh tindakan individu-individu yang tidak bertanggungjawab yang dengan sengaja cuba memainkan sentimen perkauman, keagamaan dan isu diskriminasi sehingga mengakibatkan perpecahan kaum dan menjejaskan keharmonian negara.

Kesatuan dan perpaduan rakyat adalah kepentingan bersama yang mesti dipelihara bersama dalam apa juga situasi yang muncul dan berkembang. Masa depan Malaysia sebagai sebuah negara bangsa

yang berjaya bergantung sepenuhnya pada keupayaan masyarakatnya berfikiran terbuka, bersikap saling menghormati dan bersatu padu secara harmoni mendepani cabaran baru kehidupan.

Pelbagai inisiatif untuk mengukuhkan perpaduan nasional melalui perancangan Kerajaan telah dilaksanakan secara berterusan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN). PERPADUAN telah, sedang dan akan meneruskan pelbagai usaha bagi memperkukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia menggunakan pendekatan mendamping dan mendidik (*engage and educate*) melalui pelbagai program dan mekanisme seperti berikut:

- (i) Menubuhkan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) bagi memperkukuh perpaduan dan integrasi nasional. Langkah penubuhan MPKR bertujuan mempromosikan Malaysia di peringkat global sebagai model negara moderat yang berjaya menjaga keharmonian antara kaum dan agama dan berfungsi sebagai platform untuk percambahan fikiran dan rekonsiliasi antara kaum dan agama.
- (ii) Melaksanakan perancangan inisiatif dan strategi di bawah Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) yang inklusif merentasi semua kementerian dan agensi kerajaan dengan menetapkan program-program yang spesifik dan konkrit untuk menyemarakkan perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan rakyat Malaysia.
- (iii) Memperkasakan kepimpinan 8,197 Jawatankuasa Rukun Tetangga di seluruh negara agar peka dan sensitif terhadap isu-isu atau gerakan-gerakan yang sengaja mengancam untuk memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian rakyat.
- (iv) Melaksanakan program dan aktiviti mempromosikan persefahaman dan keharmonian dalam kalangan penganut pelbagai agama seperti Sambutan World Interfaith Harmony Week, International Day for Tolerance, Dialog Harmoni dan lain-lain melalui Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA).

- (v) Mencari penyelesaian terhadap isu-isu perkauman dan agama yang boleh menyebabkan perpecahan kaum dan memupuk pendamaian di peringkat akar umbi melalui khidmat 1,130 orang Mediator Komuniti di seluruh negara.
- (vi) Meningkatkan penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara kepada pelajar-pelajar sekolah di 6,628 Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah rendah dan menengah dan 169 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat institusi pengajian tinggi di seluruh negara.
- (vii) Menggalakkan silang kerjaya dan kefahaman budaya di syarikat-syarikat milik bumiputera dan bukan bumiputera melalui penyertaan mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera melalui Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP).
- (viii) Menyemai nilai-nilai murni kepada lebih 35,000 orang kanak-kanak di bawah umur 6 tahun melalui 1,781 buah Tabika Perpaduan di seluruh negara agar mereka dididik mengenai kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat negara ini sejak kecil lagi agar mereka lebih memahami dan menghayatinya apabila dewasa kelak supaya perpaduan masyarakat dan keharmonian negara terus terpelihara.
- (ix) Menyebarluaskan mesej dan slogan perpaduan agar membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian melalui penglibatan syarikat-syarikat swasta, GLCs dan badan bukan kerajaan (NGO).
- (x) Menganjurkan program dan aktiviti perpaduan dan kebudayaan pelbagai kaum secara berterusan yang bertujuan membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dengan memberi penekanan untuk meningkatkan kesedaran, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni kepada kumpulan sasaran seperti kanak-kanak, pelajar, belia, wanita dan akhirnya merangkumi semua lapisan masyarakat.

PERPADUAN selaku agensi peneraju dalam memelihara keharmonian dan memperkukuhkan perpaduan masyarakat pelbagai kaum di negara ini terus komited melaksanakan pelbagai program yang melibatkan anggota komuniti dari pelbagai peringkat umur di negara ini. Pelaksanaan program-program sedemikian akan membuka ruang yang lebih luas kepada rakyat untuk berinteraksi kerana interaksi adalah asas kepada pembentukan perhubungan manusia yang akhirnya akan melahirkan bibit-bibit perpaduan dan rasa kekitaan. Justeru, adalah menjadi harapan kerajaan agar melalui usaha-usaha di atas, semangat perpaduan dapat dipupuk merentasi segenap lapisan masyarakat dengan menerapkan sikap saling menghormati, bertoleransi dan menerima serta menghargai kepelbagaian yang wujud di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. JEFFREY GAPARI KITINGAN
[KENINGAU]**

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 70

Minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan bilakah Kerajaan akan membatalkan pengklasifikasian dan membongkarkan laporan siasatan terhadap kemalangan nahas kapal terbang nomad Australia pada 6 Jun 1976 yang mengorbankan YAB Ketua Menteri Sabah, anaknya dan beberapa ahli kabinetnya serta yang lain supaya rakyat tahu-menahu mengenai kejadian sebenarnya.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Cadangan untuk membatalkan pengklasifikasian laporan siasatan berkenaan nahas udara di Kota Kinabalu pada 6 Jun 1976 atau dikenali sebagai 'Tragedi Double Six' akan diteliti oleh Kerajaan. Keputusan dan tindakan selanjutnya akan dimaklumkan selepas mendapat persetujuan Jemaah Menteri.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN
[BATU]**

TARIKH : 01 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 71

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah inisiatif Kementerian untuk menyediakan prasarana bagi memastikan rakyat mampu untuk mendapatkan lesen kenderaan dalam kadar yang rendah bagi lesen motorsikal dan kereta bagi golongan B40.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa kini, tiada sebarang prasarana yang disediakan bagi membantu golongan B40 dalam mendapatkan lesen kenderaan dengan kadar yang rendah bagi lesen motosikal dan kereta. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan meneliti dan mengkaji dengan lebih lanjut berhubung perkara ini agar dapat membantu lebih ramai rakyat untuk memiliki lesen memandu.

2. Ini memandangkan Kerajaan telah mengkaji semula struktur kadar yuran pembelajaran dan latihan pemanduan di Institut Memandu (IM) di mana suatu kadar siling yuran telah ditetapkan dan dilaksanakan mulai 1 Oktober 2014. Kawalan siling ini adalah berdasarkan penilaian yang dibuat secara terperinci dan munasabah serta mengambil kira keperluan untuk menghasilkan pemandu yang kompeten, mematuhi peraturan dan berhemah yang diperlukan melalui latihan teori dan amali pemanduan secara komprehensif.

Jadual Struktur Kadar Yuran Pembelajaran Dan Latihan Pemanduan Di IM

BIL.	PERKARA	KELAS / FI (Ringgit Malaysia)			
		B2*	B*	D*	DA*
Caj kepada IM					
1.	Pendaftaran (1 Tahun)	50.00	60.00	70.00	70.00
2.	Kursus & Latihan KPP (RM.... x 22 jam)	250	655.00	850	950
3.	Latihan Komputer (tutorial) & Ujian Buta Warna	10.00	10.00	10.00	10.00
5.	Yuran Perkhidmatan Ujian Bahagian II & III termasuk sewaan kenderaan dan litar ujian memandu	20.00	90.00	100.00	100.00
Caj kepada e-Khidmat (MyEG)					
4.	Ujian Berkomputer	15.00	15.00	17.00	17.00
Caj kepada Kerajaan					
6.	Tempahan Ujian	Tiada bayaran	10.00	10.00	10.00
7	Pengeluaran Lesen LDL & PDL	4.00	60.00	90.00	90.00
JUMLAH		350.00	900.00	1,150.00*	1,250.00*

Nota (*):

- B2* - Lesen motosikal 250cc dan ke bawah
- B* - Lesen motosikal 500cc dan ke atas
- D* - Motokar transmisi manual 3,500kg dan ke bawah
- DA* - Motokar transmisi automatik 3,500kg dan ke bawah
- LDL* - Lesen Belajar Memandu
- PDL* - Lesen Memandu Percubaan

3. Penetapan struktur kadar yuran siling ini akan memberi faedah-faedah seperti berikut:

- (i) dapat mengatasi masalah aduan orang ramai berkaitan kadar yang tidak menentu dan membolehkan calon membuat pilihan

yuran yang kompetitif di samping mengelak daripada menjadi mangsa penipuan oleh pihak ketiga atau IM;

- (ii) dapat membantu pengusaha IM mengurangkan persaingan yang kurang sihat dan seterusnya membantu meningkatkan mutu perkhidmatan IM;
- (iii) mencerminkan ketelusan perkhidmatan di peringkat IM di mana pelajar-pelajar akan dapat mengukur kompetensi mereka dengan jumlah latihan yang diikutinya dengan kos sebenar yang dibayar; dan
- (iv) mengawal masalah penyelewengan memandangkan IM boleh mencapai keuntungan melalui pelaksanaan sepenuhnya modul dan peraturan yang ditetapkan.

4. Kajian JPJ dan Miros ke atas kadar yuran belajar memandu pada tahun 2015 menunjukkan bahawa kadar siling yang ditetapkan wajar dikekalkan sebagai mekanisme kawalan harga. Hasil kajian mendapati kadar sedia ada jika dibandingkan dengan cadangan kadar siling yuran baharu oleh kerajaan, majoriti responden berpendapat bahawa kadar yuran siling baharu adalah berpatutan dan murah (77.9%). Hanya 22.1% responden yang berpendapat kadar yuran baharu kerajaan adalah mahal.

5. Selain itu, rata-rata responden menyatakan mereka tidak bersetuju dengan kadar yuran lesen semasa (sebelum kadar siling yang ditetapkan Kerajaan) yang dikenakan oleh IM (79.3%). Namun, jika dibandingkan dengan cadangan kadar yuran siling baharu oleh kerajaan, sebanyak 74.8% bersetuju dengan kadar yuran siling yang ditetapkan oleh kerajaan.

6. Berdasarkan kawalan harga siling yang ditetapkan, adalah diperhatikan kos pengambilan lesen bukanlah faktor utama golongan remaja terutama pelajar menunggang tanpa lesen tetapi lebih kepada sikap dan tahap kesedaran mereka mengenai bahaya menunggang tanpa lesen serta kepentingan keselamatan diri semasa di jalan raya yang perlu ditangani melalui program advokasi dan penguatkuasaan yang lebih berkesan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KE-14,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]**

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN : 72

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

Program-program atau projek-projek berimpak tinggi yang dirancang oleh MITRA untuk pembangunan sosioekonomi kaum India. Senaraikan secara terperinci jumlah peruntukan yang dikeluarkan kepada semua organisasi termasuk pihak swasta secara berasingan serta tujuan pengagihan peruntukan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Di bawah fasa pertama, sebanyak 38 program pembangunan sosio-ekonomi masyarakat India telah diluluskan dengan jumlah peruntukan keseluruhan sebanyak RM20,336,524.00. Berdasarkan pelan tindakan masyarakat India Malaysia dan permohonan geran, MITRA telah pun mengenal pasti program-program berimpak tinggi dalam usaha untuk meningkatkan taraf hidup dan keupayaan masyarakat India secara holistik yang merangkumi aspek pendidikan, ekonomi, sosial dan insaniah.

NO. SOALAN : 72

Program-program berimpak tinggi dibahagikan kepada dua aspek iaitu kualiti dan kuantiti. Di antara program-program yang di kenalpasti dibawah aspek kualiti adalah seperti program latihan dan penempatan pekerjaan bagi pelajar lepasan sekolah dan graduan yang dalam bidang minyak dan gas (*oil and gas*), automatif, sekuriti siber (*cybersecurity*), kejuruteraan telekomunikasi serta program berimpak tinggi insaniah iaitu pembangunan kapasiti dan kerohanian banduan India Malaysia seluruh negara. Di bawah aspek kuantiti adalah seperti program pendidikan pra-sekolah yang mengutamakan literasi 3M (membaca, menulis dan mengira) yang merangkumi seramai 6500 pelajar.

Program-program ini akan dijalankan dengan kerjasama badan-badan bukan kerajaan (NGO) / organisasi yang dipilih melalui proses penilaian berdasarkan kriteria dan prosedur (SOP) yang telah ditetapkan oleh MITRA dan Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, permohonan geran fasa pertama selesai dan telah dikemukakan ke Bahagian Pembangunan, Jabatan Perdana Menteri untuk proses penyaluran peruntukkan kepada pihak badan-badan bukan kerajaan (NGO) / organisasi yang berkaitan.

Daripada 38 program yang dikemukakan bagi kelulusan kepada Jabatan Perdana Menteri, berikut adalah pecahan peruntukkan mengikut seksyen :

- (i) Sebanyak 6 program berjumlah RM2,322,350.00 diluluskan di bawah seksyen Ekonomi dan Kerjaya;
- (ii) Sebanyak 17 program berjumlah RM14,197,290.00 diluluskan di bawah seksyen Pendidikan dan Latihan;
- (iii) Sebanyak 4 program berjumlah RM746,820.00 diluluskan di bawah seksyen Identiti dan Keterangkuman; dan

NO. SOALAN : 72

- (iv) Sebanyak 11 program berjumlah RM3,070,064.00 diluluskan di bawah seksyen Kebajikan dan Pembangunan Sosial.

Program yang diluluskan kesemuanya dijangka akan memberi impak positif dalam meningkatkan kapasiti para peserta dari segi kemahiran, pengetahuan dan kebolehan dalam meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat India, terutamanya golongan B40.

Secara keseluruhan, MITRA mempunyai peranan penting dalam pembangunan masyarakat India di negara ini. Saya ingin menjelaskan bahawa MITRA sedang berusaha dengan gigih untuk membantu semua lapisan masyarakat India dalam mencapai pembangunan secara inklusif.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 01 JULAI 2019

**DARIPADA : YB DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI
ABD. MUTTALIB [MARAN]**

SOALAN 73

YB DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status pelaksanaan ECRL dan berapakah kos terkini selepas disemak semula serta berapakah jumlah pekerja tempatan dan asing yang terlibat mengikut negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat,

Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) telah digantung perlaksanaannya bermula daripada tarikh 03 Julai 2018 sehingga 12 April 2019. Selama tempoh tersebut, pihak Kerajaan telah mengambil langkah segera untuk melaksanakan rundingan semula bagi menentukan hala tuju projek dengan pihak Kerajaan Republik Rakyat China dan pihak China Communications Construction Company Ltd. (CCCC) sebagai kontraktor utama Projek yang telah dilantik dan memeterai perjanjian kontrak kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pentauliahkan (EPCC) Projek ECRL. Hasil utama rundingan semula tersebut adalah pengurangan kos projek ECRL daripada RM65.5 bilion kepada RM44 bilion atau pengurangan sebanyak RM21.5 billion.

Pengurangan kos sebanyak RM21.5 bilion ini telah berjaya dicapai melalui siri semakan semula aspek kejuruteraan dan kajian kejuruteraan nilai (value engineering) yang menyeluruh merangkumi semua aspek pelaksanaan projek. Kajian teknikal ini dijalankan bersama diantara

pihak pemilik Projek yang dilantik Kerajaan, Malaysia Rail Link Sdn Bhd dan CCCC. Hasil utama kajian ialah perubahan jajaran ECRL di antara Kota Bharu, Kelantan ke Dungun, Terengganu dan jajaran di antara Mentakab, Pahang ke Pelabuhan Klang, Selangor.

Jajaran baru ini terutamanya berjaya mengurangkan kuantiti kerja-kerja rawatan tanah dan bilangan terowong dan laluan bertingkat yang perlu dibina sekaligus mengurangkan kos keseluruhan projek. Selain itu, jajaran baru dari Mentakab ke Pelabuhan Klang yang melalui daerah Jelevu di Negeri Sembilan telah mengelakkan Permatang Kuarza Gombak yang dirancang untuk dinobatkan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO daripada laluan ECRL.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat,

Pelaksanaan projek ECRL dilihat mampu memberi manfaat secara langsung kepada rakyat terutamanya komuniti yang tinggal berdekatan dengan jajaran projek termasuklah para usahawan industri kecil dan sederhana serta kontraktor-kontraktor tempatan. Dari aspek sosio-ekonomi, projek nasional ini berkeupayaan membuka banyak peluang pekerjaan secara langsung dan tidak langsung kepada penduduk setempat. Hasil pendapatan para usahawan perniagaan industri kecil dan sederhana dalam sektor pemakanan, peruncitan dan pembuatan di kawasan yang terlibat juga dijangka akan melonjak naik. Begitu juga dengan produktiviti dalam sektor pembinaan, perhotelan, perdagangan dan industri logistik yang bakal menjana hasil pendapatan yang positif dan memberangsangkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dianggarkan semasa tempoh puncak projek sahaja iaitu pada tahun 2021, pekerja yang bakal terlibat secara langsung dengan projek ECRL adalah berjumlah lebih kurang 20,000 orang di mana peluang pekerjaan akan diberi keutamaan kepada pekerja tempatan. Sekiranya kemahiran yang diperlukan tidak dapat dipenuhi atau kurang mendapat sambutan oleh warga tempatan, ianya akan dibuka kepada pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat,

Syarikat pembinaan Malaysia di seluruh negara telah diberikan peluang mendapatkan sebahagian daripada 40 peratus kerja-kerja sivil daripada projek ECRL berikutan tamatnya program pendaftaran Pra-Kelayakan untuk mengenalpasti subkontraktor berpotensi. Sejumlah 1,321 penyertaan daripada syarikat-syarikat berdaftar CIDB telah diterima oleh kontraktor utama projek ECRL, China Communications Construction Company Ltd (CCCC) semasa program Pra-Kelayakan pada 29hb dan 30hb Mei 2019.

Penyertaan syarikat pembinaan gred G7 CIDB mendahului gred-gred lain dengan penyertaan sebanyak 859 syarikat atau 65.0 peratus dari jumlah keseluruhan pendaftaran. Ini diikuti dengan kategori Gred G5 dengan 134 penyerahan dan kategori Gred G4 dengan 132 penyerahan. Baki terdiri daripada Gred G3 dan Gred G6 dengan 104 penyerahan dan 92 penyerahan masing-masing.

Penyertaan Bumiputera di dalam sesi ini juga amat menggalakkan. Program penyerahan dokumen Pra-Kelayakan ECRL yang berlangsung selama 2 hari itu telah merekodkan penyertaan sejumlah 994 syarikat kejuruteraan dan pembinaan Bumiputera yang mewakili 75.25 peratus dari jumlah keseluruhan pendaftaran.

Bilangan penyertaan yang menggalakkan dalam program Pra-Kelayakan ini juga secara tidak langsung menzahirkan sokongan berterusan terhadap projek ECRL yang telah ditambahbaik dengan jajaran relnya merentasi bukan sahaja negeri-negeri Pantai Timur Kelantan, Terengganu, dan Pahang malah Negeri Sembilan, Selangor, dan Wilayah Persekutuan Putrajaya juga. Lanjutan dari program Pra-Kelayakan ECRL ini, pihak MRL akan bekerjasama rapat dengan CCCC dalam proses penilaian dan penyenggaraan pendek syarikat yang berpotensi menjadi penender bagi pakej kerja sivil ECRL. Keputusan Pra-Kelayakan bagi syarikat-syarikat yang berjaya disenarai pendek pula akan dimaklum secara bertulis oleh CCCC.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,

PARLIMEN KEEMPAT BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

TARIKH : 01.07.2019 (ISNIN)

SOALAN : 74

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status siasatan terhadap bekas Peguam Negara, Mohamed Apandi, bekas Ketua Pesuruhjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Dzulkifli Ahmad, bekas-bekas Ketua Polis Negara dan bekas pegawai kerajaan kanan tinggi yang lain tentang peranan mereka dalam penutupan skandal kecurian wang 1MDB yang membabitkan bekas Perdana Menteri Najib Razak dan, berapa wang yang dicuri itu didapatkan semula oleh Kerajaan setakat ini.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

1. Untuk makluman Yang Berhormat Kepong, SPRM ada menerima maklumat berhubung mantan Peguam Negara dan mantan Ketua Pesuruhjaya SPRM yang dikatakan telah menyalahgunakan kuasa untuk menutup kes berkaitan SRC International dan 1MDB.

NO. SOALAN: 74

2. Walau bagaimanapun, siasatan berhubung isu ini dijalankan oleh pihak PDRM sebagai pihak yang berkecuali.
3. Siasatan yang dibuat oleh PDRM masih lagi berjalan dan beberapa orang saksi daripada SPRM telah pun dipanggil untuk membantu siasatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN
[SEMBRONG]

TARIKH : 1 JULAI 2019 [ISNIN]

SOALAN NO. 75

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk memastikan penyertaan Bumiputera dalam sektor perniagaan dan perusahaan meningkat selain daripada insentif yang diwujudkan di bawah agensi-agensi Kerajaan sedia ada.

JAWAPAN:-

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan komited memajukan sosioekonomi Bumiputera termasuk penyertaan usahawan bumiputera dalam sektor perniagaan dan perusahaan. Melalui pelaksanaan pelbagai program pembangunan keusahawanan yang komprehensif, penglibatan usahawan bumiputera mampu ditingkatkan di semua peringkat sama ada mikro, kecil atau sederhana melalui ekosistem keusahawanan yang lengkap.
2. Kerajaan melalui Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11) telah mencerakinkan Strategi Memperkukuh Komuniti Bumiputera. Melalui strategi ini, usaha akan diteruskan untuk membina Komuniti Ekonomi Bumiputera yang lebih berdaya tahan dan mampan termasuk mengubah minda usahawan Bumiputera yang cenderung kepada bantuan Kerajaan. Antara usaha tersebut adalah mendorong sikap berdikari, menguatkuasakan dasar pemisah, menggalakkan budaya prestasi tinggi dan meningkatkan produktiviti.
3. Di samping itu, usahawan digalakkan bekerjasama dengan peserta industri lain untuk meletakkan perniagaan pada kedudukan yang lebih baik dan mampan dalam dan luar negara. Perkongsian antara usahawan Bumiputera dan bukan Bumiputera juga adalah digalakkan untuk mewujudkan perniagaan yang tulen dan bukannya

aktiviti manipulasi mengaut keuntungan. Selain itu, perkongsian strategik antara SOE dan pusat penyelidikan dan pembangunan dengan PKS akan dipergiat untuk meningkatkan penciptaan produk dan perkhidmatan yang inovatif.

4. Selanjutnya, dalam menggalakkan lebih banyak Bumiputera menyertai industri strategik dan mempunyai nilai ditambah yang tinggi, usahawan yang berpotensi akan didorong untuk meneroka industri seperti minyak dan gas, automotif serta aeroangkasa dan pertahanan. Selain itu, dana wakaf akan dimanfaatkan untuk meningkatkan penyertaan usahawan Bumiputera dalam aktiviti perniagaan termasuk industri halal.
5. Garis panduan dan rangka kerja Program Pembangunan Vendor Bumiputera sedang dikaji semula oleh Kementerian Pembangunan Usahawan untuk mengukuhkan *outcome* program pembangunan usahawan Bumiputera yang kompetitif, mampan dan berprestasi tinggi dalam pasaran domestik dan global. Kajian ini termasuk memperkukuh kriteria pemilihan dan modul latihan serta melaksana dasar pemisah yang ketat pada pelbagai peringkat perniagaan.
6. Sementara itu, dasar *carve-out and compete* yang dilaksanakan oleh agensi TERAJU ke atas kontrak akan dipertingkat untuk memastikan penyertaan yang berkesan oleh syarikat Bumiputera dalam projek besar Kerajaan dan di sepanjang rantai bekalan yang berkaitan.

7. Selain itu, syarat yang ketat akan dilaksana dalam pemberian kontrak Kerajaan dan permit eksport dan import (AP) termasuklah mengkaji proses pemilihan dan memperkukuh mekanisme pemantauan serta undang-undang yang berkaitan. Langkah ini bertujuan untuk memastikan peluang yang diberi kepada Bumiputera akan diusahakan sewajarnya. Kerajaan juga mengambil tindakan yang tegas termasuklah membatalkan secara automatik pemberian kontrak dan AP sekiranya dijual atau dipindah milik kepada orang lain.

8. Sebagai langkah ke hadapan, Kerajaan akan terus memberi penekanan untuk memperkasakan agenda Bumiputera melalui Gagasan Kemakmuran Bersama yang menjadi falsafah dan tulang belakang kepada Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
1 Julai 2019

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI
[HULU SELANGOR]**

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 76

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan langkah Kerajaan Persekutuan bagi memperkasa industri halal negara dengan membuka lebih banyak pasaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saiz pasaran halal global pada masa kini dianggarkan bernilai USD 2.8 trillion dan dijangkakan bakal berkembang lebih pesat kepada USD 7.7 trillion menjelang tahun 2030. Bagi pasaran halal domestik, ia turut menjangkakan kadar pengembangan yang meningkat naik daripada USD 60.7 billion kepada USD 181.7 billion bagi tahun yang sama. Kadar pengembangan yang positif ini merupakan hasil daripada peningkatan kecenderungan dan keyakinan para pengguna yang tidak lagi tertumpu kepada produk makanan dan minuman sahaja, malahan, turut meliputi barangan halal yang lain seperti produk farmaseutikal, kosmetik dan penjagaan diri, bahan ramuan dan peranti perubatan.
2. Hal ini disokong oleh trend peningkatan bagi nilai eksport produk dan barangan halal Malaysia yang direkodkan positif dengan jumlah untuk tahun 2018 sebanyak RM 40.8 billion (USD 9.8 billion). Berbanding dengan nilai eksport bagi kategori sama yang dicatatkan oleh negara-negara lain seperti Thailand (USD7 billion) dan Brazil (USD5 billion), dilihat lebih kompetitif dan berdaya saing

dalam menyumbang kepada peningkatan kadar pertumbuhan ekonomi bagi negara-negara membangun seperti Malaysia.

3. Walaupun industri halal dilihat sebagai antara sektor eksport bernilai tinggi, namun, isu-isu berkaitan daya saing dan keterlihatan (*visibility*) perlu diberi penekanan, sekaligus memudahkan akses serta membuka lebih banyak ruang pasaran bagi produk dan perkhidmatan halal tempatan. Justeru, dalam menangani isu-isu yang berkenaan, pihak Kerajaan melalui agensinya Halal Industry Development Corporation (HDC) di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi telah melaksanakan usaha-usaha seperti berikut:

- i) Memperbanyakkan jalinan hubungan dan kerjasama strategic di peringkat antarabangsa;
- ii) Merancang aktiviti promosi dan penjenamaan “Halal Malaysia” secara strategic;
- iii) Memperkukuh usahasama strategik dengan Syarikat-Syarikat Halal Tempatan dan Multinasional (LLC/MNC).
- iv) Meningkatkan aktiviti promosi domestick.

4. Pasaran yang telah dikenalpasti berpotensi untuk pertumbuhan tinggi bagi permintaan produk halal dalam tempoh lima tahun akan datang adalah daripada negara China, Jepun, Republik Korea, ASEAN dan Amerika Syarikat. Selain itu, tumpuan juga akan diberikan untuk mempelbagaikan pasaran-pasaran di negara lain yang mempunyai potensi tinggi bagi barangan dan perkhidmatan halal seperti Afrika, Amerika Selatan, Rusia dan Asia Tengah.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

21 Jun 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN

KAWASAN : KOTA BHARU

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO : 77

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan dalam mendidik masyarakat berbilang kaum dan agama terutamanya di kalangan warga maya bagi mencegah perbuatan menghina agama selain daripada penubuhan Unit Pemantauan Isu Hina Agama oleh JAKIM.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Sejak mengecapi kemerdekaan dan sepanjang proses pembinaan negara, pucuk pimpinan negara amat peka terhadap cabaran-cabaran dalam memupuk persefahaman dan keharmonian di dalam sebuah negara majmuk yang kaya dengan kepelbagaian seperti Malaysia. Perpaduan nasional sememangnya menjadi agenda utama dalam memperkasakan keharmonian rakyat di Malaysia.

Kemajuan teknologi pada masa kini melalui media sosial telah memudahkan penyebaran maklumat dengan lebih meluas dan pantas merentasi sempadan. Kemudahan ini juga seringkali menjadi medium untuk segelintir individu dan kumpulan yang tidak bertanggungjawab untuk menyebarkan bahan berbau hasutan dan berita palsu yang seringkali boleh mencetuskan kebimbangan serta ketidakharmonian dalam kalangan masyarakat. Namun, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) tetap meneruskan usaha untuk memupuk perpaduan di segenap lapisan masyarakat mahupun dalam kalangan komuniti maya.

Kerajaan pada dasarnya telah mengambil langkah proaktif menubuhkan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA) pada 24 Februari 2010 melalui keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri. Penubuhan JKMPKA ini dianggotai seramai 32 orang iaitu wakil pemimpin agama Islam, wakil pemimpin agama bukan Islam yang menganggotai *Malaysian Consultative Council for Buddhism, Christianity, Sikhism, Hinduism and Taoism* (MCCBCSHT), wakil pemimpin agama Baha'i, pakar akademik, belia dan wakil pemimpin agama dari Sabah dan Sarawak.

Fungsi JKMPKA ini antara lainnya ialah membincangkan isu-isu konflik antara penganut agama di platform terbuka dalam ruang yang tertutup. Semua anggota JKMPKA lantikan YAB Perdana Menteri adalah mereka yang berupaya untuk berkongsi pandangan dan menerima pandangan secara optimis serta mempunyai ilmu pengetahuan yang luas berkaitan hal ehwal agama masing-masing.

Selain itu, JKMPKA juga bertanggungjawab untuk mendampingi masyarakat di peringkat akar umbi melalui sesi dialog, forum, ceramah dan sebagainya yang bersesuaian agar masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama, adat resam dan budaya ini boleh menerima dan meraikan perbezaan serta hidup dalam suasana harmoni serta aman damai.

Peranan JKMPKA juga adalah untuk mengendalikan sesi mediasi sebagai salah satu kaedah intervensi jika berlaku suasana ketegangan antara penganut agama atau kaum agar usaha meredakan konflik secara harmoni ini mampu merapatkan semula hubungan antara pihak-pihak yang bertelagah. Usaha murni ini memerlukan kemahiran interpersonal yang tinggi kerana peranan utama JKMPKA ini adalah untuk mempromosikan keharmonian antara kaum dan antara penganut agama di Malaysia.

Selain itu, keanggotaan JKMPKA yang terdiri daripada wakil-wakil kumpulan agama masing-masing juga merupakan kekuatan jawatankuasa ini kerana mereka mudah mengadakan rundingan dan menjalinkan hubungan rapat antara kumpulan penganut-penganut agama lain di Malaysia. Wakil-wakil kepimpinan agama dalam JKMPKA adalah berpengetahuan luas, disegani dan mampu memberi pandangan yang berimpak tinggi untuk memastikan para penganut agama memahami kepentingan semangat muhibah dalam kalangan rakyat Malaysia serta kepentingan memahami Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Secara umumnya, peranan JKMPKA untuk mempromosikan persefahaman dan keharmonian antara penganut agama serta tindakan penguatkuasaan undang-undang melalui Akta Hasutan 1948 dan Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 adalah mencukupi dalam usaha Kerajaan memantau serta mengambil tindakan proaktif terhadap individu dan pihak yang cuba untuk mencetuskan insiden berkaitan penghinaan agama termasuk di alam maya. Peranan pelbagai agensi dan jawatankuasa seperti ini membolehkan tindakan menyeluruh dibuat secara harmoni dan berintegritas selain dari pengwujudan Unit Pemantauan Isu Hina Agama oleh JAKIM

Terdapat peruntukan undang-undang sedia ada seperti Akta Hasutan 1948 dan Kanun Keseksaan di bawah bidang kuasa PDRM adalah antara instrumen perundangan khusus yang digunapakai oleh pihak Kerajaan bagi menangani kesalahan atau penyalahgunaan yang berupa provokasi dan penghinaan terhadap kaum, agama serta Institusi Beraja.

Pendakwaan juga pernah dibuat di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998) bagi kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian, berasaskan aduan yang diterima daripada masyarakat awam serta daripada pihak yang terkesan.

Kedua-dua Akta ini masih relevan dan digunakan jika berlaku perlakuan yang berunsurkan provokasi dan penghinaan terhadap kaum, agama serta Institusi Beraja oleh individu atau pihak yang tidak bertanggungjawab.

Kerajaan yakin dan percaya bahawa proses membina negara dan memupuk perpaduan nasional ke arah keharmonian negara sememangnya merupakan satu perjuangan berterusan yang memerlukan usaha-usaha dinamik bagi membuka minda dan sikap rakyat untuk meraikan dan menghargai kepelbagaian yang wujud. Usaha memupuk persefahaman dan perpaduan dalam kepelbagaian (*unity in diversity*) ini memerlukan penyertaan dan sumbangan dari semua pihak, terutamanya para pemimpin politik, pemimpin masyarakat, badan bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI
JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN
HAJI NASARAH [LENGGONG]**

TARIKH : 1 JULAI 2019
MENJAWAB

SOALAN : 78

YB DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [LENGGONG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah tindakan menggugurkan peguam yang mewakili pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia tidak dilakukan pada peringkat permulaan sekiranya benar berlaku percanggahan kepentingan di dalam kes ini.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Ahli Yang Berhormat,

1. Jabatan Peguam Negara telah bertindak mengikut undang-undang apabila tidak membenarkan peguam terdahulu untuk meneruskan

NO. SOALAN : 78

mewakili Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Keputusan Jabatan Peguam Negara juga mengambil kira kepentingan semua pihak yang terlibat dalam inkues dan juga kepentingan orang ramai.

2. Pada peringkat permulaan pelantikan peguam yang mewakili Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dikira sebagai dibuat secara *bona fide* untuk membantu prosiding mahkamah.
3. Walau bagaimanapun, dalam prosiding inkues tersebut, peguam tersebut telah antara lain-lain bertindak dengan cara yang tidak wajar dan tidak sesuai sebagai seorang peguam yang mewakili Kementerian dan Jabatan Kerajaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PORT DICKSON]**

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN : 79

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] minta PERDANA MENTERI menyatakan kesediaan Kerajaan untuk membenarkan Laporan Tahunan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dibentangkan dan dibahaskan di Parlimen sepertimana yang disarankan oleh Kaukus Reformasi dan Tadbir Urus.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

NO. SOALAN : 79

Sepertimana yang telah dipersetujui di dalam Janji 26, Buku Harapan bahawasanya Laporan Tahunan SUHAKAM akan dijadikan salah satu agenda perbahasan di Parlimen. Sehubungan dengan itu, satu Kertas Memorandum Jemaah Menteri akan diangkat bagi mendapatkan pertimbangan dan persetujuan bagi proses seterusnya dijalankan. Dalam masa yang sama, maklumbalas dari agensi berkaitan dengan isu-isu yang telah dibangkitkan di dalam Laporan Tahunan tersebut sedang disusun bagi tujuan yang sama.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT
NAWI [TUMPAT]**

TARIKH : 01 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 80

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah yang telah diambil oleh Kerajaan terhadap majikan yang berterusan secara jelas melanggar garis panduan yang dikeluarkan pihak Kementerian dengan tidak membenarkan pekerja Islam menunaikan solat pada waktu bekerja terutamanya solat Jumaat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia menyedari bahawa terdapat segelintir kecil daripada pekerja yang dinafikan hak untuk menunaikan solat dalam waktu kerja. Kekurangan maklumat yang tepat telah menimbulkan salah faham antara majikan dan pekerja seterusnya menjejaskan suasana harmoni di tempat pekerjaan.

2. Selaras dengan tuntutan agama Islam mewajibkan penganutnya menunaikan solat sebanyak lima kali sehari, manakala setiap hari Jumaat hanya pekerja lelaki diwajibkan solat Jumaat di masjid pada waktu zohor. Melalui kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengambil kira pandangan mufti-mufti menerusi Mesyuarat Panel Pakar Syariah pihak jabatan telah

SOALAN NO : 80

menyediakan Garis Panduan Solat Dalam Waktu Kerja sebagai panduan kepada majikan bagi memudahkan pelaksanaan penyelarasan komitmen kerja dengan kewajipan pekerja menunaikan solat dan juga keperluan majikan untuk menyediakan tempat solat yang sesuai.

3. Penyelarasan garis panduan tersebut juga telah mengambil kira terdapat Akta dan Enakmen-enakmen Jenayah Syariah Wilayah/Negeri yang menyatakan kesalahan tidak menunaikan solat Jumaat sebagai satu kesalahan yang boleh dikenakan hukuman denda dan penjara.

4. Garis panduan tersebut hanya terpakai kepada pekerja-pekerja beragama Islam sebagai langkah untuk mewujudkan keharmonian perusahaan serta persekitaran komuniti industri yang majoritinya beragama Islam bahawa terdapatnya keperluan untuk pekerja menunaikan solat dalam waktu-waktu tertentu. Dalam masa yang sama, ia juga boleh dijadikan sebagai rujukan supaya pekerja tidak menyalahgunakan kepercayaan dan pelepasan yang diberikan oleh majikan. Majikan juga di gesa untuk memberikan kelonggaran dan menyusun atur waktu bekerja bagi membolehkan pekerja beragama Islam untuk menunaikan solat Jumaat dan selesai solat boleh balik bekerja.

Tuan Yang di Pertua,

5. Undang-undang perburuhan tidak mengariskan secara spesifik hal-hal berkaitan keagamaan. Walaupun begitu, aduan boleh dikemukakan secara bertulis atau hadir ke Pejabat-Pejabat Tenaga Kerja berhampiran sekiranya terdapat larangan menunaikan solat di tempat kerja untuk siasatan dan tindakan lanjut oleh pihak jabatan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA
KINABALU]
TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 82

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan tindakan-tindakan yang diambil Kerajaan bagi memastikan **keselamatan pemandu kenderaan e-hailing** berikutan pembunuhan pemandu Grab, Mohd Hanafiee Jaafar, di Tuaran, Sabah pada 24 Mei lalu oleh dua orang penumpang.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Syarikat e-hailing atau E-Hailing Operator (EHO) yang membuat permohonan Lesen Perniagaan Pengantaraan (LPP) melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) perlu mematuhi spesifikasi minima aplikasi yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan SPAD Bilangan 2 Tahun 2018.

Terdapat dua (2) fungsi utama dalam spesifikasi aplikasi yang ditetapkan iaitu fungsian penumpang dan fungsian pemandu. Fungsian penumpang memerlukan penumpang mengemukakan maklumat diri dan salinan dokumen diri untuk dimuat naik dalam sistem aplikasi yang digunapakai sebelum perkhidmatan diberikan. Fungsian pemandu pula memerlukan pemandu memuatnaik maklumat diri dan maklumat kenderaan dalam sistem aplikasi sebelum diberikan kebenaran oleh syarikat e-hailing

seseorang itu menjadi pemandu kepada syarikat yang berkaitan. Rekod perjalanan trip yang dibuat juga akan disimpan sekurang-kurangnya 3 bulan dan maklumat yang direkodkan dalam sistem berkenaan boleh membantu pihak penguatkuasa membuat siasatan sekiranya berlaku sebarang kejadian jenayah.

Syarat spesifikasi aplikasi juga menetapkan fungsi butang kecemasan (SOS button) yang bersambung terus dengan nombor panggilan kecemasan 999 bagi memudahkan pengguna atau pemandu mendapatkan bantuan sekiranya berlaku kecemasan atau jenayah. Selain itu terdapat juga keperluan fungsi untuk membuat aduan, maklumbalas dan pertanyaan sekiranya terdapat keperluan oleh penumpang terhadap perkhidmatan yang disediakan.

Pihak Kerajaan juga akan mempertimbangkan sebarang penambahbaikan yang difikirkan sesuai untuk dilaksanakan agar elemen keselamatan menjadi keutamaan kepada pemandu dan penumpang. Mewujudkan suasana selamat adalah penting bagi mengekalkan keyakinan penumpang dan pemandu agar terus bersaing secara sihat menentukan penawaran dan permintaan kepada pengguna. Cadangan seperti *facial recognition*, penggunaan video camera dalam kenderaan dan lain-lain cadangan akan dikaji kesesuaian sebelum sesuatu peraturan ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI]

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN : 83

Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] minta PERDANA MENTERI menyatakan polisi dan rancangan baharu dalam menaiktaraf infrastruktur dan taraf kehidupan Orang Asli.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) berperanan dalam melaksanakan pembangunan secara inklusif melibatkan pembangunan sosioekonomi, pendidikan, kesihatan dan pembangunan modal insan bagi meningkatkan tahap kesejahteraan dan kualiti hidup masyarakat Orang Asli ke arah kemajuan seiring dengan pembangunan negara pada masa kini.

Strategi untuk memajukan masyarakat Orang Asli telah digariskan ke dalam Pelan Strategik JAKOA (2016 – 2020) yang memberi fokus kepada pembangunan sosioekonomi masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Ianya merupakan satu pelan yang telah dirangka dalam usaha **meningkatkan kualiti hidup** melalui penyediaan infrastruktur yang lengkap di perkampungan Orang Asli. Dalam masa yang sama, usaha juga turut dilaksanakan bagi **meningkatkan pendapatan** masyarakat Orang Asli melalui Program Pembangunan Ekonomi Orang Asli serta Program Pembangunan Usahawan Orang Asli di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11).

Antara projek yang dilaksanakan adalah seperti berikut :

Bil	Program	Projek
i.	Infrastruktur	Jalan Perhubungan
ii.	Utiliti	Bekalan Elektrik dan Bekalan Air
iii.	Ameniti Sosial	Balai Raya, Longkang, Tabika, Dewan dan lain-lain kemudahan untuk kegunaan komuniti
iv.	Ekonomi	Pembangunan Ladang Sawit & Getah, Bantuan Input Pertanian, Projek Hands Holding, Bantuan Tanaman Kontan, Penternakan dan Perikanan.
v.	Usahawan	Geran Usahawan, Bantuan Peralatan, Bantuan Premis Perniagaan, Kursus Pengembangan Usahawan & Eko-pelancongan, Karnival Usahawan Orang Asli.

Namun begitu, usaha dan kerjasama semua agensi secara berterusan akan dilaksanakan untuk memastikan taraf hidup dan kehidupan masyarakat Orang Asli dipertingkatkan seiring dengan pembangunan negara.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI
JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)
MENJAWAB

SOALAN : 84

YB Dato' Takiyuddin Bin Hassan [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan berpuas hati dengan keputusan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat dakwaan salah laku bekas Timbalan Pengerusi serta anggota Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

1. Kerajaan mengambil serius dakwaan salah laku bekas Timbalan Pengerusi serta anggota Suruhanjaya Pilihan Raya sebelum dan semasa Pilihan Raya Umum Ke-14.

NO. SOALAN : 84

2. Berdasarkan peruntukan Perkara 114(3) Perlembagaan Persekutuan yang dibaca bersama dengan Perkara 125(3) dan (4) Perlembagaan Persekutuan, mengenai pemecatan anggota Suruhanjaya Pilihan Raya, suatu Tribunal berhubung dengan Suruhanjaya Pilihan Raya ("Tribunal") telah ditubuhkan pada 5 Disember 2018. Tribunal tersebut telah bersidang sebanyak empat kali iaitu pada 28 Januari 2019, 28 Februari 2019, 1 April 2019 dan 24 Mei 2019.
3. Tribunal telah mempersembahkan laporannya kepada Yang di-Pertuan Agong yang mengandungi dapatan dan syornya. Umum mengetahui bahawa akan terdapat pertimbangan majoriti dan minoriti dalam laporan tersebut, yang diharapkan akan dapat didedahkan kepada umum apabila tiba waktunya.
4. Tribunal telah membuat keputusan majoriti 3-2 untuk tidak meneruskan penyiasatan penuh terhadap dakwaan salah laku Suruhanjaya Pilihan Raya sebelum dan semasa Pilihan Raya Umum Ke-14, atas alasan ia akan mengambil masa, tenaga dan perbelanjaan, sedangkan ia adalah demi kepentingan awam dan negara supaya penyiasatan tersebut dijalankan. Ia merupakan suatu peluang yang dilepaskan untuk meneliti dan memperjelaskan bidang undang-undang penting berhubung dengan salah laku pilihan raya oleh Suruhanjaya Pilihan Raya.
5. Keputusan akan dibuat selepas Yang di-Pertuan Agong mempertimbangkan dapatan dan syor yang dikemukakan oleh Tribunal tersebut.

SENARAI PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KE-14
DEWAN RAKYAT
1 JULAI HINGGA 18 JULAI 2019

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN

TARIKH : 1 JULAI 2019

SOALAN : 85

Tuan Ahmad bin Hassan [Papar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah seterusnya setelah pungutan suara untuk membuat pindaan Perkara 1 (2) Perlembagaan Persekutuan gagal demi menjadikan Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia sebagai rakan kongsi ke arah merealisasikan perlaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63)

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 berhubung pindaan kepada Fasal (2) Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan 2019 telah gagal untuk mendapat persetujuan 2/3 oleh ahli-ahli Parlimen di Dewan Rakyat

pada 9 April 2019 yang lalu. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan mempertimbangkan keadaan kesesuaian masa untuk meneruskan perkara ini.

Kerajaan akan meneruskan perkara ini pada masa terdekat dan masa yang sesuai terutamanya apabila mendapat komitmen secara sebulat suara daripada Ahli Parlimen Pembangkang terutamanya Ahli Pembangkang dari Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF
[JEMPOL]**

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 86

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan penjelasan berikutan kegagalan Kerajaan untuk melunaskan pembayaran elaun kos sara hidup FELDA yang masih tertunggak pada setiap bulan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan melaksanakan pelan pemulihan jangka pendek, sederhana dan panjang ke arah kelestarian FELDA seperti yang dibentangkan dalam Kertas Putih “Ke Arah Kelestarian Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)” di Dewan Rakyat pada 10 April 2019.
2. Bagi tahun 2019, Kerajaan telah meluluskan sejumlah RM480 juta untuk tujuan pembiayaan Pinjaman Sara Hidup dan Pendahuluan Hasil. Bayaran tunggakan Sara Hidup dan Pendahuluan Hasil bagi bulan Februari, Mac, April dan Mei 2019 telah dilaksanakan mulai 31 Mei 2019 melibatkan 23,616 peneroka berjumlah RM35,951,205.06.
3. Dalam usaha menjamin tiada lagi kelewatan dalam pembiayaan Pinjaman Sara Hidup dan Pendahuluan Hasil, Skim Pengurusan Aset Canggih (SPAC) akan diperkenalkan bagi memberi bantuan yang lebih fleksibel menggantikan Pinjaman Sara Hidup dan Pendahuluan Hasil.
4. Melalui skim baharu ini, peneroka akan menerima pinjaman yang bersesuaian berdasarkan pendapatan mereka. Cadangan skim baharu ini sedang diteliti secara mendalam termasuk libat urus dengan peneroka. Sementara proses ini sedang berjalan, FELDA akan meneruskan pembiayaan Pinjaman Sara Hidup dan Pendahuluan Hasil mengikut kadar sedia ada.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

1 Julai 2019

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN
[GERIK]
TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 87

Dato' Hasbullah Bin Osman [Gerik] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan apakah **perancangan jangka masa pendek dan jangka masa panjang** pihak Kerajaan dalam menyelesaikan masalah serta kemelut isu berkaitan dengan pemandu teksi dan pemandu Grab.

JAWAPAN

Perkhidmatan *e-hailing* merupakan suatu kaedah baharu tempahan kenderaan oleh pengguna menghubungkan dengan pemandu bagi mendapatkan perkhidmatan dari pintu ke pintu. Perkhidmatan seperti ini tidak termaktub dalam mana-mana akta sedia ada sehinggalah pindaan 2017 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 memasukkan perkara berkenaan.

Perkembangan perkhidmatan *e-hailing* dinegara ini telah berkembang pesat sehingga perkhidmatan ini telah menjadi suatu kemestian kepada rakyat untuk melakukan pergerakan harian dari satu tempat ke tempat yang lain secara terus terutamanya dibandar-bandar utama.

Pelaksanaan kawal selia *e-hailing* juga adalah bagi memastikan kesaksamaan "*level playing field*" di antara perkhidmatan persendirian *e-hailing* dengan perkhidmatan teksi. Selain itu, ia juga bagi memastikan

tahap keselamatan bagi pengguna dan pemandu, memastikan hak pengguna dan pemandu tidak diabaikan.

Agensi Pengangkutan Awam Darat (**APAD**) bertanggungjawab menyediakan garis panduan bagi syarat permohonan Lesen Perniagaan Pengantraan (LPP) kepada syarikat penyedia aplikasi atau **E-hailing Operator (EHO)** untuk beroperasi mengikut peraturan yang ditetapkan. EHO pula perlu memastikan pemandu dan kenderaan mematuhi syarat yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (**JPJ**) dan **PUSPAKOM** bagi pemandu memiliki *Public Service Vehicle (PSV)* dan mendaftarkan kenderaan di Jabatan berkenaan.

Kenderaan perlu menjalani ujian berkala awam PUSPAKOM dan mengisytiharkan kenderaan di JPJ bagi mengesahkan kenderaan tersebut beroperasi sebagai *e-hailing*. Selain itu pemandu e-hailing perlu mendapatkan insurans lanjutan *e-hailing* sebagai perlindungan menyeluruh kepada pemandu, penumpang, kenderaan dan pihak ketiga.

Pihak kerajaan telah memberikan tempoh moratorium selama setahun bagi memberikan peluang kepada EHO mendapatkan lesen dan mendaftarkan kenderaan manakala pemandu perlu memiliki lesen PSV sebelum 12 Julai 2019. Bermula 12 Julai 2019 pihak Penguatkuasa JPJ akan menguatkuasakan sepenuhnya terhadap kenderaan dan pemandu yang menyediakan perkhidmatan *e-hailing* ini.

Sebarang maklumbalas dan cadangan dalam tempoh pelaksanaan akan sentiasa diambil kira bagi perancangan masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 88

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID [HULU
TERENGGANU]**

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO: 88

Dato' Rosol bin Wahid minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi mengusahakan tanah-tanah milik kerajaan yang terbiar sekian lama selain daripada cadangan mengusahakannya dengan projek-projek pertanian

SOALAN NO: 88

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pengurusan tanah yang mapan, cekap dan berkualiti adalah amat penting dalam memacu pembangunan negara. Pada asasnya, perolehan tanah kerajaan Persekutuan adalah untuk menjayakan projek-projek pembangunan Persekutuan seperti pembinaan sekolah, balai polis dan hospital. Walau bagaimanapun, tidak semua tanah-tanah ini dapat dimajukan berdasarkan perancangan asal disebabkan oleh pelbagai faktor terutamanya apabila Kementerian / Jabatan Pengguna (KJP) menyusun kembali keutamaan projek pembangunan masing-masing. Walaupun tanah-tanah ini belum dibangunkan, adalah menjadi tanggungjawab KJP untuk menjaga tanah tersebut dengan sebaiknya.

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Bilangan 2 Tahun 2007 iaitu Had Tempoh Masa Memiliki dan Memegang Tanah Kerajaan Persekutuan Yang Belum Atau Tidak Dimajukan Oleh Kementerian Atau Agensi Pengguna menggariskan bahawa sekiranya dalam tempoh lima (5) tahun, Kementerian masih tidak membangunkan tanah di bawah penggunaan Kementerian tersebut tanpa justifikasi yang kukuh, Pesuruhjaya Tanah

Persekutuan selaku pengawal (*custodian*) bagi semua tanah Persekutuan boleh menawarkan tanah-tanah tersebut kepada KJP yang lain melalui kaedah pepadanan berdasarkan keutamaan dan keperluan semasa. Ini penting untuk memastikan penggunaan tanah Persekutuan dapat dimaksimakan dan tiada penambahan perbelanjaan kepada kerajaan Persekutuan bagi perolehan tanah yang baru.

Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli juga telah mengambil inisiatif bagi memastikan tanah kerajaan Persekutuan dapat digunakan secara optimum. Antara usaha yang telah diambil adalah dengan melaksanakan penyewaan dan pajakan tanah bagi pelbagai tujuan seperti perniagaan, pertanian dan pendidikan. Penyewaan dan pajakan merupakan salah satu mekanisma pengawalan tanah Kerajaan Persekutuan yang belum dibangunkan bagi memastikan tanah-tanah tersebut dapat dijaga, tidak diceroboh serta disalahgunakan oleh pihak lain sehingga merugikan kerajaan. Dalam masa yang sama, kerajaan Persekutuan dapat menjana hasil dari kutipan sewaan dan pajakan tersebut.

Selain daripada itu, tanah kerajaan Persekutuan yang belum dibangunkan oleh KJP ini digunakan untuk menjayakan projek-projek kerajaan Persekutuan yang lain seperti projek perumahan awam untuk rakyat. Melalui kaedah ini, kerajaan Persekutuan dapat memenuhi aspirasi untuk menyediakan kemudahan

kepada rakyat tanpa perlu mengeluarkan perbelanjaan tambahan untuk perolehan tanah yang baru.

Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli akan terus memastikan pengurusan tanah kerajaan Persekutuan dilaksanakan dengan efisien dan inklusif dengan kerjasama semua kementerian dan agensi Persekutuan agar tanah kerajaan Persekutuan dapat digunakan sebaiknya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

**PERTANYAAN : PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN**

DARIPADA : DATUK ROBERT LAWSON CHUAT [BETONG]

TARIKH : 1 JULAI 2019

SOALAN :

Datuk Robert Lawson Chuat [Betong] minta MENTERI INDUSTRI UTAMA menyatakan apakah bantuan kepada pekebun kecil getah yang dilaksanakan oleh Kementerian pada tahun ini dan berapakah peruntukan yang telah diluluskan bagi Sarawak

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan amat prihatin dan akan terus komited untuk membantu dan memelihara kebajikan golongan pekebun kecil getah. Sehubungan itu, langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan di seluruh negara adalah seperti berikut:

- (i) melalui Belanjawan 2019, Kerajaan terus komited meneruskan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) dengan Paras Harga Pengaktifan (PHP) RM2.20 sekilogram bagi harga getah sekerap (*cuplump*) di peringkat ladang (50% kandungan getah kering). Kerajaan telah mengumumkan penambahbaikan pelaksanaan IPG pada 21 November 2018 dengan kenaikan PHP daripada RM2.20 kepada RM2.50 sekilogram getah sekerap;

- (ii) menyediakan peruntukan sebanyak RM6.4 juta sejak Jun 2014 kepada koperasi sebagai modal pusingan untuk terlibat di dalam aktiviti urusniaga getah. Langkah ini dapat meningkatkan harga pembelian getah di peringkat ladang dengan mengurangkan lapisan pembeli. Pengurangan orang tengah membantu pekebun-pekebun kecil getah mendapat harga yang munasabah dan *remunerative*; dan
- (iii) memperuntukkan sebanyak RM12 juta pada tahun 2018 bagi melaksanakan program dan memperkukuhkan infrastruktur kutipan lateks kepada pekebun kecil untuk menggalakkan pengeluaran lateks tempatan. Justeru itu, penglibatan pekebun kecil dalam pengeluaran lateks dijangka dapat menjana lebih pendapatan bagi pekebun kecil serta dapat menampung permintaan lateks dalam negara dan mengurangkan pengimportan lateks bagi industri sarung tangan.

Selain itu, Kementerian juga telah menyelaras pembangunan dan pelaksanaan Program Berimpak Tinggi (HIP) Tanam Baru dan Tanam Semula Getah di Sabah dan Sarawak. Sebagai contoh di Sarawak, aktiviti tanam baru getah dilaksanakan melibatkan 5,901 hektar tanah sepanjang tempoh 2018 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM9 juta telah dibelanjakan. Untuk makluman, bagi pelaksanaan sepanjang tahun 2019, sebanyak RM54.9 juta telah diperuntukkan kepada negeri Sarawak.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SRI. MUSTAPA BIN MUHAMED

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 90

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan status terkini pelaksanaan lima projek utama di Kelantan yang diumumkan sewaktu lawatan kerja ke negeri tersebut pada 8 Mac 2019. Apakah ada sebarang perancangan untuk menyegerakan pelaksanaan projek-projek ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, status terkini kelima-lima projek utama di Kelantan yang diumumkan sewaktu lawatan kerja ke negeri tersebut pada 8 Mac 2019 adalah seperti berikut:

- i) Projek Lebuhraya Central Spine Road dan Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai yang akan menghubungkan Bentong, Pahang ke Kota Bharu, Kelantan dengan panjang jalan dianggarkan sepanjang 347km. Pelaksanaan projek ini adalah secara berfasa yang mana sebanyak 271km telah diluluskan pelaksanaan dan 76km di peringkat perancangan. Mengikut perancangan, keseluruhan jajaran ini dijangka siap pada tahun 2025;
- ii) Projek Lebuhraya Pantai Timur 3 (LPT3), Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) telah mempertimbangkan untuk kerja-kerja awalan dibuat yang merangkumi penyiasatan tanah (soil investigation), Sosial Impact Assesment (SIA), utility mapping dan survei LIDAR bagi penentuan jajaran. Pada

masa yang sama, MEA dimaklumkan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) bahawa pihaknya akan menjalankan kajian trafik mengenai penggunaan lebuhraya ini yang mana hasilnya akan dibentangkan kepada MEA. Setelah kerja-kerja awalan siap dilaksanakan, proses seterusnya ialah melaksanakan Makmal Pengurusan Nilai bagi tujuan penentuan skop dan kos sebenar projek, sebelum proses tender dapat dilaksanakan oleh KKR.

- iii) Projek Laluan antara Pasir Puteh-Machang-Jeli dan Projek Jambatan Palekbang, Kota Bharu, beberapa sesi libat urus telah dibuat diantara MEA dan Kementerian Kerja Raya bagi penentuan kos, skop, *outcome* dan jajaran yang terbaik bagi memberi pulangan *value for money* kepada Kerajaan.
- iv) Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra akan dinaik taraf bagi menampung pengendalian sehingga 4 juta penumpang setahun. MEA dimaklumkan oleh Kementerian Pengangkutan bahawa mereka dalam proses melaksanakan Makmal Value Engineering (VE) sebelum proses perolehan dapat dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

1 Julai 2019

SOALAN NO. : 91

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. : 91

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan secara terperinci perkembangan pewartaan Hutan Simpan Ulu Muda. Apakah tindakan susulan yang telah diambil lanjutan daripada pengumuman persetujuan Kerajaan Negeri Kedah berhubung perkara berkaitan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, keseluruhan keluasan Hutan Simpan Ulu Muda seluas 106,418 hektar telah diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK) di bawah Seksyen 7 Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*] oleh Pihak Berkuasa Negeri pada 2018 melalui Warta Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman No. 341 bertarikh 10 Mei 2018. Daripada jumlah tersebut, seluas 17,025 hektar telah diwartakan sebagai Hutan Tadahan Air dibawah Seksyen 10(1) dalam akta yang sama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG
WEI SHIEN [JULAU]**

TARIKH : 1 JULAI 2019

SOALAN : 92

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah bentuk kursus dan latihan yang disediakan oleh Kerajaan kepada para penjawat awam dalam kerangka mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan perkhidmatan awam bagi menghadapi Revolusi Industri 4.0.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam menghadapi Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), Kerajaan telah meningkatkan dan menambahbaik kursus dan latihan kepada penjawat awam agar tersedia dari segi kemahiran dan pengetahuan mengikut trend teknologi terkini.

Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) selaku institut bagi pengajaran dan pembelajaran bagi sektor awam telah melaksanakan kursus-kursus berasaskan IR4.0 sejak tahun 2015 seperti berikut:-

1. Data Science Fundamentals
2. Data Science for Big Data Analytics

3. Machine Learning for Data Science
4. Cloud Computing Fundamentals
5. Internet of Things (IoT)
6. Blockchain Fundamentals
7. Agile Development
8. Augmented Reality (AR) Technology
9. Cyber Security Fundamentals
10. ICT Security for Managers
11. Information Security Management System

Di samping itu juga, kursus-kursus secara dalam talian dapat juga diikuti oleh semua penjawat awam di mana tajuk-tajuk berikut yang berkaitan dengan IR4.0 disediakan:

1. Introduction to Big Data, Data Analytics & Data Science
2. Big Data Corporate Leadership Perspectives
3. Big Data Interpretation
4. Big Data Opportunities and Challenges
5. The Big Data Technology Wave
6. Information Security Management System

Tajuk-tajuk di atas dapat diikuti melalui platform e-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA) yang merupakan kaedah pembelajaran dalam talian (*online learning*) dan telah mula diperkenalkan pada tahun 2007. EPSA disediakan untuk semua penjawat awam secara percuma dan boleh diikuti di mana sahaja melalui capaian Internet.

Pada masa kini, penjawat awam boleh mengikuti kursus-kursus berkaitan secara *face-to-face* atau secara *blended learning* di INTAN.

Di samping itu, seminar dan siri Technology Update seperti Digital Hot Trends Series, “Sembang Eksekutif”, Digital Leadership Exchange, INTAN Digital Exploration (IDeX) dan INTAN Executive Lecture Series (Technology) juga telah diadakan.

SOALAN NO : 92

Program berbentuk persidangan, seminar dan forum ini telah dilaksanakan sama ada secara kolaborasi dengan agensi Kerajaan atau secara penganjuran bersama dengan rakan strategik dari pihak industri swasta (tempatan dan antarabangsa), agensi badan berkanun dan institusi akademik. Perkongsian ilmu pengetahuan, idea dan pengalaman di antara pakar teknikal dan bisnes ini diadakan dari semasa ke semasa bagi mempertingkatkan kefahaman dan ketersediaan penjawat awam dalam menghadapi IR4.0.

Digital Government Competency and Capability Readiness (DGCCR) Sektor Awam telah dirangka sebagai satu inisiatif kerajaan untuk membangun kompetensi dan keupayaan digital penjawat awam pada setiap peringkat dan peranan dalam memberi penyampaian perkhidmatan digital yang terbaik kepada Rakyat serta mempersiapkan pegawai awam menghadapi Revolusi Industri 4.0.

DGCCR Online Learning merupakan satu pembelajaran atas talian telah mula dilaksanakan untuk 2000 pegawai awam di pelbagai agensi. Ia mengandungi lebih 3000 modul pembelajaran, pelbagai *ebooks* dan *audiobooks*.

Selain itu, program DGCCR Digital Accelerators dan DGCCR Certified Trainers akan dilaksanakan bermula Ogos 2019. Program Pengurusan Perubahan juga telah mula dilaksanakan mengikut zon dan disasarkan kepada 9000 pegawai awam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED
FADZIL [LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 93

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil bagi memastikan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) lebih berdaya saing dan tidak ketinggalan apabila projek-projek seperti ECRL dan HSR dilaksana pada satu masa nanti.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, mod pengangkutan berasaskan rel merupakan mod pengangkutan yang sedang berkembang pesat di seluruh dunia. Mod pengangkutan berasaskan rel ini terbukti lebih selamat, ekonomik dan mesra alam sekitar. Justeru, Kerajaan merancang untuk meningkatkan dan mempelbagaikan lagi jaringan perkhidmatan rel sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam di Malaysia.

Dalam hal ini, Kerajaan beranggapan pelaksanaan projek East Coast Rail Link (ECRL) dan High Speed Rail (HSR) bukanlah sebagai pesaing kepada Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Ini adalah kerana laluan kedua-dua projek tersebut adalah berbeza dengan laluan KTMB sedia ada dan selain segmen pasaran serta kadar tambang antara mod pengangkutan rel tersebut turut berbeza. Tambahan itu, Kerajaan berpandangan laluan ECRL dan HSR ini kelak saling melengkapi antara

satu sama lain menjadikan satu jaringan rel yang komprehensif dan bersaling hubung. Pembangunan Stesen Pertukaran (*Interchange Station*) yang akan saling menghubungkan perkhidmatan rel tersebut memudahkan pergerakan penumpang bagi menuju ke destinasi masing-masing. Antara cadangan *Interchange Station* di laluan ECRL dan KTMB adalah seperti berikut:

- i. Bangi/Kajang – Pertukaran Stesen ECRL dengan Perkhidmatan ETS dan KTM Komuter.
- ii. Mentakab - Pertukaran Stesen ECRL dengan perkhidmatan KTM Antarabandar dan KTM Kargo.

Di samping itu, bagi meningkatkan mutu perkhidmatan KTMB agar ianya menjadi pengangkutan alternatif kepada rakyat, Kerajaan telah meluluskan beberapa pelaksanaan projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 seperti berikut:

a. Pembinaan Landasan Berkembar dan Membaikpulih/Menaiktaraf Infrastruktur Landasan Sedia Ada:

- i) Meneruskan pelaksanaan Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas – Johor Bahru bagi melengkapkan sektor Pantai Barat Semenanjung dengan infrastruktur perkeretapian moden yang mampu menyediakan perkhidmatan tren penumpang dan kargo yang selamat, pantas dan efisien. Projek yang menelan belanja RM 10.5 billion ini dijangka siap pada Oktober 2021.
- ii) Membaikpulih dan menaiktaraf infrastruktur landasan di Pantai Timur (Gemas – Tumpat), Rawang – Salak Selatan, Salak Selatan – Seremban, Simpang Pelabuhan Klang – Pelabuhan Klang, Kempas Baru - Pasir Gudang dan Landasan Cawangan Pelabuhan Klang Utara dengan kos keseluruhan sebanyak RM9.58 billion. Dengan penyiapan projek ini kelak, tahap keselamatan landasan dan hadlaju tren dapat ditingkatkan.

b. Pembelian ETS Baru dan Baik pulih Stokereta Sedia Ada:

- i) Pembelian 9 tambahan ETS baru yang dijangka tiba pada Mac 2020 dan 10 set ETS tambahan sedang dalam peringkat persediaan bagi pelaksanaan perolehan. Pembelian 19 set 6-koc *Electric Train Set* (ETS) baru ini dijangka dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan ETS dari segi pengurangan waktu perjalanan dan meningkatkan kekerapan perkhidmatan yang secara langsung mampu menarik lebih ramai rakyat untuk menggunakan perkhidmatan rel di laluan Johor Bahru ke Padang Besar.
- ii) Perolehan 13 Diesel Multiple Unit (DMU) 4-koc dengan kos berjumlah RM380 juta dan akan digunakan untuk operasi komersil yang dijangka bermula pada penghujung tahun 2019 bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan keselesaan tren penumpang di Pantai Timur.
- iii) Pelaksanaan kerja-kerja *overhaul* 40 unit lokomotif, semi-overhaul 38 set tren Komuter dan 10 set tren ETS serta baik pulih koc-koc penumpang sedia ada dengan kos keseluruhan sebanyak RM930 juta. Dengan pelaksanaan projek ini, kegagalan tren semasa operasi dapat diminimalkan dan ketersediaan (*availability*) tren untuk operasi juga turut ditingkatkan.
- iv) Pembelian Jentera Penyenggaraan Landasan dan Jentera Penyenggaraan Sistem Talian Atas dengan kos berjumlah RM514 juta akan dapat meningkatkan kualiti penyenggaraan landasan di rangkaian KTMB.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 94

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan menjelaskan tanggungjawab dan skop tugas Majlis Tindakan Ekonomi (*Economic Action Council – EAC*) yang baru ditubuh. Adakah laporan kajian penuh yang dihasilkan daripada Majlis tersebut akan diterbitkan kepada rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah memutuskan untuk menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi (dengan izin *Economic Action Council* atau (EAC)) pada 11 Februari 2019 berdasarkan situasi semasa dan sebagai respons untuk menangani masalah yang melibatkan kepentingan sosioekonomi rakyat. EAC akan meneliti dan membuat keputusan berkaitan hal ehwal ekonomi, kewangan serta kebajikan rakyat.
2. EAC juga berperanan untuk mendapatkan input, pandangan dan cadangan daripada semua kelompok pemegang taruh termasuk pakar-pakar daripada pelbagai bidang di luar Kerajaan. Kombinasi input serta pandangan swasta dan kerajaan akan membolehkan satu penyelesaian yang holistik, seterusnya akan memberi manfaat yang optimum kepada rakyat.
3. Matlamat utama EAC ini adalah untuk merencanakan dan merangsang pertumbuhan ekonomi yang mampan, pengagihan

kekayaan yang saksama dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan rakyat. EAC juga akan memberi tumpuan kepada isu-isu kritikal seperti mengurangkan kos sara hidup, mewujudkan peluang pekerjaan, membasmi kemiskinan dan meningkatkan pemilikan rumah. EAC adalah suatu badan yang bersifat *action-oriented* dalam menyelesaikan isu-isu tersebut.

4. Pada masa ini, inisiatif dan langkah untuk merancak pertumbuhan ekonomi, memastikan pengagihan kekayaan yang lebih saksama dan meningkatkan kesejahteraan rakyat yang diputuskan dalam Mesyuarat EAC diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, selaku pengerusi EAC. Pengumuman ini dibuat melalui sidang media yang diadakan selepas mesyuarat EAC ataupun melalui kenyataan media.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

1 Julai 2019

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PORT DICKSON]**

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana pelaksanaan reformasi Mahkamah Syariah yang telah dilaksanakan terutama dalam memperkasakan undang-undang Syariah yang lebih adil dan saksama.

**JAWAPAN: (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa komited untuk mereformasikan Mahkamah Syariah melalui empat (4) aspek utama iaitu memperkasakan undang-undang Syariah, pentadbiran kehakiman Syariah, pembangunan prasarana Mahkamah Syariah dan peningkatan kompetensi Hakim Syarie. Antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan adalah seperti yang berikut :

1. Memperkasakan Undang-Undang Syariah

- 1.1. Menggubal model draf undang-undang bagi tujuan penyelarasan dan penyeragaman antara negeri-negeri

seluruh Malaysia. Bagi tujuan ini, kerajaan sedang dalam proses menyeragamkan undang-undang kesalahan jenayah Syariah negeri-negeri seluruh Malaysia dari segi jenis kesalahan, jenis hukuman dan kadar hukuman.

- 1.2. Kerajaan juga melalui Jawatankuasa Kajian Penambahbaikan Undang-Undang telah menjalankan kajian untuk menambah baik undang-undang Syariah seperti yang berikut :
 - 1.2.1. undang-undang keluarga Islam;
 - 1.2.2. undang-undang tatacara jenayah Syariah;
 - 1.2.3. undang-undang tatacara mal Mahkamah Syariah; dan
 - 1.2.4. undang-undang keterangan Mahkamah Syariah.

2. Mewujudkan Undang-Undang Baharu

Selain daripada penambahbaikan undang-undang sedia ada, kerajaan juga komited dalam menggubal undang-undang Syariah yang baharu. Antara undang-undang Syariah tersebut ialah:

- 2.1. Rang Undang-Undang Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019. Rang Undang-Undang ini dijangka akan dibentangkan pada sesi parlimen ini;
- 2.2. Rang Undang-Undang Wakaf (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 yang kini dalam fasa untuk dimuktamadkan. Rang Undang-Undang ini dijangkakan untuk dibentangkan di sesi parlimen akan datang; dan
- 2.3. Kaedah-Kaedah Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Perkahwinan, Perceraian dan Ruju'). Kaedah ini dalam proses untuk mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Peguam Negara.

3. Memperkasakan Pentadbiran Kehakiman Syariah

- 3.1. Pemeraksanaan pentadbiran Kehakiman Syariah melalui cadangan untuk mewujudkan hierarki baru Mahkamah

Syariah. Kerajaan sedang berusaha ke arah menaik taraf Mahkamah Syariah daripada tiga (3) peringkat sehingga kepada lima (5) peringkat. Setakat ini negeri Perak telah pun meluluskan usul di Dewan Undangan Negeri bagi menaik taraf hierarki Mahkamah Syariah daripada tiga (3) peringkat kepada empat (4) peringkat Mahkamah Syariah iaitu mewujudkan lapisan baharu yang keempat dinamakan sebagai Mahkamah Utama Syariah. Bagi memastikan keberkesanan perancangan ini, usaha-usaha untuk memperkasakan institusi Kehakiman Syariah di Malaysia telah digariskan di dalam Pelan Strategik Agensi Agama 2019-2025.

- 3.2. Memperkasakan Mahkamah Syariah melalui cadangan pengkhususan pengendalian kes hadhanah dan nafkah di Mahkamah Tinggi Syariah dan pengendalian kes nafkah di Mahkamah Rendah Syariah serta pewujudan Bahagian Penguatkuasaan dan Pelaksanaan perintah di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan. Pelaksanaan program ini telah diluluskan melalui Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Mei 2019 baru-baru ini dan dalam peringkat libat urus bersama agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.

4. Pembangunan Prasarana Mahkamah Syariah.

Usaha-usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan untuk membangunkan prasarana Mahkamah Syariah adalah seperti yang berikut :

- 4.1. Pembangunan Kompleks Mahkamah Syariah baharu di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri / Mahkamah Syariah Negeri. Projek pembangunan Mahkamah Syariah baharu yang sedang dalam proses pembinaan ialah di negeri Sabah dan negeri Pahang; dan
- 4.2. Menaiktaraf sistem E-Syariah kepada sistem E-Syariah versi tiga (3) untuk penambahbaikan pengurusan sistem pengurusan kes di Mahkamah Syariah di seluruh Malaysia

dan meningkatkan lagi kecekapan penyampaian melalui transformasi sistem E-Syariah.

5. Peningkatkan Kemahiran Dan Kompetensi Hakim Syarie.

Usaha untuk meningkatkan kompetensi Hakim Syarie telah dijalankan melalui langkah-langkah seperti yang berikut :

- 5.1. Penambahbaikan berterusan modul utama latihan undang-undang. Pendekatan yang dilaksanakan ialah latihan wajib pemantapan undang-undang keterangan, aplikasi prinsip Islam dalam perbicaraan dan pemantauan prestasi haki-hakim melalui alasan penghakiman oleh Mentor.

- 5.2. Kolaborasi strategik bersama agensi akademik dan undang-undang. Mewujudkan kerjasama strategik dengan IPTA, Bahagian Lelongan Mahkamah Sivil dan badan penyelidikan awam dan bebas. Kerjasama tersebut dijangka dapat membangunkan modul latihan yang lebih efisien, kajian undang-undang dan hukum syarak yang memberi impak tinggi kepada jabatan serta latihan intensif Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) bagi mempergiatkan penguatkuasaan perintah nafkah.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 96

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN BIN
MOHD YUNUS [HULU LANGAT]**

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

NO. SOALAN : 96

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus (Hulu Langat) minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah langkah-langkah keselamatan yang diambil oleh Kementerian dalam menjaga keselamatan empangan seperti di Empangan Semenyih yang terletak berdekatan jalan raya selain memasang pagar memandangkan ia membekalkan sumber air yang penting kepada orang ramai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi memastikan keadaan fizikal empangan berada dalam keadaan selamat, satu pasukan Flying Squad yang diterajui oleh Bahagian Bekalan Air, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli telah ditubuhkan. Pasukan yang dianggotai oleh pelbagai agensi seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS), Jabatan Mineral Sains dan Geologi (JMG) dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bertanggungjawab membuat pemeriksaan dan pemantauan keselamatan ke atas 41 empangan yang dikategorikan sebagai empangan berisiko tinggi di Malaysia.

Empangan bekalan air yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan seterusnya akan diserahkan milik kepada Kerajaan Negeri. Selaku pemilik empangan, Kerajaan Negeri telah mengambil pelbagai langkah untuk memastikan keselamatan empangan terpelihara sepertiewartakan kawasan tadahan empangan sebagai zon perlindungan. Sehingga Mei 2019, sebanyak 27 buah empangan bekalan air di Malaysia telah

diwartakan sebagai kawasan sasaran penting yang merupakan sumber bekalan air mentah.

Selain itu, langkah-langkah lain yang telah diambil bagi tujuan menjaga keselamatan empangan adalah dengan membina pagar keselamatan dan pemasangan papan tanda amaran. Penguatkuasaan bersepadu bersama-sama agensi berkaitan secara berkala serta program kesedaran bersama pemilik-pemilik premis yang terletak berhampiran kawasan tadahan empangan turut diadakan.

Tuan Yang Dipertua,

Selanjutnya bagi menyeragamkan prosedur keselamatan empangan di seluruh negara, kementerian juga telah mengeluarkan satu garis panduan yang dikenali sebagai Garis Panduan Pengurusan Keselamatan Empangan di Malaysia (MyDAMS) pada tahun 2017 yang perlu digunakan oleh Kerajaan Negeri dan Pemilik Empangan. Seterusnya pihak Kementerian melalui JPS juga telah melantik perunding bagi menyediakan template rang undang-undang berkaitan pengurusan keselamatan empangan untuk diguna pakai oleh Kerajaan Negeri.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN
[BATU]**

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

RUJUKAN : L3 [PR-1422-L05677]

SOALAN :

Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian terhadap masalah pendatang asing tanpa izin yang bekerja dan meniaga di Pasar Borong Selayang dan Pasar Borong Harian. Adakah operasi bersepadu akan dilakukan.

NO. SOALAN : 97

Tuan Yang di-Pertua

Untuk makluman Yang Berhormat Batu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) maklum dengan aktiviti perniagaan penjaja warga asing di Pasar Borong Kuala Lumpur dan Pasar Harian Selayang. Mereka terdiri daripada warga Indonesia, Bangladesh, Myanmar (Pelarian Rohingya) dan Nepal. Penjaja pelarian Rohingya ini adalah merupakan pemegang Kad UNHCR. Walau bagaimanapun, Isu kebanjiran warga asing adalah di bawah tugas dan tanggungjawab bersama **Agensi-Agensi Kerajaan lain** seperti **Kementerian Dalam Negeri (KDN), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)** dan **Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)**.

Tindakan DBKL diambil di bawah peruntukkan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2016** serta **Undang-Undang Kecil Pasar Borong (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2002**. Di dalam hal ini, undang-undang terlibat yang memperuntukkan tindakan menyita peralatan/barang-barang yang diperniagakan yang tidak ada kebenaran atau dilesenkan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur. Dalam undang-undang ini juga tidak memperuntukkan atau memberi kebenaran kepada DBKL atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menangkap orang-orang yang menjalankan aktiviti tersebut. Ini selaras dengan **Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang tidak mempunyai peruntukan kuasa untuk menangkap terhadap orang yang melakukan kesalahan**.

Dimaklumkan, kehadiran warga asing di Pasar Borong Kuala Lumpur dan Pasar Harian Selayang disebabkan beberapa faktor antaranya pengusaha dan peniaga warga tempatan yang memerlukan khidmat pekerja, lambakan Kes UNHCR, penyewaan premis kepada warga asing untuk dijadikan sebagai tempat tinggal mereka. Bagi penjaja warga asing yang didapati menjalankan aktiviti penjajaan tanpa lesen dari DBKL **tindakan sita serta merta dilakukan dan semua barangan yang disita tidak boleh dituntut**.

Jika terdapat warga asing yang didapati membuka premis perniagaan tanpa lesen dari DBKL, premis berkenaan akan dikenakan **tindakan penutupan** oleh **Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penjaja (JPPP, DBKL)**.

Untuk makluman Yang Berhormat Batu, pihak Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil perhatian berkenaan masalah ini dan usaha membanteras warga asing yang bekerja dan berniaga di Pasar Harian Selayang dan Pasar Borong Kuala Lumpur. Selain itu, memerlukan penyelarasan, kerjasama dan tindakan bersepadu daripada semua pihak terutamanya Jabatan Penguatkuasaan DBKL, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Majlis Perbandaran Selayang, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDHEP) dan lain-lain agensi yang berkaitan.

Untuk makluman aktiviti penguatkuasaan sering dilaksanakan di Pasar Harian Selayang dan Pasar Borong Kuala Lumpur sama ada melalui penguatkuasaan harian ataupun operasi bersepadu dengan agensi-agensi yang berkaitan dan tangkapan juga dibuat terhadap pendatang tanpa izin (PATI) oleh agensi yang berkaitan. Bermula Januari 2019 sehingga Jun 2019 sebanyak 894 tindakan sitaan kepada peniaga bukan warganegara telah dibuat dengan anggaran nilai sitaan sebanyak RM118,250.00 di Pasar harian Selayang dan 344 tindakan sitaan kepada peniaga bukan warganegara telah dibuat di Pasar Borong Kuala Lumpur dengan anggaran nilai sitaan sebanyak RM63,850.00.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT
1 HINGGA 18 JULAI 2019

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN :

98. PR-1422-L05446

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah pencapaian industri sawit negara sejak Kempen Sayangi Sawitku dilancarkan pada 24 Mac 2019 atau sekadar propoganda politik.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian telah melancarkan kempen Sayangi Sawitku yang telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri pada 24 Mac 2019 yang lalu. Kempen Sayangi Sawitku ini yang akan diadakan sepanjang tahun 2019 adalah bertujuan untuk memberi kesedaran kepada rakyat Malaysia mengenai kebaikan dan khasiat minyak sawit dan juga cabaran yang dihadapi oleh komoditi sawit. Disamping itu, kempen ini juga adalah untuk menggalakkan rakyat Malaysia mempertahankan komoditi sawit dan menjadi jurucakap sawit melalui pendekatan dengan izin '*From Malaysia, we speak to the world*'.

Pelbagai aktiviti dan program di peringkat domestik dan antarabangsa telah dijalankan seperti publisiti video dan poster Kempen Sayangi Sawitku di KLIA, publisiti melalui *in-flight magazine* oleh MAS, Air Asia dan Malindo,

program tanam semula pokok hutan dan konservasi Orang Utan dan Gajah Pygmy di Sabah, sesi taklimat dan pameran produk sawit di Parlimen, *Student Ambassador Programme*, pertandingan memasak menggunakan minyak sawit, sesi kunjungan dan penerangan kepada Menteri Kabinet dan Ketua Menteri yang berkaitan, pertandingan atas talian dan lain-lain. Bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti Kempen Sayangi Sawitku yang telah dirangka, Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM6 juta pada tahun ini.

Sebenarnya, masih terlalu awal untuk mengukur prestasi pelaksanaan kempen ini memandangkan ianya masih berjalan sehingga ke akhir tahun ini. Walau bagaimanapun, Kementerian sedang menjalankan pemerhatian dan bancian bagi mengukur keberkesanan kempen ini dalam membantu meningkatkan industri sawit negara. Didapati pada masa ini, lebih ramai rakyat Malaysia daripada pelbagai lapisan masyarakat telah tampil untuk menyuarakan sokongan terhadap industri sawit negara termasuk pemimpin utama negara, tokoh korporat, personaliti media, ketua masyarakat, pelajar dan lain-lain. Manakala industri lain seperti penerbangan, pelancongan dan hiburan juga turut bekerjasama menjayakan kempen ini melalui penajaan dan publisiti.

Selain itu, data eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit ke negara-negara luar telah menunjukkan peningkatan sebanyak 5.9% daripada 6.36 juta tan (Januari – Mac 2018) kepada 6.74 juta tan (Januari - Mac 2019). Dari segi harga pula, harga purata minyak sawit mentah bagi bulan Mac 2019 iaitu bulan pelancaran kempen adalah RM1,903.50 telah meningkat kepada RM1,946.50 pada bulan Mei 2019. Ini secara tidak langsung disebabkan peningkatan penerimaan dan kesedaran mengenai minyak sawit hasil daripada kempen yang dijalankan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI
[TANGGA BATU]**

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 99

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Keretapi Tanah Melayu Berhad akan menyambung semula operasi perkhidmatan Ekspres Wau Kuala Lumpur Tumpat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,
Perkhidmatan Ekspres Wau iaitu perkhidmatan antarabandar (*intercity*) KTMB dari Kuala Lumpur ke Tumpat, Kelantan telah digantung sejak bencana banjir yang melanda Pantai Timur pada penghujung tahun 2014.

Walau bagaimanapun, rakyat masih boleh memilih untuk menggunakan keretapi sebagai pengangkutan daripada Kuala Lumpur ke Tumpat dengan menaiki ETS dari Kuala Lumpur ke Gemas seterusnya menaiki perkhidmatan tren Antarabandar dari Gemas ke Tumpat. Kerajaan melalui KTMB telah mengambil inisiatif dalam memastikan para penumpang yang menggunakan perkhidmatan tersebut dapat menjimat masa transit pertukaran di stesen Gemas dengan mengoptimumkan jadual perkhidmatan.

Jadual waktu ketibaan/berlepas tren ETS dan Antarabandar di stesen Gemas adalah adalah seperti jadual di bawah.

NO. SOALAN : 99

<i>Laluan</i>	<i>Jenis Perkhidmatan</i>	<i>Waktu Tiba di Gemas</i>	<i>Tempoh Transit</i>	<i>Jenis Perkhidmatan</i>	<i>Waktu Berlepas di Gemas</i>
Kuala Lumpur - Tumpat	ETS (KL – Gemas)	00:10	10 minit	Antarabandar (Gemas – Tumpat)	00:20
		14:17	1 jam 3 minit		15:20
Tumpat – Kuala Lumpur	Antarabandar (Tumpat - Gemas)	07:08	57 minit	ETS (Gemas - KL)	08:05
		14:54	19 minit		15:13

Di samping itu, Kerajaan bersedia untuk menimbang pembukaan semula perkhidmatan keretapi ekspres daripada Kuala Lumpur ke Tumpat setelah projek baik pulih dan naiktaraf selesai sekiranya terdapat keperluan dan permintaan tinggi serta ketersediaan set-set tren yang boleh beroperasi di sektor tersebut. Buat masa ini, Kerajaan sedang memberi keutamaan kepada kerja-kerja menaiktaraf serta membaikpulih kerosakan yang dialami oleh rangkaian keretapi bagi jajaran Gemas – Tumpat termasuk kerosakan akibat bencana banjir pada penghujung tahun 2014.

Banjir yang melanda sektor Pantai Timur pada 22 Disember 2014 telah mengakibatkan kerosakan teruk pada infrastruktur landasan, peralatan persembayanan dan jentera penyelenggara landasan yang telah ditenggelami air. Antara kerosakan infrastruktur landasan yang dialami adalah tanah runtuh, landasan terhakis dan ditenggelami air serta jambatan keretapi yang telah dihanyutkan air. Selain itu, berlaku kerosakan teruk terhadap bangunan pejabat, stesen dan kuarters terutamanya di kawasan Manik Urai, Dabong, Kemubu, Kuala Krai dan Chegar Perah.

Dalam hal ini, Kerajaan telah memperuntukan dana berjumlah RM874.7 juta bagi membaikpulih infrastruktur landasan dan stokereta di sektor Pantai Timur. Peruntukan ini terdiri daripada dana berjumlah RM778.0 juta bagi projek membaikpulih infrastruktur landasan bagi sektor Gemas ke Tumpat dan RM96.7 juta bagi program pemulihan stesen dan lain-lain infrastruktur keretapi yang terjejas akibat musibah banjir besar yang telah melanda negeri di Pantai Timur. Keseluruhan kerja membaikpulih infrastruktur landasan di sektor Pantai Timur ini dijadualkan siap pada hujung tahun 2019.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MORDI BIMOL
[MAS GADING, SARAWAK]**

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 100

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam menyediakan prasarana sukan di kawasan luar bandar dan program yang melibatkan belia atau anak muda dalam usaha membendung gejala sosial.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sememangnya mempunyai perancangan untuk menambah kemudahan dan fasiliti sukan yang berkualiti kepada rakyat secara berperingkat di luar bandar khususnya dalam *Rolling Plan* Keempat (RP4) Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Perancangan ini juga tertakluk kepada permohonan yang dikemukakan dengan mengambil kira kesesuaian lokasi, kepadatan penduduk dan jumlah peruntukan yang dipohon untuk memastikan projek dan fasiliti sukan yang dibina dimanfaatkan sepenuhnya. Selain itu, penekanan turut diberikan kepada naiktaraf fasiliti yang berada di kawasan luar bandar untuk ditambah skop lampu limbah agar dapat digunakan pada waktu malam sekaligus dapat digunakan oleh penduduk di kawasan tersebut dan secara tidak langsung mampu untuk mengelakkan belia dan anak muda daripada terlibat dengan gejala sosial.

2. Bagi program-program melibatkan golongan belia pula, KBS telah menjalankan inisiatif program-program pembangunan belia luar bandar dalam usaha membendung gejala sosial. Inisiatif Kementerian merangkumi beberapa klaster termasuk dari segi pembangunan ekonomi yang menerapkan nilai keusahawanan sebagai salah satu sumber pendapatan. Antara program yang dilaksanakan ialah seperti berikut:

(a) Program Youth Career (Y-Career) yang akan membuka laluan kepada golongan belia B40 yang dikategorikan miskin bandar dan luar bandar bagi mengikuti latihan jangka pendek atau separuh masa yang menekankan aspek keusahawanan dan kemahiran secara fleksibel supaya golongan ini dapat memenuhi keperluan dunia pekerjaan/industri dan berkecimpung dalam bidang keusahawanan. Ia dilaksanakan dalam dua siri di 15 negeri termasuk satu program di peringkat kebangsaan. Sehingga Jun 2019, jumlah penyertaan adalah seramai 398 orang; dan

(b) Program Keusahawanan Belia Bestari atau B-Best mengutamakan belia minoriti (berisiko) dengan meningkatkan keyakinan diri dan ekonomi melalui pekerjaan/ keusahawanan. B-Best akan dilaksanakan di setiap Zon seluruh negara.

2. Dalam usaha memantapkan kekuhan golongan belia, jabatan ini juga melaksanakan Program Fit Masjid yang mana ia merupakan program kerohanian dengan aktiviti riadah santai bagi mendekatkan golongan belia dengan institusi masjid di seluruh negara. Program ini dilaksanakan sebanyak tiga siri setiap di negeri. Jumlah penyertaan sehingga Jun 2019 adalah seramai 6,628 peserta.

3. Dari segi kepimpinan, Kursus Pengurusan Organisasi (KPO) tahap satu dijalankan untuk meningkatkan kemahiran kepimpinan organisasi dalam membentuk individu belia yang dapat menerajui halatuju sesebuah organisasi serta menyediakan pelapis pemimpin dalam persatuan-persatuan belia di Malaysia. Ia akan dilaksanakan di 121 buah daerah di seluruh negara dengan jumlah penyertaan sebanyak 2,392 orang peserta sehingga Jun 2019

4. Gejala sosial dapat dibendung sekiranya belia-belie ini dapat memenuhi waktu pengisian mereka dengan program-program yang bersesuaian dengan jiwa dan minat mereka. Dengan itu, inisiatif *Youth Power Club* (YPC) dilihat akan mendokong konsep dari belia untuk belia kerana YPC itu sendiri akan dianggotai oleh belia-belie di peringkat lokal bagi menggerakkan program-program kesesuaian bagi anak-anak muda di kawasan setempat. Dan apabila mereka ini berminat untuk menyertai YPC sehingga tiada masa terluang untuk melakukan perkara tidak berfaedah, maka pastinya inisiatif ini dapat mengurangkan serta membendung gejala masalah sosial.

5. Dalam aspek pembangunan sukan, Kementerian memperkenalkan program Sukan Luar Bandar yang menumpukan kepada kumpulan komuniti tempatan, masyarakat orang asli dan kumpulan minoriti kepada sesebuah etnik untuk menyerlahkan potensi belia pendalaman dan luar bandar dalam kepimpinan dan mencungkil bakat sukan. *Outcome* program ini adalah membentuk masyarakat berbudaya sukan, mengurangkan masalah gejala sosial dengan menyediakan aktiviti berfaedah kepada masyarakat dan pemangkin kepada golongan masyarakat untuk mengamalkan gaya hidup sihat.

6. Program Kesukarelawan di bawah Rakan Muda iaitu MyCorps bertujuan melatih belia untuk menjadi bangsa yang berbakti dengan penuh semangat kemanusiaan serta kesedaran tentang hak dan tanggungjawab komuniti, di kalangan golongan belia di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 101

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan sebab fasa 3 projek Tebatan Banjir Sibü yang harus melibatkan pembinaan pam air PS6 dan projek tebatan banjir sekitarnya sudah dipindah ke fasa 4. Dan Fasa 3 sekarang melibatkan pembinaan pam air PS7 dan PS8 dan projek sekitarnya yang dianggap tidak begitu penting buat masa sekarang. Ia telah dianggap sebagai satu keputusan politik yang melibatkan Kerajaan terdahulu, adakah tender terbuka telah dijalankan untuk melantik kontraktor.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Kajian Pelan Induk Saliran Bandar Sibu yang telah dilaksanakan, anggaran kos keseluruhan bagi mengatasi masalah banjir di kawasan Sibu adalah RM676 juta di mana ianya dicadang dilaksanakan secara berfasa iaitu sebanyak 4 fasa. Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sibu Fasa 1 dan Fasa 2 telah siap dilaksanakan di bawah RMKe-9 dan RMKe-10 dengan kos keseluruhan RM215 juta.

Mengikut perancangan asal, skop Fasa 3 akan melibatkan pembinaan rumah pam 6 dan dan komponen tebatan banjir yang berkaitan manakal Fasa 4 melibatkan skop pembinaan rumah pam 7 dan 8 berserta komponen tebatan banjir yang berkaitan.

Walau bagaimanapun, peruntukan yang diluluskan bagi Fasa 3 adalah hanya sebanyak RM100 juta dan jumlah ini adalah tidak mencukupi bagi fasa tersebut. Sehubungan itu, hasil daripada bengkel *Value Engineering* (VE) Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sibu yang telah dilaksanakan pada 16 Mei hingga 19 Mei 2017, komponen-komponen Fasa 4 dicadang untuk dilaksanakan terlebih dahulu bersesuaian dengan siling yang diterima (RM100 juta) dengan **dinamakan semula sebagai Fasa 3**. *Outcome* bagi pelaksanaan Fasa 3 ini akan mengurangkan kedalaman air banjir sebanyak 0.5m berbanding 0.3m di jajaran asal.

Bagi **komponen asal** Fasa 3 (pam 6 dan komponen tebatan banjir), projek tersebut akan dimohon dalam RMKe-12 **dengan dinamakan sebagai Fasa 4**. Kedua-dua Fasa 3 dan Fasa 4 adalah penting dalam memastikan keseluruhan kawasan Bandar Sibu dilindungi daripada banjir.

Status terkini

RTB Sibu Fasa 3 yang dilaksanakan secara reka dan bina telah bermula pada 7 Mei 2019 dan dijangka siap pada 6 Mac 2022. Kontraktor bagi pelaksanaan kerja-kerja ini dilantik secara lantikan terus. Pelaksanaan kerja-kerja fizikal di tapak adalah sebanyak 10% di mana kerja-kerja awalan sedang dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR

SOALAN : 102

Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan rancangan Kerajaan untuk menubuhkan Ombudsman Malaysia seperti yang dinyatakan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11).

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Cadangan untuk menubuhkan Ombudsman Malaysia telah dipersetujui oleh Kerajaan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) Siri 4 Bilangan 4 Tahun 2018 pada 21 September 2018 dan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 Oktober 2018.
2. Pada masa ini, draf Rang Undang-Undang Ombudsman Malaysia telah disediakan oleh Biro Pengaduan Awam untuk pertimbangan

NO. SOALAN: 102

Jabatan Peguam Negara. Rang Undang-Undang ini dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada bulan hujung tahun ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 103

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan senarai projek-projek tebatan banjir yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan sejak Mei 2018 sehingga kini kepada Pulau Pinang. Nyatakan juga kos serta perincinan perkembangan terkini pelaksanaannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2018, projek-projek yang telah diluluskan adalah ;

- 1) Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Teluk Kumbar, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang dengan siling kos projek sebanyak RM10 juta.
- 2) Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Teluk Bahang, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang dengan siling kos projek sebanyak RM8 juta.
- 3) Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Pondok Upeh / Sungai Burong, Pulau Pinang dengan siling kos projek sebanyak RM10 juta.

Bagi tahun 2019 pula, projek yang telah diluluskan adalah:

- 1) Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Kechil, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang dengan siling kos projek sebanyak RM16.5 juta.

Sebelum tahun 2018, projek sedia ada yang telah diluluskan adalah Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembangan Sungai Pinang siling kos projek sebanyak RM150 juta.

Status pelaksanaan projek-projek berkenaan adalah sebagaimana berikut;

<u>Bil</u>	<u>Projek</u>	<u>Status</u>
1)	RTB Teluk Kumbar, Daerah Barat Daya	- Surat Setuju Terima (SST) bertarikh 30 Mei 2019 telah dikeluarkan kepada kontraktor yang berjaya iaitu Mywa Synergy Sdn Bhd. Tarikh milik tapak adalah pada 17 Jun 2019. Tempoh pembinaan adalah selama 24 bulan bermula 17 Jun 2019 sehingga 16 Jun 2021.
2)	RTB Teluk Bahang, Daerah Barat Daya	- Dalam proses prosedur bagi pelantikan perunding.
3)	RTB Pondok Upeh / Sungai Burong	- Dalam proses prosedur bagi pelantikan perunding.
4)	RTB Sungai Kechil, Daerah Seberang Perai Selatan	- Dalam proses prosedur bagi pelantikan perunding.
5)	RTB Lembangan Sungai Pinang	- Kerja-kerja rekabentuk terperinci sedang dilaksanakan.

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM [ARAU]**

TARIKH : **1 JULAI 2019**

SOALAN : **104**

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah bentuk kriteria yang perlu dipenuhi dalam meluluskan supaya perlantikan individu untuk memegang jawatan utama perkhidmatan awam dan apakah perlantikan ini, perlu dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tanpa mengira kaum, bangsa dan agama sentiasa memberi ruang dan peluang yang saksama kepada penjawat awam untuk mengisi jawatan di peringkat pembuat keputusan dan strategik, termasuk jawatan Ketua Setiausaha Kementerian (KSU) dan Ketua Pengarah (KP) selaras

NO. SOALAN: 104

dengan peruntukan di bawah **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2010 - Panduan Pengurusan Pemangkuhan Dan Kenaikan Pangkat Dalam Perkhidmatan Awam**. Bilangan jawatan-jawatan tersebut adalah terhad maka proses pertimbangan pengisian perlu melalui proses pemilihan yang ketat berdasarkan **merit, prestasi, kelayakan, kompetensi, daya kepimpinan, pengalaman, integriti dan kesesuaian penerimaan** di peringkat Kementerian atau Jabatan.

Ini adalah bagi memastikan, pegawai yang mengisi jawatan-jawatan berkenaan adalah terdiri daripada pegawai yang kompeten dan berkebolehan. Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen tidak diperuntukkan sebarang kuasa bagi pelaksanaan urusan ini buat masa ini. Walau bagaimanapun, bagi menambahbaik urusan ini, calon-calon yang melepasi prestasi dan kelayakan di atas juga akan melalui saringan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan dipanjangkan ke Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (**GIACC**).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN : 105

Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan beliau dalam menangani kegagalan Penggubalan Perkara 1 (2) Perlembagaan Persekutuan pada sesi Parlimen yang lepas.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 berhubung pindaan kepada Fasal (2) Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan 2019 telah gagal untuk mendapat persetujuan 2/3 oleh ahli-ahli Parlimen di Dewan Rakyat pada 9 April 2019 yang lalu.

NO. SOALAN : 105

Kerajaan akan meneruskan perkara ini pada masa terdekat dan masa yang sesuai terutamanya apabila mendapat komitmen secara sebulat suara daripada Ahli Parlimen Pembangkang terutamanya Ahli Pembangkang dari Sarawak.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta MENTERI INDUSTRI UTAMA menyatakan mengapakah kita masih perlu mempunyai penanaman baru kelapa sawit memandangkan prospek minyak kelapa sawit tidak menentu pada masa kini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Hala tuju Kerajaan adalah untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran hasil sawit melalui sumber sedia ada yang terhad dengan mengguna pakai teknik dan mekanisme yang lebih baik. Ini memandangkan negara mempunyai kawasan penanaman yang terhad. Antara teknik dan mekanisme yang boleh diguna pakai adalah seperti berikut:

- (i) penggunaan teknologi genom bagi penghasilan benih yang lebih berkualiti;
- (ii) mekanisasi ladang dan penggunaan jentera yang lebih efektif dalam proses tuaian; dan
- (iii) pembangunan formulasi dan penggunaan baja yang cekap nutrien serta kawalan penyakit dan perosak yang berkesan.

Mengambil kira tuduhan berterusan oleh negara luar yang mengaitkan industri sawit dengan penyahhutan dan kemusnahan biodiversiti, Kerajaan telah menetapkan had keluasan tanaman sawit pada 6.5 juta hektar bagi memastikan industri sawit tidak lagi dikaitkan isu penyahhutan. Aktiviti peluasan penanaman baru bukanlah langkah utama yang efektif dalam meningkatkan pengeluaran hasil sawit negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH

SOALAN : 107

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **Perdana Menteri** menyatakan bila pembiayaan awam bagi parti-parti politik seperti tertera dalam manifesto akan dilaksanakan.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) Siri 2 Bilangan 2 Tahun 2018 pada 9 Julai 2018 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah bersetuju dengan cadangan penggubalan satu undang-undang berhubung dengan pembiayaan politik bagi mewujudkan mekanisme pembiayaan politik yang berintegriti dan menjadi antara keutamaan Kerajaan yang digariskan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 - 2023.

NO. SOALAN: 107

2. Sehubungan itu, rang undang-undang ini akan diperkenalkan oleh Kerajaan setelah kajian teliti dasar yang dicadangkan dimuktamadkan bagi memastikan prinsip ketelusan dan mekanisme pelaksanaan yang berkesan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT
1 JULAI HINGGA 18 JULAI 2019

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI**
[KAPIT]

TARIKH : **1 JULAI 2019 (ISNIN)**

SOALAN :

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan pelbagai bantuan dan program untuk membantu pekebun lada dan meringankan bebanan mereka di masa harga komoditi lada hitam ini sekarang dalam keadaan amat rendah dan tertekan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah dan sedang melaksanakan beberapa inisiatif melalui Lembaga Lada Malaysia (MPB) untuk membantu para pekebun kecil yang terkesan disebabkan oleh penurunan harga lada. Inisiatif tersebut adalah:

(i) Skim Tanaman Baharu Lada

Nilai bantuan sejumlah RM26,000 sehektar dalam tempoh dua (2) tahun. Pekebun dibekalkan dengan input pertanian seperti baja, *dolomite*, insentif berbentuk tunai bagi keratan dan tiang sokongan serta khidmat nasihat teknikal juga diberikan.

(ii) Skim Peningkatan Kualiti Lada Peringkat Lada

Melalui skim bantuan ini pekebun dibantu untuk meningkatkan kualiti lada di peringkat ladang dan menggalakkan pekebun mengeluarkan lada premium seperti Lada Berkualiti Eksport (LBE) dan Lada Putih Krim (LPK) untuk mendapatkan harga yang lebih lumayan iaitu sebanyak RM16,168 per tan dan RM19,985 per tan masing-masing berbanding harga lada hitam gred 1 sebanyak RM9,300 per tan.

Bantuan yang disediakan merupakan kemudahan lepas tuai seperti pengipas, pelerai, *spiral separator*, pelantar jemuran, tangki rendaman dan bahan binaan untuk empangan kecil anak sungai.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU
[TUARAN]**

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN : 109

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah hala tuju pembangunan untuk memastikan Orang Asli Semenanjung dibawa ke arus pembangunan perdana.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Strategi untuk memajukan masyarakat Orang Asli telah digariskan ke dalam Pelan Strategik JAKOA (2016 – 2020) yang memberi fokus kepada pembangunan sosioekonomi masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Ianya merupakan satu pelan yang telah dirangka dalam usaha **meningkatkan kualiti hidup** melalui penyediaan infrastruktur yang lengkap di perkampungan Orang Asli.

Dalam masa yang sama, usaha juga turut dilaksanakan bagi **meningkatkan pendapatan** masyarakat Orang Asli melalui Program Pembangunan Ekonomi Orang Asli serta Program Pembangunan Usahawan Orang Asli di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11).

Antara projek yang dilaksanakan adalah seperti berikut :

Bil	Program	Projek
i.	Infrastruktur	Jalan Perhubungan
ii.	Utiliti	Bekalan Elektrik dan Bekalan Air
iii.	Ameniti Sosial	Balai Raya, Longkang, Tabika, Dewan dan lain-lain kemudahan untuk kegunaan komuniti
iv.	Ekonomi	Pembangunan Ladang Sawit & Getah, Bantuan Input Pertanian, Projek Hands Holding, Bantuan Tanaman Kontan, Penternakan dan Perikanan.
v.	Usahawan	Geran Usahawan, Bantuan Peralatan, Bantuan Premis Perniagaan, Kursus Pengembangan Usahawan & Eko-pelancongan, Karnival Usahawan Orang Asli.

Namun begitu, usaha dan kerjasama semua agensi secara berterusan akan dilaksanakan untuk memastikan taraf hidup dan kehidupan masyarakat Orang Asli dipertingkatkan seiring dengan pembangunan negara.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI
[TANGGA BATU]**

TARIKH : 1 JULAI 2019

SOALAN : 110

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan mengambil tindakan undang-undang terhadap pelajar-pelajar yang mendapat pembiayaan biasiswa yang ingkar untuk pulang berkhidmat di Malaysia.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara dasarnya semua pemegang biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) terikat dengan kontrak Perjanjian Biasiswa Persekutuan. Mereka diwajibkan untuk berkhidmat dengan Kerajaan, atau mana-mana agensi atau pertubuhan Kerajaan yang dipersetujui tertakluk kepada perjanjian yang ditandatangani dan syarat lantikan oleh Pihak Berkuasa Melantik (PBM). Pemegang biasiswa JPA yang telah tamat pengajian dengan jayanya dikehendaki untuk melapor diri dan seterusnya berusaha mendapatkan tempat dalam perkhidmatan awam dalam tempoh 12 bulan sepertimana yang dinyatakan di dalam Perjanjian Biasiswa Persekutuan.

Mulai tahun 2009, Kerajaan dengan kerjasama TalentCorp telah melaksanakan inisiatif Program Scholarship Talent Attraction and Retention (STAR) yang membenarkan pemegang biasiswa JPA untuk memenuhi syarat kontrak berkhidmat dengan mana-mana agensi termasuk syarikat atau agensi swasta yang tersenarai di bawah program tersebut. Ia juga merupakan salah satu alternatif kepada pemegang biasiswa JPA yang telah berusaha untuk memasuki perkhidmatan awam tetapi tidak berjaya mendapat tempat dan tidak ditawarkan sebarang jawatan oleh Kerajaan selepas tempoh dua belas (12) bulan untuk mendapatkan pekerjaan seterusnya memenuhi syarat kontrak berkhidmat dengan Kerajaan.

Sebarang pelanggaran atau pecah kontrak sepertimana yang termaktub di dalam Perjanjian Biasiswa Persekutuan termasuklah ingkar untuk pulang berkhidmat di Malaysia, pemegang Biasiswa JPA boleh dikenakan tindakan tuntutan dengan membayar balik Nilai Biasiswa yang telah dibelanjakan sepanjang tempoh penajaan kepada Kerajaan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Di samping itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga memandang serius isu penerima biasiswa KPM yang ingkar untuk kembali ke Malaysia sebaik sahaja mereka tamat kursus latihan atau program di luar negara. Berdasarkan klausa seperti yang termaktub dalam perjanjian, setiap penerima Biasiswa KPM adalah dikehendaki untuk serta-merta kembali ke Malaysia dan berkhidmat apabila sahaja menyempurnakan atau atas apa-apa sebab meninggalkan kursus latihannya atau apabila sahaja tamatnya biasiswa yang diberikan oleh Kerajaan. Keengganan pelajar untuk pulang berkhidmat boleh dikenakan tindakan tegas iaitu tuntutan ganti rugi seperti yang termaktub dalam perjanjian yang telah ditandatangani. Sekiranya pelajar tidak pulang dan gagal dihubungi, tindakan ganti rugi juga boleh dikenakan ke atas penjamin.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE
[BELURAN]**

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 111

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah perkembangan serta usaha Malaysia dalam merencanakan aktiviti dalam sektor perdagangan, pelaburan serta pelancongan dengan negara-negara Asia Tenggara di bawah "*Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA)*".

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, halatuju strategik pembangunan kerjasama serantau ini adalah sepertimana dinyatakan dalam *BIMP-EAGA Vision 2025 (BEV2025)*. BEV2025 telah menetapkan sasaran untuk BIMP-EAGA menjadi sebuah wilayah yang berdaya saing dan mampan melalui pelbagai strategi dengan tumpuan kepada pembangunan sektor pertanian dan perikanan, penggunaan teknologi hijau dalam sektor pembuatan dan pembangunan sektor pelancongan.
2. Di bawah BEV2025, sebanyak 69 Projek Infrastruktur Utama (PIP) telah disenaraikan dengan anggaran kos sebanyak AS\$22.7 bilion. PIP ini akan meningkatkan kesalinghubungan (*connectivity*) dan menjadi pemangkin kepada aktiviti perdagangan serta mobiliti penduduk. Misalnya Projek *Trans Borneo Power Grid* yang merentasi Sarawak dan Kalimantan Barat akan memanfaatkan 8,000 isi rumah, memperkukuh hubungan antara negara dan menyumbang ke arah merealisasikan *ASEAN Power Grid*.
3. Pada tahun 2017, kawasan BIMP-EAGA mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) wilayah BIMP-EAGA sebanyak 5.7%, perdagangan (21.5%) dan pelancongan (6.6%). Di samping itu, jumlah pelaburan di wilayah BIMP-EAGA pada tahun 2017 adalah sebanyak AS\$20.9 bilion dengan 66.6% adalah disumbangkan oleh pelaburan langsung asing (FDI).
4. Program Pameran Perdagangan BIMP-EAGA dan *Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMT-GT)* secara dwi tahunan, khusus untuk mempromosikan produk-produk keluaran syarikat industri kecil dan sederhana (IKS). Pada tahun 2018, peserta Malaysia telah mencatatkan jumlah transaksi jualan sebanyak RM48.1 juta, iaitu RM1.9 juta (4.1%) lebih tinggi berbanding tahun 2016 sebanyak RM46.2 juta.

5. Di antara tahun 2013 – 2017, kawasan BIMP-EAGA menerima seramai 88.2 juta pelancong. Jumlah pelancong ke kawasan ini telah meningkat sebanyak 22.2%, iaitu daripada 4.5 juta pelancong pada tahun 2016 kepada 5.5 juta pada tahun 2017. Peningkatan ini adalah hasil pelbagai program pembangunan kapasiti dalam sektor pelancongan. Contohnya, Program Ekopelancongan Berasaskan Komuniti (CBET) yang telah meningkatkan pendapatan melalui produk-produk pelancongan semulajadi di Kota Belud-Tuaran dan Kuala Penyu-Beaufort di Sabah serta Bekalalan-Bario di Sarawak.
6. BIMP-EAGA turut mengadakan perbincangan dengan Northern Territory of Australia selaku Rakan Pembangunan BIMP-EAGA bagi membangunkan pakej-pakej pelancongan seperti berikut:
- Pelancongan Berkonsepkan Pelayaran (*Cruise Tourism*) antara BIMP-EAGA dengan Northern Territory of Australia. Pada masa ini, laluan yang dicadangkan adalah Darwin – Bali – Jakarta – Kuching – Brunei Darussalam – Kota Kinabalu – Puerto Princessa – Manila – Singapore – Darwin; dan
 - Program Perkongsian Amalan Terbaik Berkenaan Pemeliharaan dan Pemuliharaan Tapak-Tapak Warisan Dunia UNESCO antara BIMP-EAGA dan Northern Territory. Pada masa ini, dua Tapak Warisan Dunia iaitu Taman Negara Kinabalu di Sabah and Taman Negara Mulu di Sarawak telah dicadangkan di bawah program ini dengan Taman Negara Uluru-Kata Tjuta, Australia dan Kakadu National Park, Australia.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
1 Julai 2019

NO. SOALAN : 112

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT (JERAI)

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

NO. SOALAN : 112

TUAN SABRI BIN AZIT (JERAI) Minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah Kementerian berhasrat menubuhkan unit pemantauan bagi keceriaan dan kebersihan Geopark Jerai yang telah diwartakan sebagai Geopark Negara.

JAWAPAN

Tuan yang di-Pertua

1. Geopark Jerai secara rasmi dimasyhurkan sebagai Geopark Kebangsaan pada 24 November 2018, sempena Istiadat Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah Ke-29. Geopark Jerai berkeluasan 800 kilometer persegi merangkumi dua daerah, iaitu Yan, di bawah pentadbiran Majlis Daerah Yan dan Kuala Muda, di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Sungai Petani.
2. Setelah dimasyhurkan sebagai Geopark Kebangsaan, Geopark Jerai ini berada dalam bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri Kedah. Ini termasuk hal-hal berkaitan dengan pengurusan Geopark Jerai itu sendiri merangkumi aspek pemantauan bagi keceriaan dan kebersihan Geopark Jerai, sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Jerai.
3. Pada masa ini, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) Kedah bersama Majlis Daerah Yan serta Majlis Perbandaran Sungai Petani merupakan ahli di dalam Jawatankuasa Pembangunan Geopark Jerai. Manakala Kementerian ini, melalui Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) Negeri Kedah/Perlis/Pulau Pinang terlibat sebagai ahli di dalam Jawatankuasa Pemuliharaan dan Saintifik Geopark Jerai.
4. Kementerian ini telah dimaklumkan oleh Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) Kedah bahawa kertas cadangan bagi penubuhan Jawatankuasa Geopark Jerai telah disiapkan pada

bulan Mei 2019 yang lalu dan sedang menunggu untuk diangkat ke
Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Kedah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL
RAHMAN
[PASIR SALAK]**

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 113

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan senarai nama projek-projek kecil dan besar yang telah dibatalkan atau ditangguh serta memperincikan kesannya kepada keadaan kemerosotan ekonomi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh Rolling Plan Ketiga (RP3) 2018, daripada sebanyak 4,609 projek yang telah diluluskan oleh Kerajaan dengan peruntukan pembangunan sebanyak RM46 billion. Kerajaan telah mengambil keputusan bahawa semua projek yang telah ditangguhkan dalam tempoh RP3 diteruskan pelaksanaannya. Ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan untuk segera merancang semula aktiviti ekonomi negara setelah semakan semula projek-projek yang belum dikeluarkan Surat Setuju Terima (SST) dimuktamadkan.
2. Kerajaan tidak bercadang untuk membatalkan atau menangguhkan sebarang projek pembangunan yang melibatkan kepentingan rakyat. Bagi tempoh Rolling Plan Keempat, 2019 sebanyak 4,820 buah projek yang telah diluluskan oleh Kerajaan dengan peruntukan sebanyak RM54,700,000,000. Projek-projek ini adalah projek yang meliputi pelbagai sektor dalam bidang pengangkutan dan infrastruktur, bekalan air/elektrik luar bandar, pendidikan, keselamatan, sosial serta penyelidikan dan pembangunan.

3. Kerajaan pada masa kini lebih memberi perhatian kepada pelaksanaan projek-projek yang memberi manfaat terus kepada rakyat dan berimpak tinggi. Ini termasuk projek seperti seperti membina atau menaiktaraf jalan raya, jambatan, bekalan air, bekalan elektrik, keselamatan, kesihatan, sekolah dan rumah ibadat.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

1 Julai 2019

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 01 JULAI 2019 (ISNIN)

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN

SOALAN : 114

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah untuk memperketat peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 dari dibocorkan termasuk menghalang peralatan digital dibawa masuk oleh mereka yang terlibat dalam sesuatu mesyuarat.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) telah mengeluarkan **Garis Panduan Larangan Penggunaan Telefon Bimbit Atau Lain-Lain Peralatan Komunikasi Dalam Mesyuarat Kerajaan** bagi mengekang dan menghalang sebarang penyalahgunaan sehingga boleh menjejaskan imej Kerajaan melalui penularan atau penyebaran maklumat rahsia rasmi sebelum sesuatu keputusan rasmi mesyuarat dikeluarkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
[SETIAWANGSA]

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 115

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan berkaitan 'middle income trap'. Apakah yang dilakukan Kerajaan dalam jangka masa sederhana dan panjang untuk keluar dari perangkap ini ketika negara-negara membangun mengambil banyak peluang-peluang industri pembuatan nilai rendah dan sederhana dan Malaysia belum bersaing secukupnya dalam pembuatan nilai tinggi.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, istilah "*middle-income trap*" telah ditakrifkan oleh Bank Dunia sebagai satu peringkat pembangunan di mana sesebuah ekonomi terperangkap di tahap pendapatan sederhana akibat pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan dan gagal untuk beralih ke tahap pendapatan yang lebih tinggi.
2. "*Middle income trap*" berlaku disebabkan tahap produktiviti yang rendah, pasaran modal yang terhad, kekurangan tenaga kerja berkemahiran tinggi serta tahap inovasi dan R&D yang rendah. Di samping itu, sebuah ekonomi yang mengalami "*middle income trap*" masih tidak bersedia untuk bersaing dengan negara berpendapatan tinggi dari segi kelebihan kemajuan teknologi dan juga tidak mampu bersaing dengan negara berpendapatan rendah dari segi kelebihan kos dalam sektor berintensifkan buruh seperti pembuatan.

3. Penentuan status negara berpendapatan tinggi adalah berasaskan tahap minimum pendapatan negara kasar (PNK) per kapita yang ditetapkan oleh Bank Dunia. Berdasarkan klasifikasi Bank Dunia pada tahun 2018, bagi negara yang berada dalam paras PNK per kapita antara AS\$996 hingga AS\$3,895 dikategorikan sebagai negara berpendapatan sederhana rendah, AS\$3,896 hingga AS\$12,055 dikategorikan sebagai negara berpendapatan sederhana tinggi dan AS\$12,055 ke atas sebagai negara berpendapatan tinggi.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia telah berjaya beralih dari status negara berpendapatan sederhana rendah kepada negara berpendapatan sederhana tinggi mulai tahun 1996. Bagi memastikan peralihan daripada ekonomi berpendapatan sederhana tinggi kepada ekonomi berpendapatan tinggi, Kerajaan telah menyemak semula sasaran di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11) untuk mencapai tahap negara berpendapatan tinggi, di mana Malaysia kini dijangka akan mencapai tahap negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2024.

5. Kerajaan telah menggariskan strategi dan inisiatif bagi mengukuhkan pertumbuhan sektor dan mereformasi struktur sepertimana yang digariskan dalam enam Tonggak Dasar KSP RMKe-11. Ia termasuk usaha untuk meningkatkan produktiviti buruh, memastikan pelaburan dan inovasi yang berkualiti, menyediakan infrastruktur berkualiti, mempercepat inovasi dan penerimgunaan teknologi serta mendorong industri untuk meningkatkan rantai nilai ke arah mencapai ekonomi yang mampan dan bersifat inklusif.

6. Sebagai kesinambungan, Kerajaan juga telah memperkenalkan Gagasan Kemakmuran Bersama yang akan menjadi falsafah dan tulang belakang kepada penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) yang proses penyediaannya telahpun bermula. Gagasan ini akan menitikberatkan dan mengutamakan kepentingan rakyat dan bukan hanya sekadar meningkatkan pertumbuhan ekonomi semata-mata. Penekanan kepada potensi yang dimiliki oleh bakat modal insan tempatan serta syarikat perusahaan kecil dan sederhana akan memastikan kekayaan negara dapat diagihkan secara lebih menyeluruh kepada semua lapisan masyarakat di samping meningkatkan pendapatan rakyat.

Usaha berterusan ini akan terus ditingkatkan bagi memastikan ekonomi rakyat dapat ditingkatkan serta kesejahteraan dan kekayaan negara dapat dikongsi bersama.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Objektif mencapai sebuah negara maju bukan sekadar bergantung kepada pencapaian ekonomi seperti negara berpendapatan tinggi semata-mata. Pencapaian pertumbuhan ekonomi mestilah seiring dengan pembangunan yang bersifat inklusif dan mampan supaya kesejahteraan rakyat meningkat setanding dengan peningkatan ekonomi. Malah, apa yang sama penting ialah aspek insaniah seperti nilai-nilai yang murni serta mempunyai sikap dan pemikiran sebagai sebuah masyarakat yang progresif. Pada masa yang sama, aspirasi untuk menjadi negara maju memerlukan Malaysia turut maju dalam pelbagai dimensi lain, seperti ekonomi, politik, budaya, alam sekitar, psikologi, rohani dan sosial.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

1 Julai 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHAN FOONG HIN
[KOTA KINABALU]**

TARIKH : 1 JULAI 2019

SOALAN : 116

TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pendaftar dalam Sistem eKasih di Sabah mengikut daerah-daerah dan mengikut kategori miskin tegar, miskin, pendapatan rendah, dan lain-lain. Apakah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang telah ditetapkan di Sabah bagi miskin tegar, miskin, pendapatan rendah dan lain-lain.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah membangunkan sistem eKasih sebagai satu pangkalan data kemiskinan nasional yang bertujuan untuk mendaftarkan golongan miskin di Malaysia dan mengklasifikasikan kepada kategori Miskin Tegar atau Miskin berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa melalui proses verifikasi di lapangan. Kriteria penetapan kategori kemiskinan adalah bergantung kepada jumlah pendapatan per kapita isi rumah dan berasaskan kepada formula perkiraan yang telah disediakan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan juga Jabatan Perangkaan Malaysia melalui Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2016 (*Household Income Survey 2016*). Terdapat tiga kategori status kemiskinan di dalam sistem eKasih iaitu miskin tegar, miskin dan terkeluar.

PGK 2016 bagi negeri Sabah adalah seperti jadual berikut:

Miskin (RM)						Miskin Tegar (RM)					
Bandar		Luar Bandar		Jumlah		Bandar		Luar Bandar		Jumlah	
Isi Rumah	Per Kapita	Isi Rumah	Per Kapita	Isi Rumah	Per Kapita	Isi Rumah	Per Kapita	Isi Rumah	Per Kapita	Isi Rumah	Per Kapita
1,154	262	1,215	255	1,176	259	684	150	791	161	723	154

SOALAN NO : 116

Statistik status kemiskinan eKasih bagi negeri Sabah mengikut daerah sehingga 26 Jun 2019 adalah seperti berikut:

Daerah	Miskin Tegar	Miskin	Terkeluar	Jumlah
Beaufort	630	965	1,129	2,724
Beluran	1,068	832	1,240	3,140
Keningau	685	937	1,762	3,384
Kinabatangan	381	465	792	1,638
Kota Belud	646	1,262	2,902	4,810
Kota Kinabalu	422	723	1,794	2,939
Kota Marudu	1,383	1,455	2,665	5,503
Kuala Penyu	376	431	622	1,429
Kudat	1,230	1,509	2,404	5,143
Kunak	165	194	847	1,206
Lahad Datu	305	396	803	1,504
Nabawan	1,148	842	1,112	3,102
Papar	408	782	2,121	3,311
Penampang	164	231	660	1,055
Pitas	1,308	1,272	2,582	5,162
Putatan	42	102	366	510
Ranau	1,011	998	1,183	3,192
Sandakan	822	1,112	3,293	5,227
Semporna	1,221	1,270	2,650	5,141
Sipitang	213	332	819	1,364
Tambunan	366	545	1,166	2,077
Tawau	562	1,578	3,019	5,159
Telupid	159	174	231	564
Tenom	879	912	1,355	3,146
Tongod	616	732	1,256	2,604
Tuaran	1,023	1,054	1,866	3,943
Jumlah	17,233	21,105	40,639	78,977

Berdasarkan rekod eKasih, sehingga 26 Jun 2019, seramai 78,977 Ketua Isi Rumah (KIR) telah berdaftar dengan eKasih di Sabah dan daripada jumlah tersebut seramai 17,233 orang KIR adalah di bawah kategori Miskin Tegar dan 21,105 orang KIR pula di bawah kategori Miskin. Manakala seramai 40,639 orang KIR adalah di bawah kategori Terkeluar.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI

JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,

PARLIMEN KEEMPAT BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]**

TARIKH : 1 JULAI 2019

MENJAWAB

SOALAN : 117

YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah kes yang didakwa di bawah Akta Anti Berita Tidak Benar 2018 dan berapa kes berkaitan dengan penyebaran berita palsu yang dilaporkan dan didakwa ke mahkamah dari Jun 2018 hingga Jun 2019 serta langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan kes penyebaran berita palsu yang semakin serius di Malaysia.

**JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

NO. SOALAN : 117

1. Sejak permulaan kuat kuasa Akta Antiberita Tidak Benar 2018 [Akta 803] pada 11 April 2018 sehingga Jun 2019, terdapat seorang sahaja lelaki rakyat Denmark yang telah dipertuduh di bawah seksyen 4 Akta Antiberita Tidak Benar 2018 di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur. Tertuduh telah mengaku salah dan dihukum penjara seminggu dan denda RM10,000.
2. Persoalan mengenai langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan kes penyebaran berita palsu yang semakin serius di negara ini merupakan urusan dasar yang perlu diputuskan oleh Kerajaan dan tindakan oleh pihak Kementerian yang berkaitan.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 01 JULAI 2019 (ISNIN)

**DARIPADA : TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
[SETIAWANGSA]**

SOALAN : 118

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status tindakan terhadap siasatan skandal '*land swap*' Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Kewangan dan Perolehan.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

SPRM telah menerima aduan berhubung isu *land swap* daripada pihak Kementerian Pertahanan dan mantan Menteri Pertahanan. Siasatan sedang dijalankan oleh SPRM dan setakat ini 2 orang bekas Menteri Pertahanan dan beberapa orang saksi telah dipanggil untuk membantu siasatan.

Siasatan kes ini agak kompleks dan akan mengambil masa untuk disiapkan. Namun begitu, sebarang perkembangan akan dimaklumkan kemudian selepas siasatan selesai dijalankan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG

SOALAN : 119

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) dan sama ada anggota polis patut memasang kamera video semasa menjalankan tindakan penguatkuasaan untuk mengurangkan rasuah di kalangan polis.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, Kerajaan dalam peringkat akhir menyediakan draf Rang Undang-undang (RUU) Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) dan draf RUU IPCMC dicadangkan untuk dibentangkan di Parlimen pada sesi persidangan Parlimen ini.
2. PDRM pada amnya bersetuju dengan pemasangan kamera video pada anggota polis semasa melaksanakan tugas penguatkuasaan untuk mengurangkan rasuah namun kos bagi perolehan kamera video

adalah tinggi dan memerlukan kos pengelenggaraan serta kos penyimpanan data video yang berterusan.

3. Dicadangkan agar kos berkenaan disalurkan pada keperluan penugasan PDRM yang mendesak seperti menukar dan menambah kenderaan kereta peronda polis (*Mobile Polis Vehicle*) di seluruh negara bagi memastikan penugasan dan penyampaian perkhidmatan polis kepada masyarakat lebih cepat dan menyeluruh.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR]**

TARIKH : **1 JULAI 2019 (ISNIN)**

SOALAN NO. 120

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapa kes kesalahan “GUNA LKM BAGI TUJUAN LAIN” tercatat di bawah polis trafik mengikut daerah. Apakah definisi barangan kegunaan komersil di bawah kesalahan ini yang tidak boleh diangkut oleh kenderaan biasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mengikut data yang diberikan oleh Kementerian Dalam Negeri, PDRM telah mengeluarkan sebanyak 23,957 saman dalam tempoh masa 10 tahun (bermula 1/1/2008 sehingga 31/12/2018) atas kesalahan salah guna LKM.
2. Di bawah Seksyen 2 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987, “kenderaan barangan” ditafsirkan sebagai “apa-apa benda termasuk ternakan yang dibawa atas atau di dalam suatu kenderaan motor bagi maksud apa-apa perdagangan atau perniagaan tetapi tidak termasuk-
 - (a) kelengkapan yang biasanya digunakan dengan kenderaan itu;

NO. SOALAN: 120

- (b) barang-barangan dagangan yang dibawa oleh seseorang di atas atau di dalam kenderaan itu semata-mata bagi maksud dipertunjukkan sebagai sampel; dan
- (c) barang-barang yang dibawa oleh seseorang di atas atau di dalam kenderaan itu untuk digunakan dalam menjalankan perdagangan, perniagaan atau profesionnya dan bukan untuk jualan.”

3. Seksyen 23(2) APJ 1987 memperuntukkan jika suatu Lesen Kenderaan Motor (LKM) telah diberi berkenaan dengan sesuatu kenderaan motor untuk digunakan bagi sesuatu maksud tertentu, dan kenderaan motor itu pada bila-bila masa dalam tempoh lesen itu berkuat kuasa digunakan bagi suatu maksud yang lain, orang yang menggunakan kenderaan motor itu atau menyebabkan atau membenarkan penggunaannya melakukan suatu kesalahan. Sekiranya disabitkan kesalahan, boleh didenda tidak kurang daripada satu ribu ringgit dan tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun.

STATISTIK KESALAHAN LKM MENGIKUT NEGERI OLEH PDRM 2008 - 2018

Bil	Kontinjen	Jumlah Saman Dikeluarkan
1	Johor	4,690
2	Kedah	1,979
3	Kelantan	355
4	Kuala Lumpur	3,784
5	Labuan	2
6	Melaka	158
7	Negeri Sembilan	550
8	Pahang	943
9	Perak	471
10	Perlis	14
11	Pulau Pinang	700
12	Sabah	266

13	Sarawak	118
14	Selangor	9,832
15	Terengganu	95
Jumlah		23,957

**STATISTIK PENGELUARAN SAMAN NOTIS JPJ(P)22 BAGI KESALAHAN SALAH
GUNA LKM 2016 - MEI 2019**

NEGERI	2016	2017	2018	2019 (MEI)	JUMLAH
Johor	211	223	258	286	978
Kedah	232	338	246	81	897
Kelantan	19	5	56	2	82
Melaka	28	26	6	9	69
Negeri Sembilan	36	28	27	20	111
Pahang	31	43	35	13	122
Pulau Pinang	219	163	176	71	629
Perak	86	90	46	25	247
Perlis	2	1	0	2	5
Selangor	291	142	251	180	864
Terengganu	6	13	11	47	77
Sabah	68	30	27	25	150
Sarawak	13	5	6	1	25
W.P Kuala Lumpur	265	120	121	38	544
W.P Labuan	16	4	8	4	32
W.P Putrajaya	7	2	12	5	26
Jumlah	1,530	1,233	1,286	809	4,858

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI
PANGLIMA HAJI MOHD DUN [BEAUFORT]
TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 121

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan dalam menangani isu jenayah yang dilakukan oleh pendatang asing yang kini semakin menjadi-jadi khususnya di Sabah.

JAWAPAN: YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL
TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Pesalah jenayah berstatus PATI tidak terlepas daripada perundangan negara dan akan menerima hukuman setimpal dengan kesalahan mengikut keputusan mahkamah. Pihak penguatkuasa seperti PDRM telah menjalankan tugas bagi membentaras jenayah tidak mengira status kewarganegaran penjenayah. Pihak PDRM negeri Sabah juga telah mempertingkatkan usaha membendung isu jenayah diseluruh daerah dengan melaksanakan operasi cegah jenayah di kawasan tumpuan yang melibatkan kehadiran PATI.

2. Bagi pesalah berstatus PATI yang telah tamat hukuman di negeri Sabah, pesalah berkenaan akan ditempatkan di Pusat Tahanan Sementara untuk proses pengusiran ke negara asal.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 122

Minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan adakah Kerajaan akan berusaha menaik taraf 'Radio Communication' di mana 'Reception' di antara pilot dan ATC yang tidak sempurna di kawasan-kawasan tertentu.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, masalah radio komunikasi di antara juruterbang dan kakitangan kawalan trafik udara (ATC) yang tidak sempurna boleh disebabkan oleh beberapa perkara. Antaranya adalah kerana kerosakan peralatan radio, peralatan radio yang telah usang, lokasi radio yang tidak sesuai dan juga jumlah trafik yang sedang berkomunikasi pada sesuatu masa.
2. Semasa RMK-10, kerja menaiktaraf peralatan radio komunikasi ini telah dilakukan dengan penukaran peralatan-peralatan radio

komunikasi yang telah usang di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Dari masa ke masa juga, penambahbaikan turut dilakukan dengan kadar segera sekiranya terdapat aduan daripada juruterbang ataupun daripada kakitangan ATC yang bertugas. Penambahbaikan segera seperti 'on-site repair' dan penukaran lokasi peralatan radio komunikasi tersebut ke lokasi yang lebih sesuai turut dilakukan bagi mengatasi sebarang masalah radio komunikasi yang berlaku.

3. Dalam projek Pusat Kawalan Trafik Udara Baharu yang dijangka akan siap pada tahun 2020, penukaran beberapa peralatan radio yang telah usang, penambahan peralatan radio baharu di lokasi baru dan penempatan semula peralatan radio ke lokasi yang lebih sesuai turut dilakukan bagi meningkatkan perkhidmatan komunikasi radio ini. Selain daripada dapat menampung jumlah komunikasi radio bagi trafik yang semakin bertambah, kualiti komunikasi radio juga dijangkakan dapat ditambah baik setelah operasi kawalan trafik udara dilakukan Pusat Kawalan Trafik Udara Baharu ini.